

**HUBUNGAN PERDAGANGAN ANTARA SINGAPURA
DENGAN ASIA BARAT: PERANAN GULF
COOPERATION COUNCIL, 1981-2013**

TAN CHEW YI

**JABATAN SEJARAH
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2016

**HUBUNGAN PERDAGANGAN ANTARA SINGAPURA DENGAN
ASIA BARAT: PERANAN GULF COOPERATION COUNCIL,
1981-2013**

**TAN CHEW YI
(AGD130001)**

**DISERTASI INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA SASTERA
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA**

**JABATAN SEJARAH
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2016

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: TAN CHEW YI

No. Pendaftaran/Matrik: AGD 130001

Nama Ijazah: SARJANA SASTERA

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja Ini"): HUBUNGAN PERDAGANGAN ANTARA SINGAPURA DENGAN ASIA BARAT: PERANAN GULF COOPERATION COUNCIL, 1981-2013

Bidang Penyelidikan: SEJARAH ASIA TENGGARA

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- 1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- 2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- 3) Apa-apa penggunaan mana-mana Hasil Kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk Hasil Kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- 4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta Hasil Kerja yang lain;
- 5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- 6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta Hasil Kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh

Nama:

Jawatan:

ABSTRAK

Kajian ini memberi tumpuan kepada hubungan perdagangan antara Singapura dengan Asia Barat, khususnya peranan Gulf Cooperation Council (GCC) dari tahun 1981 hingga tahun 2013. Kajian ini melihat hubungan antara Singapura dengan GCC dari segi hubungan perdagangan yang dijalankan melalui misi perdagangan, kerjasama perdagangan, perjanjian yang dimeterai dan statistik perdagangan di bawah tiga orang Perdana Menteri Singapura, iaitu Lee Kuan Yew, Goh Chok Tong dan Lee Hsien Loong. Kajian ini mempunyai tiga objektif. Objektif pertama kajian ini adalah untuk menjelaskan sejarah perdagangan awal antara Singapura dengan Asia Barat sebelum penubuhan GCC pada tahun 1981. Objektif kedua adalah untuk mengkaji corak dan perubahan dalam misi perdagangan antara Singapura dengan Asia Barat, khususnya GCC di bawah era pentadbiran Lee Kuan Yew, Goh Chok Tong dan Lee Hsien Loong. Objektif ketiga adalah untuk menganalisis kerjasama perdagangan antara Singapura dengan Asia Barat, khususnya GCC di bawah era pentadbiran Lee Kuan Yew, Goh Chok Tong dan Lee Hsien Loong. Kaedah kajian perpustakaan digunakan bagi mendapatkan bahan bagi kajian ini. Antara sumber primer yang digunakan ialah surat khabar, berita, kenyataan akhbar, laporan berkala, ucapan, perjanjian dan rekod statistik, manakala sumber sekunder yang dirujuk ialah buku, artikel, kertas kerja persidangan dan disertasi. Sumber diperoleh melalui Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Negara Singapura, laman web Arkib Negara Singapura, laman web Jabatan Statistik Singapura dan juga laman web lain yang berkaitan. Hasil kajian menunjukkan bahawa hubungan perdagangan antara Singapura dengan Asia Barat, khususnya GCC adalah erat. Hal ini ditonjolkan melalui misi perdagangan dua hala antara Singapura dengan Asia Barat dan juga jumlah perjanjian perdagangan yang ditandatangani khususnya semasa era pentadbiran Lee Hsien Loong. Kejatuhan harga minyak dan konflik di GCC tidak menjejaskan hubungan perdagangan antara Singapura dengan GCC. Selain misi

perdagangan, langkah-langkah seperti mempamerkan barangan buatan Singapura di GCC, mempromosikan status halal makanan yang dihasilkan di Singapura serta menunjukkan kepakaran Singapura dalam bidang seperti teknologi air, perkapalan dan kejuruteraan turut diambil untuk menarik pelabur dari GCC. Selain itu, persamaan antara Singapura dengan Asia Barat juga menarik perhatian pelabur GCC untuk bekerjasama dengan Singapura. Kajian juga menunjukkan bahawa Singapura menitikberatkan GCC sebagai rakan perdagangan yang penting. Hal ini ditonjolkan apabila Singapura yang kebanyakannya bukan beragama Islam berusaha memajukan industri makanan halal sehinggalah sijil halal Singapura diakui oleh negara-negara GCC.

University of Malaya

ABSTRACT

This research studies the relationship between Singapore and West Asia, particularly the role of Gulf Cooperation Council (GCC), between 1981 and 2013, by looking into trade relationship established through trade missions, areas of cooperation, agreements sealed and trade statistics during the era of each Prime Minister of Singapore i.e. Lee Kuan Yew, Goh Chok Tong and Lee Hsien Loong. For this research, there are three objectives. The first objective of this study is to explain the history of early trade between Singapore and West Asia before the establishment of GCC in year 1981. Next, to study the pattern and changes in trade mission between Singapore and West Asia, especially GCC during the era of Lee Kuan Yew, Goh Chok Tong and Lee Hsien Loong. Lastly, to analyse trade cooperation between Singapore and West Asia, especially GCC, during the era of Lee Kuan Yew, Goh Chok Tong and Lee Hsien Loong. Library research method is used throughout the study. Primary sources used include newspaper, news, press release, occasional report, speech, agreement and statistical record while secondary sources used include book, article, conference working paper and dissertation. Sources used are obtained from the University of Malaya Library, the National Library Singapore, website of the National Archives of Singapore, website of the Singapore Department of Statistics and other relevant sources. This research highlights the close trade relationship between Singapore and West Asia, particularly GCC. This is visible through the two-way trade missions between Singapore and GCC and also the number of trade agreements sealed especially during the administration of Lee Hsien Loong. Oil crisis and conflict in GCC does not hold back trade relationship between Singapore and GCC. Besides carrying out trade missions, Singapore has also exhibited Her products in GCC, promoted Halal foods produced by Singapore companies as well as shown Her talent in fields such as water technology, shipping and engineering in order to attract investors from GCC. Besides that,

similarities between Singapore and GCC has also led to the cooperation between Singapore and GCC. The research also shows that Singapore stresses the importance of having GCC as one of Her most important trading partners. One significant incident is when Singapore, together with its Muslim minority group, ventured into Halal food industry.

University of Malaya

PENGHARGAAN

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia saya, Dr. Abu Hanifah Haris yang sanggup meluangkan masa, memberi tunjuk ajar, cadangan dan nasihat yang berharga kepada saya dalam proses menyiapkan disertasi ini.

Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada kakitangan Perpustakaan Universiti Malaya yang telah membantu saya mendapatkan bahan untuk penulisan terutamanya kakitangan yang telah membantu saya mendapatkan bahan dari *compactus room*. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada kakitangan Perpustakaan Negara Singapura yang memberi tunjuk ajar tentang cara menggunakan mikrofilem dan juga kakitangan yang membantu saya mendapatkan mikrofilem yang diperlukan.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada MyBrain yang menaja yuran pengajian saya di peringkat sarjana di Universiti Malaya.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada majikan saya yang mengizinkan saya untuk mengikut waktu bekerja yang fleksibel serta mengizinkan saya memohon cuti untuk urusan pelajaran.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli keluarga dan kawan-kawan saya yang sentiasa memberikan sokongan moral kepada saya.

TAN CHEW YI
Jabatan Sejarah
Fakulti Sastera dan Sains Sosial
Universiti Malaya
2016

ISI KANDUNGAN

| | |
|--|-----------|
| Abstrak | iii |
| Abstract | v |
| Penghargaan | vii |
| Isi Kandungan | viii |
| Senarai Peta | xi |
| Senarai Jadual | xii |
| Senarai Kependekan | xiii |
| Senarai Lampiran | xvi |
| | |
| PENDAHULUAN | 1 |
| Pengenalan | 1 |
| Persoalan Kajian | 3 |
| Objektif Kajian | 4 |
| Skop Kajian | 4 |
| Kepentingan Kajian | 6 |
| Kajian Literatur | 7 |
| Metodologi Kajian | 11 |
| Organisasi Kajian | 12 |
| Kesimpulan | 14 |
| | |
| BAB SATU: LATAR BELAKANG SINGAPURA DAN GULF COOPERATION COUNCIL (GCC) | 15 |
| Pengenalan | 15 |
| Sejarah Awal Singapura | 16 |
| Kegiatan Ekonomi dan Perdagangan di Singapura | 21 |
| Sistem Pentadbiran dan Sosial di Singapura | 28 |
| Perdagangan Awal antara Singapura dengan Asia Barat | 30 |
| Latar Belakang Gulf Cooperation Council (GCC) | 37 |
| Kesimpulan | 43 |
| | |
| BAB DUA: HUBUNGAN PERDAGANGAN SINGAPURA-GCC DI BAWAH PENTADBIRAN LEE KUAN YEW (1981-1990) | 45 |
| Pengenalan | 45 |

| | |
|--|----|
| Misi Perdagangan antara Singapura dengan GCC | 46 |
| Statistik Perdagangan antara Singapura dengan Asia Barat | 56 |
| Kerjasama Perdagangan antara Singapura dengan GCC | 61 |
| Sektor Penerbangan | 61 |
| Sektor Perkapalan | 63 |
| Sektor Kewangan dan Perbankan | 64 |
| Sektor Pembuatan | 66 |
| Sektor Teknologi | 69 |
| Sektor Kejuruteraan | 70 |
| Sektor Industri Minyak | 71 |
| Kesimpulan | 72 |

**BAB TIGA: HUBUNGAN PERDAGANGAN SINGAPURA-GCC DI BAWAH
PENTADBIRAN GOH CHOK TONG (1990-2004)** 74

| | |
|--|----|
| Pengenalan | 74 |
| Misi Perdagangan antara Singapura dengan GCC | 75 |
| Statistik Perdagangan antara Singapura dengan Asia Barat | 83 |
| Kerjasama Perdagangan antara Singapura dengan GCC | 87 |
| Sektor Penerbangan | 87 |
| Sektor Perkapalan | 90 |
| Sektor Kewangan | 91 |
| Sektor Pembuatan | 93 |
| Sektor Industri Minyak | 94 |
| Sektor Teknologi | 94 |
| Sektor Pelancongan | 95 |
| Kesimpulan | 96 |

**BAB EMPAT: HUBUNGAN PERDAGANGAN SINGAPURA-GCC DI BAWAH
PENTADBIRAN LEE HSIEN LOONG (2004-2013)** 98

| | |
|--|-----|
| Pengenalan | 98 |
| Misi Perdagangan antara Singapura dengan GCC | 99 |
| Statistik Perdagangan antara Singapura dengan Asia Barat | 108 |
| Kerjasama Perdagangan antara Singapura dengan GCC | 112 |
| Sektor Kewangan dan Perbankan | 112 |
| Sektor Teknologi | 114 |

| | |
|--|-----|
| Sektor Perkhidmatan Kesihatan | 117 |
| Sektor Pendidikan | 118 |
| Sektor Penerbangan | 118 |
| Sektor Pembuatan Makanan | 119 |
| Sektor Industri Minyak dan Bahan Kimia | 119 |
| Sektor Awam | 120 |
| Perjanjian Perdagangan Bebas antara Singapura dengan GCC (GSFTA) | 121 |
| Kesimpulan | 123 |
| | |
| KESIMPULAN | 125 |
| BIBLIOGRAFI | 136 |
| LAMPIRAN | 147 |

University of Malaya

SENARAI PETA

| | | |
|--------|---|-------|
| Peta 1 | Peta Singapura | xvii |
| Peta 2 | Peta Gulf Cooperation Council (GCC) | xviii |

University of Malaya

SENARAI JADUAL

| | | |
|------------|--|-----|
| Jadual 1.1 | Nilai dagangan Singapura dengan Teluk Parsi bagi tahun 1834-1869 (dalam unit Dolar Sepanyol) | 22 |
| Jadual 1.2 | Komposisi kaum di Singapura bagi tahun 1980 | 30 |
| Jadual 1.3 | Komposisi agama di Singapura bagi tahun 1980 | 30 |
| Jadual 2.1 | Nilai eksport Singapura mengikut kawasan bagi tahun 1981-1990 (dalam unit juta Dolar Singapura) | 57 |
| Jadual 2.2 | Nilai import Singapura mengikut kawasan bagi tahun 1981-1990 (dalam unit juta Dolar Singapura) | 57 |
| Jadual 2.3 | Nilai eksport Singapura ke GCC bagi tahun 1981-1990 (dalam unit juta Dolar Singapura) | 59 |
| Jadual 2.4 | Nilai import Singapura dari GCC bagi tahun 1981-1990 (dalam unit juta Dolar Singapura) | 59 |
| Jadual 3.1 | Nilai eksport Singapura mengikut kawasan bagi tahun 1991-2003 (dalam unit juta Dolar Singapura) | 84 |
| Jadual 3.2 | Nilai import Singapura mengikut kawasan bagi tahun 1991-2003 (dalam unit juta Dolar Singapura) | 84 |
| Jadual 3.3 | Nilai eksport Singapura ke GCC bagi tahun 1991-2003 (dalam unit juta Dolar Singapura)..... | 86 |
| Jadual 3.4 | Nilai import Singapura dari GCC bagi tahun 1991-2003 (dalam unit juta Dolar Singapura) | 86 |
| Jadual 4.1 | Nilai eksport Singapura mengikut kawasan bagi tahun 2004-2013 (dalam unit juta Dolar Singapura) | 108 |
| Jadual 4.2 | Nilai import Singapura mengikut kawasan bagi tahun 2004-2013 (dalam unit juta Dolar Singapura)..... | 109 |
| Jadual 4.3 | Nilai eksport Singapura ke GCC bagi tahun 2004-2013 (dalam unit juta Dolar Singapura) | 110 |
| Jadual 4.4 | Nilai import Singapura dari GCC bagi tahun 2004-2013 (dalam unit juta Dolar Singapura) | 110 |

SENARAI KEPENDEKAN

| | |
|--------|---|
| ABC | <i>Arab Business Centre</i> |
| ADCCI | <i>Abu Dhabi Chamber of Commerce and Industry</i> |
| ADSJF | <i>Abu Dhabi-Singapore Joint Forum</i> |
| AME | <i>Albwardy Marine Engineering</i> |
| AMED | <i>Asia Middle East Dialogue</i> |
| BANOCO | <i>Bahrain National Oil Company</i> |
| CAAS | <i>Civil Aviation Authority of Singapore</i> |
| CAIT | <i>Central Agency for Information Technology</i> |
| CIAS | <i>Changi International Airport Services</i> |
| CRTA | <i>Cross-Regional Trade Agreement</i> |
| CSCCI | <i>Council of Saudi Chambers of Commerce and Industry</i> |
| DCC | <i>Dubai Chamber of Commerce</i> |
| DCCI | <i>Dubai Chamber of Commerce and Industry</i> |
| DTA | Perjanjian Cukai Dua Kali |
| dwt | <i>deadweight tonnage</i> |
| EAFTA | <i>East Asia Free Trade Agreement</i> |
| EDB | <i>Economic Development Board</i> |
| ERP | Sistem Kadar Bayaran Elektronik |
| EU | Kesatuan Eropah |
| FDI | <i>Foreign Direct Investment</i> |
| F&N | <i>Fraser and Neave</i> |
| FTA | Perjanjian Perdagangan Bebas |
| GAC | <i>Gulf Agency Company</i> |
| GCC | <i>Gulf Cooperation Council</i> |
| GLC | <i>Government-Linked Companies</i> |
| GSFTA | Perjanjian Perdagangan Bebas antara Singapura dengan GCC |
| ICT | Teknologi Maklumat dan Komunikasi |
| IDA | <i>Infocomm Development Authority</i> |
| IE | <i>International Enterprise Singapore</i> |
| IGA | Perjanjian Jaminan Pelaburan |
| ITA | <i>Information Technology Authority</i> |
| KCCI | <i>Kuwait Chamber of Commerce and Industry</i> |
| KPC | <i>Kuwait Petroleum Corp</i> |

| | |
|-------|--|
| MAS | <i>Monetary Authority of Singapore</i> |
| MEBES | <i>Third Business Equipment, Communication and Computer Show</i> |
| MEBG | <i>Middle East Business Group</i> |
| MK | Menteri Kanan |
| MM | Menteri Mentor |
| MOU | Memorandum Persefahaman |
| MPA | <i>Maritime and Port Authority of Singapore</i> |
| MUIS | Majlis Ugama Islam Singapura |
| ND | Nombor Dokumen |
| NIE | <i>National Institute of Education</i> |
| OCCI | <i>Oman Chamber of Commerce and Industry</i> |
| OPEC | <i>Organization of the Petroleum Exporting Countries</i> |
| OSA | Perjanjian Ruang Udara Terbuka |
| PAP | <i>People's Action Party</i> |
| PM | Perdana Menteri |
| QCC | <i>Qatar Chamber of Commerce</i> |
| QSBF | <i>Qatar-Singapore Business Forum</i> |
| RCCI | <i>Riyadh Chamber of Commerce and Industry</i> |
| SACCI | <i>Singapore-Arab Chamber of Commerce and Industry</i> |
| SATS | <i>Singapore Airport Terminal Services</i> |
| SBF | <i>Singapore Business Federation</i> |
| SCCI | <i>Saudi Chamber of Commerce and Industry</i> |
| SCCCI | <i>Singapore Chinese Chamber of Commerce and Industry</i> |
| SCE | <i>Singapore Cooperation Enterprise</i> |
| SE | <i>Sembawang Engineering</i> |
| SFCCI | <i>Singapore Federation of Chambers of Commerce and Industry</i> |
| SHTI | Syarikat Hindia Timur Inggeris |
| SMA | <i>Singapore Manufacturers' Association</i> |
| SMCC | <i>Singapore Malay Chamber of Commerce</i> |
| SMCCI | <i>Singapore Malay Chamber of Commerce and Industry</i> |
| SMF | <i>Singapore Manufacturing Federation</i> |
| SML | <i>Sembawang Maritime Limited</i> |
| SMU | <i>Singapore Management University</i> |
| SNOC | <i>Singapore National Oil Company</i> |
| SOCM | <i>Singapore-Oman Council Meeting</i> |

| | |
|------|--|
| SPC | <i>Singapore Petroleum Company</i> |
| SSBC | <i>Saudi-Singapore Business Council</i> |
| STPB | <i>Singapore Tourism Promotion Board</i> |
| STC | <i>Singapore Trade Centre</i> |
| TDB | <i>Trade Development Board</i> |
| UAE | <i>United Arab Emirates</i> |
| UBAF | <i>Union Banque Arabes et Francaises</i> |
| URA | <i>Urban Redevelopment Authority</i> |

University of Malaya

SENARAI LAMPIRAN

| | | |
|------------|---|-----|
| Lampiran 1 | Timbalan Menteri UAE, Sheikh Hamdan bin Zayed al-Nahyan bertemu dengan Timbalan Perdana Menteri Singapura, Jayakumar | 147 |
| Lampiran 2 | Pengarah Urusan Monetary Authority of Singapore, Heng Swee Keat berjabat tangan dengan Gabenor Central Bank of Bahrain, H. E. Rasheed M. al-Maraj dalam perjanjian MOU di Bahrain | 148 |
| Lampiran 3 | Perjanjian Perdagangan Bebas antara Singapura dengan GCC (GSFTA) | 149 |

University of Malaya

PETA 1


Peta Singapura



Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada Mark Beeson (ed.), *Contemporary Southeast Asia*, London: Palgrave Macmillan, 2008, hlm. xvi. Peta menunjukkan kedudukan Singapura di kawasan Asia Tenggara. Singapura terletak di hujung Semenanjung Malaysia.

PETA 2

Peta Gulf Cooperation Council (GCC)



Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada Saul S. Friedman, *A History of the Middle East*, United States of America: Mc Farland & Company, 2006, hlm. hadapan. Peta menunjukkan kedudukan Arab Saudi sebagai negara yang terbesar di GCC. Anggota GCC yang lain terletak di sebelah kanan Arab Saudi. Anggota GCC terdiri daripada Arab Saudi, Kuwait, Bahrain, Qatar, UAE dan Oman.

PENDAHULUAN

Pengenalan

Hubungan antara Singapura dengan Asia Barat terjalin sejak abad ke-9 apabila orang Arab mula berdagang ke Alam Melayu. Jumlah orang Arab yang berdagang ke Singapura menjadi ketara apabila kedatangan orang Arab ke Singapura dialu-alukan oleh Stamford Raffles selepas pembukaan Singapura oleh beliau. Sesetengah orang Arab mengambil keputusan untuk menetap di Singapura dan mewujudkan perkampungan mereka di situ. Kebanyakan masyarakat Arab di Singapura adalah berketurunan Hadrami. Masyarakat Arab di Singapura menceburi bidang yang berkaitan dengan ibadah haji, barangan pengguna dan hartanah sebelum Perang Dunia Kedua. Pembabitan dalam bidang ini mencerminkan hubungan awal antara Singapura dengan Asia Barat. Hubungan antara Singapura dengan Asia Barat masih terjalin selepas pemisahan Singapura daripada Malaysia pada tahun 1965. Misi perdagangan telah dihantar ke Asia Barat untuk menerokai peluang perniagaan. Pada bulan Mei 1974, misi perdagangan Singapura ke Asia Barat yang pertama yang diketuai oleh Menteri Kewangan Singapura telah dihantar ke Mesir, *United Arab Emirates* (UAE), Qatar, Bahrain, Kuwait, Lubnan dan Iraq. *Singapore Manufacturers' Association* (SMA) juga telah memulakan misi perdagangan ke Asia Barat pada tahun 1970-an.

Dalam kalangan anggota Asia Barat, hubungan antara Singapura dengan anggota GCC adalah lebih erat. Arab Saudi dan UAE merupakan rakan perdagangan utama Singapura dalam kalangan GCC dengan nilai eksport mencatatkan S\$1,545 ribu juta dan S\$7,021 ribu juta masing-masing pada tahun 2013. Nilai eksport ke Arab Saudi dan UAE sahaja telah mencatatkan 72 peratus daripada jumlah eksport ke Asia Barat pada tahun 2013. Pada tahun 2013, Singapura dan GCC telah memeterai Perjanjian Perdagangan Bebas antara Singapura dengan GCC (GSFTA) yang menandakan puncak

kerjasama ekonomi antara kedua-dua pihak. Singapura merupakan negara bukan Asia Barat pertama yang memeterai Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dengan GCC.

Singapura dan GCC bekerjasama dalam pelbagai bidang seperti kewangan, perkapalan, makanan, teknologi air, teknologi maklumat dan industri minyak. Pengeksportan makanan halal memainkan peranan dalam pengeksportan Singapura ke GCC walaupun populasi umat Islam di Singapura adalah kecil sahaja. Nilai eksport makanan halal dari Singapura ke Asia Barat telah meningkat sebanyak 30 peratus kepada \$249 juta pada tahun 1989 berbanding dengan tahun 1988. Pasaran makanan halal yang besar di Asia Barat yang besar menarik minat Singapura untuk menceburi bidang ini. Kepakaran Singapura dalam bidang teknologi air dan teknologi maklumat juga diakui oleh GCC. *Sembcorp*, sebuah syarikat Singapura berjaya mendapatkan kontrak untuk membina *Salalah Independent Water and Power Plant* di Oman pada tahun 2009. Singapura dan Kuwait pula bekerjasama dalam mewujudkan e-Kerajaan untuk kerajaan Kuwait. Selain itu, Singapura yang merupakan salah satu pusat penapisan minyak yang terbesar di dunia sejak tahun 1970-an menjadi salah satu sebab Asia Barat bekerjasama dengan Singapura dalam industri minyak. Kepakaran Singapura dalam bidang-bidang ini telah menarik minat Asia Barat untuk bekerjasama dengan Singapura walaupun kebanyakan penduduk Singapura bukan beragama Islam. Asia Barat yang kaya dengan modal pula menjadi faktor Singapura menawarkan kepakaran tersebut kepada Asia Barat. Tambahan pula, Asia Barat memerlukan kepakaran tersebut daripada Singapura.

Berikutan hubungan yang semakin erat antara Singapura dengan Asia Barat, kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara Singapura dengan Asia Barat dari segi perdagangan. Tumpuan adalah kepada GCC disebabkan hubungan yang erat antara Singapura dengan GCC. Latar belakang Singapura dan latar belakang GCC dibincangkan sebagai latar belakang kepada kajian ini. Seterusnya, hubungan

perdagangan awal antara Singapura dengan GCC serta hubungan perdagangan antara Singapura dengan GCC di bawah pentadbiran tiga Perdana Menteri Singapura, iaitu Lee Kuan Yew, Goh Chok Tong dan Lee Hsien Loong juga dikaji.

Persoalan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menilai sejauh manakah corak hubungan perdagangan antara Singapura dengan Asia Barat, khususnya anggota GCC berubah di bawah era pentadbiran tiga orang Perdana Menteri Singapura iaitu Lee Kuan Yew, Goh Chok Tong dan Lee Hsien Loong. Tumpuan kepada bidang kerjasama yang berbeza dalam era pentadbiran yang berlainan mewujudkan perubahan corak hubungan perdagangan antara Singapura dengan GCC.

Kajian ini juga akan meninjau apakah strategi yang digunakan oleh kerajaan Singapura bagi menarik pelabur dari Asia Barat khususnya anggota GCC. Selain strategi yang digunakan oleh kerajaan Singapura, kajian ini juga akan meninjau apakah faktor-faktor lain yang menarik minat negara Asia Barat, khususnya anggota GCC untuk menjalinkan hubungan perdagangan dengan Singapura.

Persoalan lain yang ingin diketengahkan ialah adakah kejatuhan harga minyak dan konflik di Asia Barat menjejaskan hubungan perdagangan antara Singapura dengan Asia Barat, khususnya anggota GCC. Kejatuhan harga minyak dan konflik di Asia Barat menjejaskan ekonomi GCC. Justeru, kajian ini akan meninjau sama ada keadaan ekonomi di GCC mempengaruhi hubungan perdagangan antara Singapura dengan GCC.

Objektif Kajian

Penyelidikan ini mempunyai tiga objektif, iaitu:

1. Menjelaskan sejarah perdagangan awal antara Singapura dengan Asia Barat sebelum penubuhan GCC. Penelitian terhadap hubungan perdagangan awal antara Singapura dengan Asia Barat dapat menunjukkan kesinambungan hubungan perdagangan antara Singapura dengan Asia Barat sebelum dan selepas penubuhan GCC.
2. Mengkaji corak dan perubahan dalam misi perdagangan antara Singapura dengan Asia Barat, khususnya GCC di bawah era pentadbiran tiga orang Perdana Menteri Singapura iaitu Lee Kuan Yew, Goh Chok Tong dan Lee Hsien Loong. Dengan meneliti corak misi perdagangan di bawah era pentadbiran Perdana Menteri yang berlainan, perkembangan hubungan perdagangan antara Singapura dengan GCC dapat dilihat.
3. Menganalisis kerjasama perdagangan antara Singapura dengan Asia Barat, khususnya GCC di bawah era pentadbiran tiga orang Perdana Menteri Singapura, iaitu Lee Kuan Yew, Goh Chok Tong dan Lee Hsien Loong. Dengan menganalisis kerjasama perdagangan di bawah era pentadbiran Perdana Menteri yang berlainan, tumpuan kerjasama dalam era pentadbiran yang berlainan dapat ditonjolkan.

Skop Kajian

Kajian ini memberi fokus kepada hubungan perdagangan antara Singapura dengan Asia Barat sahaja. Istilah “Asia Barat” diwujudkan untuk menggantikan istilah “Timur

Tengah” yang bersifat eurosentrik.¹ Hal ini disebabkan “Timur Tengah” dikatakan dilihat dari kaca mata negara Barat, iaitu berada di sebelah timur negara Barat. Istilah “Timur Tengah” diperkenalkan oleh seorang tentera Amerika Syarikat, iaitu Alfred Thayer Mahan. Namun begitu, negara-negara dalam kawasan Timur Tengah tidak diberikan definisi yang jelas dan kawasan Timur Tengah dikatakan melingkungi kawasan dari Terusan Suez sehingga ke Singapura.² Konsep Timur Tengah kemudiannya dikembangkan oleh seorang penulis, iaitu Valentine Chirol yang mendefinisikan Timur Tengah sebagai kawasan merangkumi India, Parsi, Gulf, Iraq, kawasan sebelah timur Arab, Afghanistan dan Tibet.³ Dalam sebuah laporan yang dikeluarkan oleh United Nations, Asia Barat didefinisikan sebagai kawasan yang merangkumi Yaman, GCC, Iraq, Jordan, Lubnan, Palestin dan Syria.⁴

Kajian ini memberi tumpuan kepada GCC yang merupakan sebahagian daripada Asia Barat disebabkan hubungan perdagangan antara Singapura dengan anggota GCC adalah lebih ketara dalam kalangan anggota Asia Barat. GCC meliputi enam anggota Asia Barat, iaitu Arab Saudi, Kuwait, UAE, Oman, Bahrain dan Qatar. Hubungan perdagangan antara Singapura dengan setiap anggota GCC juga turut dibincangkan dalam kajian ini.

Tahun kajian bermula dari tahun 1981 hingga tahun 2013. Kajian ini dimulakan pada tahun 1981 disebabkan GCC ditubuhkan pada tahun 1981. Memandangkan hubungan perdagangan antara Singapura dengan GCC adalah lebih ketara berbanding dengan negara-negara Asia Barat yang lain, kajian ini memberi fokus kepada hubungan perdagangan antara Singapura dengan GCC sejak penubuhan GCC lagi. Kajian ini ditamatkan sehingga tahun 2013 apabila Perjanjian GSFTA dikuatkuasakan secara

¹ Hamid Ansari, “West Asia: The Imperative to Comprehend the Direction of Change” dalam Rajendra Madhukar Abhyankar (ed.), *West Asia and the Region: Defining India’s Role*, New Delhi: Academic Foundation, 2008, hlm. 67.

² Roderic H. Davison, “Where is the Middle East?” *Foreign Affairs*, Vol. 38, No. 4, 1960, hlm. 667.

³ Ibid., hlm. 668.

⁴ United Nations Environment Programme Fifth Global Environment Outlook (GEO-5) Assessment Report, Malta: Progress Press Ltd, 2012, hlm. 375.

rasmi pada tahun tersebut. Perjanjian GSFTA merupakan perjanjian perdagangan bebas antara Singapura dengan GCC. Perjanjian ini membolehkan 99 peratus daripada barangan eksport dari Singapura ke GCC dikecualikan tarif. Sijil halal yang dikeluarkan oleh Singapura juga diiktiraf dalam perjanjian ini. Pengecualian tarif dan pengiktirafan sijil halal Singapura oleh GCC dapat meningkatkan nilai eksport dari Singapura ke GCC. Tambahan pula, perjanjian ini menunjukkan puncak hubungan perdagangan antara Singapura dengan GCC.

Kajian ini juga memberi tumpuan kepada hubungan perdagangan antara Singapura dengan Asia Barat, khususnya anggota GCC di bawah pentadbiran tiga Perdana Menteri Singapura, iaitu Lee Kuan Yew, Goh Chok Tong dan Lee Hsien Loong sahaja. Tumpuan diberikan kepada tiga Perdana Menteri Singapura bagi melihat corak dan perubahan dalam hubungan perdagangan antara Singapura dengan GCC serta strategi yang digunakan oleh kerajaan Singapura dalam mewujudkan dan mengembangkan hubungan perdagangan dengan GCC.

Kepentingan Kajian

Kajian ini penting kerana dapat menunjukkan bahawa terdapat kesinambungan hubungan perdagangan antara Singapura dengan Asia Barat sebelum dan selepas penubuhan GCC pada tahun 1981. Hubungan perdagangan antara Singapura dengan anggota-anggota GCC kurang dikaji oleh sarjana-sarjana lain.

Kajian ini juga penting kerana dapat menunjukkan hubungan perdagangan yang erat antara Singapura dengan GCC selepas penubuhan GCC pada tahun 1981. Perkembangan hubungan perdagangan dengan GCC selepas tahun 1981 di bawah era pentadbiran tiga Perdana Menteri Singapura dapat dilihat melalui kajian ini.

Selain itu, kajian ini juga memaparkan keunikan Singapura sehinggalah dapat menarik perhatian GCC untuk berdagang dengan Singapura. Walaupun umat Islam

merupakan golongan minoriti di Singapura, tetapi kesungguhan Singapura dalam penghasilan produk halal dan pengeluaran sijil halal menyakinkan pelabur GCC tentang makanan yang dikeluarkan oleh Singapura. Kepakaran Singapura dalam bidang teknologi maklumat juga menarik perhatian GCC untuk mendapatkan kepakaran daripada Singapura bagi mewujudkan sistem e-kerajaan di Kuwait dan Qatar.

Kajian Literatur

Setakat ini belum terdapat kajian khusus yang pernah dijalankan mengenai hubungan perdagangan antara Singapura dengan Asia Barat, khususnya GCC antara tahun 1981 hingga tahun 2013. Namun begitu, terdapat beberapa penulisan yang dapat memberikan maklumat yang bermanfaat bagi memantapkan lagi kajian ini.

Terdapat sarjana yang mengkaji hubungan antara Singapura dengan Asia Barat dalam aspek ekonomi. Antaranya ialah kajian yang dijalankan oleh Wilfred How, Caroline Yeoh dan Sharmaine Neo bertajuk “Asia in the Middle East: The Internationalization of Singapore Private Firms into the GCC”.⁵ Bagi memaparkan keadaan sebenar firma persendirian Singapura di GCC, pengkaji telah memberikan tiga kajian kes berdasarkan tiga rangka yang dikemukakan. Walaupun penglibatan Singapura dalam GCC ada dibincangkan dari segi ekonomi, namun tumpuan adalah pada firma persendirian dan hubungan yang ditunjukkan adalah berbentuk satu hala. Wilfred How, Caroline Yeoh dan Joses Wong pula telah membincangkan penglibatan *Government-Linked Companies* (GLC) dalam GCC.⁶ Fokus dalam perbincangan ini adalah pada bidang hartanah dan isu serta cabaran yang dihadapi dalam bidang ini.

⁵ Wilfred How Pow Ngee, Caroline Yeoh dan Sharmaine Neo Si Min, “Asia in the Middle East: The Internationalization of Singapore Private Firms into the GCC”, *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, Vol. 2, No. 10, 2012, hlm. 542-553.

⁶ Wilfred How Pow Ngee, Caroline Yeoh dan Joses Wong, “Singapore Venture into the Gulf: Undiscovered Treasure or Empty Pot?” *Journal of Economics and Behavioral Studies*, Vol. 3, No. 5, 2011, hlm. 317-325.

Selain itu, Wilfred How dan Caroline Yeoh telah memberi tumpuan kepada kajian berkaitan Bahrain dan UAE dalam kajian bertajuk “A New Frontier in Internationalization: Singapore’s Gambits in the Middle East”.⁷ Dalam kajian yang bertajuk “Internationalization into the GCC: Singapore in Retrospect”, Wilfred How, Caroline Yeoh dan Chong Hong Hao telah membincangkan keadaan di Kuwait, Oman, Bahrain, Qatar, Arab Saudi dan UAE serta cabaran yang dihadapi oleh pelabur Singapura di negara-negara tersebut.⁸ Walaupun kajian yang dilakukan oleh Wilfred How, Caroline Yeoh dan sarjana-sarjana lain telah meliputi semua anggota GCC dan perbincangan mereka meliputi firma persendirian dan GLC, namun perbincangan mereka agak ringkas. Justeru, kajian ini akan mengembangkan lagi idea dalam perbincangan mereka.

Selain hubungan dari segi ekonomi, terdapat sarjana yang telah membincangkan hubungan antara Singapura dengan Asia Barat dari segi pertahanan. Mohd Shukri Hj Mohd Ghazali telah mengkaji tentang hubungan pertahanan antara Singapura dengan Israel dalam disertasi beliau.⁹ Kajian beliau agak menyeluruh dan meliputi pelbagai aspek termasuk dasar pertahanan Singapura dan Israel, hubungan pertahanan antara kedua-dua negara, serta cabaran dan prospek hubungan antara Singapura dengan Israel. Dengan mengkaji hubungan antara kedua-dua buah negara ini daripada pelbagai sudut, pengkaji telah berjaya menonjolkan keunikan hubungan Singapura dan Israel yang tergolong sebagai negara kecil. Walaupun beliau telah menunjukkan hubungan dua hala antara Singapura dengan Asia Barat, namun hubungan dari segi ekonomi cuma dibincangkan sepintas lalu. Kajian ini akan memberi tumpuan kepada bidang ekonomi

⁷ Wilfred How Pow Ngee dan Caroline Yeoh, “A New Frontier in Internationalization: Singapore’s Gambits in the Middle East”, *Research Collection Lee Kong Chian School of Business*, 2008, diakses pada 22 Nov. 2014, daripada http://ink.library.smu.edu.sg/lkcsb_research/1125.

⁸ Wilfred How Pow Ngee, Caroline Yeoh dan Chong Hong Hao, “Internationalization into the GCC: Singapore in Retrospect”, *Research Collection Lee Kong Chian School of Business*, 2012, diakses pada 22 Nov. 2014, daripada http://ink.library.smu.edu.sg/lkcsb_research/3271.

⁹ Mohd Shukri Hj Mohd Ghazali, “Hubungan Pertahanan Singapura-Israel”, Disertasi M. A., Universiti Malaya, 2012.

berbanding dengan kajian Mohd Shukri yang memberi tumpuan kepada bidang pertahanan.

Selain itu, terdapat juga pengkaji yang mengkaji FTA yang dimeterai oleh Singapura dan negara-negara lain. Teofilo C. Daquila dan Le Huu Huy telah mengkaji FTA yang dimeterai oleh Singapura.¹⁰ Pengkaji telah membincangkan FTA Singapura daripada beberapa aspek positif dan negatif tentang FTA Singapura, sebab-sebab Singapura mengamalkan polisi perdagangan dua hala, dan masalah yang dihadapi oleh Singapura dalam melaksanakan FTA. Pengkaji telah mengemukakan kajian kes tentang FTA yang ditandatangani oleh Singapura dengan New Zealand (ANZSCEP), Jepun (JSEPA) dan Amerika Syarikat (USSFTA) sebagai tambahan kepada perbincangan mereka. Namun begitu, FTA yang melibatkan Singapura dengan Asia Barat tidak dibincangkan.

L. Low merupakan seorang lagi sarjana yang mengkaji FTA Singapura.¹¹ Kajian beliau menunjukkan bagaimana aspek ekonomi dan politik Singapura dikaitkan dengan kepentingan *Cross-Regional Trade Agreement (CRTA)*. Bagi memberikan gambaran yang lebih menyeluruh, pengkaji telah membincangkan *intra-Asian* FTA seperti FTA yang ditandatangani dengan India dan Korea serta *East Asia FTA* (EAFTA). Namun begitu, L. Low tidak membincangkan FTA yang melibatkan Singapura dengan Asia Barat.

Terdapat juga sarjana yang membincangkan dasar luar Singapura. Christopher M. Dent telah membincangkan dasar ekonomi Singapura daripada pelbagai aspek termasuklah perkembangan ekonomi Singapura, polisi ekonomi yang dilaksanakan dan juga peranan yang dimainkan oleh beberapa perbadanan seperti Trade Development

¹⁰ Teofilo C. Daquila dan Le Huu Huy, "Singapore and ASEAN in the Global Economy: The Case of Free Trade Agreements", *Asian Survey*, Vol. 43, No. 6, 2003, hlm. 908-928.

¹¹ L. Low, "A Case Study of Singapore's Bilateral and Cross-Regional Free Trade Agreements" dalam Saori N. Katada dan Mireya Solis (ed.), *Cross Regional Trade Agreements: Understanding Permeated Regionalism in East Asia*, New York: Springer Berlin Heidelberg, 2008, hlm. 47-69.

Board (TDB) dan Monetary Authority of Singapore (MAS).¹² Mazlan Zulkifly pula telah membincangkan dasar luar Singapura dari tahun 1965 hingga tahun 1992 dalam aspek keselamatan, politik dan ekonomi dalam disertasi beliau.¹³ Kedua-dua sarjana ini telah membincangkan dasar Singapura dengan agak menyeluruh dan tempoh perbincangan adalah luas namun hubungan dengan Asia Barat tidak dibincangkan. Justeru, kajian ini akan mengisi kekosongan ini.

Selain itu, beberapa sarjana telah memberi tumpuan kepada hubungan Singapura dengan negara-negara Asia. Lee Tai To telah membincangkan hubungan Singapura dengan Asia Timur.¹⁴ Tumpuan beliau adalah hubungan ekonomi dengan Jepun, China dan Korea sahaja. Lau Teik Soon pula telah membincangkan hubungan Singapura dengan ASEAN dalam aspek ekonomi, politik dan keselamatan.¹⁵ Perbincangan beliau agak menyeluruh dan meliputi pendirian dan persepsi Singapura terhadap ASEAN. Bagi mengkaji dasar luar Singapura dalam rantau Asia Tenggara, hubungan Singapura dengan jiran terdekatnya iaitu Malaysia tidak boleh diabaikan. K. S. Nathan telah mengimbas kembali hubungan antara kedua-dua pihak ini dan mengemukakan cabaran dan prospek dalam mengekalkan hubungan ini.¹⁶ Perbincangan K. S. Nathan adalah lebih khusus terhadap konflik antara Singapura dengan Malaysia dari tahun 1960-an hingga awal tahun 2000-an. Namun begitu, ketiga-tiga sarjana ini tidak mengkaji hubungan Singapura dengan Asia Barat. Justeru, kajian ini akan melengkapkan lagi perbincangan hubungan Singapura dengan Asia dengan membincangkan hubungan Singapura dengan Asia Barat.

¹² Christopher M. Dent, *The Foreign Economic Policies of Singapore, South Korea and Taiwan*, Gloucestershire: Edward Elgar Publishing Limited, 2002, hlm. 61-131.

¹³ Mazlan Zulkifly, "Dasar Luar Singapura (1965-1992)", Disertasi M. A., Universiti Malaya, 1999.

¹⁴ Lee Tai To, "Singapore and East Asia" dalam Peter Chen S. J. (ed.), *Singapore Development Policies and Trends*, Selangor: Oxford University Press, 1983, hlm. 335-359.

¹⁵ Lau Teik Soon, "Singapore and ASEAN" dalam Peter Chen S. J. (ed.), *Singapore Development Policies and Trends*, Selangor: Oxford University Press, 1983, hlm. 285-300.

¹⁶ K. S. Nathan, "Malaysia-Singapore Relations: Retrospect and Prospect", *Contemporary Southeast Asia*, Vol. 24, No. 2, 2002, hlm. 385-410.

Berdasarkan kajian literatur tersebut, belum terdapat kajian khusus berkenaan hubungan perdagangan antara Singapura dengan Asia Barat, khususnya GCC di bawah era pentadbiran tiga orang Perdana Menteri Singapura, iaitu Lee Kuan Yew, Goh Chok Tong dan Lee Hsien Loong. Oleh yang demikian, kajian ini diharap dapat mengisi ruang kosong berkaitan hubungan perdagangan antara Singapura dengan Asia Barat.

Metodologi Kajian

Kaedah kajian yang digunakan adalah berbentuk kualitatif, iaitu kaedah kajian perpustakaan. Sumber primer dan sumber sekunder digunakan sepanjang penyelidikan. Antara sumber primer yang digunakan ialah surat khabar, berita, kenyataan akhbar, laporan berkala, ucapan, perjanjian dan rekod statistik.

Keratan akhbar, berita dan kenyataan akhbar merupakan antara sumber primer utama yang dirujuk. Kebanyakan keratan akhbar diperoleh melalui laman web “Newspaper SG” dan juga mikrofilem yang terdapat di Perpustakaan Negara Singapura. Antara akhbar yang dirujuk ialah *Eastern Daily Mail and Straits Morning Advertiser*, *New Nation*, *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser (1884-1942)*, *The Singapore Free Press*, *The Straits Times*, *The Business Times*, *Today*, *Singapore Monitor* dan *Berita Harian*.

Kebanyakan kenyataan akhbar diperoleh melalui laman web Arkib Negara Singapura. Kenyataan akhbar juga diperoleh melalui laman web lain seperti “<https://www.ida.gov.sg>” dan “<http://www.mfa.gov.sg>”. Berita, laporan berkala dan ucapan pula diperoleh melalui laman web seperti “<http://www.albawa.com>”, “<http://www.sbf.org.sg>”, “<http://www.sce.gov.sg>” dan “<http://www.unep.org>”.

Perjanjian antara Singapura dengan GCC seperti “*Agreement between the Government of the Republic of Singapore and the Government of the United Arab Emirates for the Avoidance of Double Taxation*” dirujuk melalui laman web “Inland

Revenue Authority of Singapore” yang bernaung di bawah Kementerian Kewangan Singapura.

Rekod statistik tentang nilai dagangan awal antara Singapura dengan Asia Barat didapati daripada buku “The Trade of Singapore 1819-1869” yang didapati melalui Perpustakaan Universiti Malaya. Rekod statistik untuk nilai dagangan selepas tahun 1981 pula didapati melalui laman web Jabatan Statistik Singapura.

Selain sumber primer, sumber sekunder juga digunakan. Contoh sumber sekunder yang dirujuk ialah buku, artikel, kertas kerja persidangan dan disertasi. Penggunaan sumber sekunder penting untuk memberi maklumat tentang latar belakang Singapura dan GCC selain dapat memberi maklumat sokongan kepada sumber primer.

Organisasi Kajian

Kajian ini mempunyai empat bab keseluruhannya, tidak termasuk pendahuluan dan kesimpulan. Pendahuluan memuatkan maklumat asas berkaitan kajian seperti Persoalan Kajian, Objektif Kajian, Skop Kajian, Kepentingan Kajian, Metodologi Kajian dan Organisasi Kajian. Selain itu, pendahuluan turut memuatkan Kajian Literatur yang dapat memberi pelbagai maklumat bagi memantapkan lagi penulisan disertasi ini.

Bab Satu membincangkan sejarah awal Singapura khususnya sebelum tahun 1981 serta kegiatan ekonomi dan perdagangan di Singapura sejak tahun 1819 iaitu selepas pembukaan Singapura oleh Stamford Raffles. Sistem pentadbiran dan sosial di Singapura selepas kemerdekaan Singapura pada tahun 1965 juga dibincangkan secara ringkas. Seterusnya, hubungan perdagangan awal antara Singapura dengan Asia Barat sebelum tahun 1981 turut dibincangkan. Perbincangan tentang hubungan perdagangan awal ini dibahagikan kepada hubungan sebelum pemisahan Singapura dari Malaysia dan juga selepas pemisahan Singapura dari Malaysia. Latar belakang GCC dari segi sejarah penubuhan dan kegiatan ekonomi GCC juga dibincangkan.

Bab Dua membincangkan hubungan perdagangan antara Singapura dengan GCC di bawah era pentadbiran Lee Kuan Yew. Bab ini membincangkan peranan yang dimainkan oleh pihak kerajaan, dewan perniagaan dan perbadanan Singapura dalam mewujudkan peluang perdagangan dengan GCC melalui misi perdagangan yang dijalankan. Peranan yang dimainkan oleh pihak GCC turut dibincangkan. Statistik perdagangan antara Singapura dengan Asia Barat juga diteliti. Kerjasama perdagangan antara Singapura dengan GCC turut dibincangkan.

Bab Tiga membincangkan hubungan perdagangan antara Singapura dengan GCC di bawah era pentadbiran Goh Chok Tong. Perbincangan tentang era pentadbiran Goh Chok Tong memperlihatkan usaha berterusan yang diambil oleh Singapura bagi mengekalkan dan memperkukuhkan lagi hubungan dengan GCC. Peranan yang dimainkan oleh kerajaan, dewan perniagaan dan perbadanan, serta kerjasama perdagangan dan statistik perdagangan antara Singapura dengan Asia Barat turut dibincangkan.

Bab Empat membincangkan hubungan perdagangan antara Singapura dengan GCC di bawah era pentadbiran Lee Hsien Loong. Perbincangan tentang era pentadbiran Lee Hsien Loong memperlihatkan hubungan yang semakin erat antara Singapura dengan GCC dengan meneliti misi perdagangan antara Singapura dengan GCC, statistik perdagangan antara Singapura dengan Asia Barat serta Perjanjian Perdagangan Bebas antara Singapura dengan GCC (GSFTA). Kerjasama perdagangan yang menjadi tumpuan era pentadbiran Lee Hsien Loong turut dibincangkan.

Kesimpulan merupakan bahagian terakhir dalam kajian ini. Bahagian ini memuatkan rumusan berkaitan perbincangan yang telah dimuatkan di dalam bab-bab yang lepas dan menganalisis perkaitan antara setiap bab terutamanya Bab Dua, Bab Tiga dan Bab Empat. Persamaan dan perbezaan ketiga-tiga era dibincangkan.

Kesimpulan

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan perdagangan antara Singapura dengan Asia Barat, khususnya GCC di bawah era pentadbiran tiga Perdana Menteri Singapura, iaitu Lee Kuan Yew, Goh Chok Tong dan Lee Hsien Loong. Oleh itu, skop kawasan kajian dihadkan kepada Singapura dan Asia Barat, khususnya GCC. Tempoh kajian pula adalah dari tahun 1981 hingga tahun 2013.

Berdasarkan penelitian terhadap kajian literatur, belum terdapat kajian khusus berkenaan hubungan perdagangan antara Singapura dengan Asia Barat, khususnya GCC di bawah era pentadbiran tiga Perdana Menteri Singapura. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat mengisi kekosongan ini dan justeru dapat menunjukkan hubungan perdagangan yang erat antara Singapura dengan GCC serta menunjukkan kepentingan GCC sebagai rakan perdagangan Singapura yang utama.

Kajian perpustakaan dijalankan sepanjang penyelidikan. Sumber primer dan sumber sekunder dirujuk. Sumber diperoleh melalui Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Negara Singapura, laman web Arkib Negara Singapura, laman web “Newspaper SG” di bawah Perpustakaan Negara Singapura, laman web “Inland Revenue Authority of Singapore” di bawah Kementerian Kewangan Singapura dan juga laman web lain.

Kajian ini dibahagikan kepada empat bab, tidak termasuk pendahuluan dan kesimpulan. Bab Satu menjelaskan latar belakang Singapura dan Asia Barat serta hubungan perdagangan awal antara kedua-dua pihak. Bab Dua, Bab Tiga dan Bab Empat membincangkan hubungan perdagangan antara Singapura dengan Asia Barat, khususnya GCC di bawah era pentadbiran Perdana Menteri Singapura Lee Kuan Yew, Goh Chok Tong dan Lee Hsien Loong.

BAB SATU

LATAR BELAKANG SINGAPURA DAN GULF COOPERATION COUNCIL (GCC)

Pengenalan

Bab ini membincangkan sejarah awal Singapura sebelum pembukaan Singapura oleh Stamford Raffles dan selepas pembukaan Singapura oleh beliau sehingga tahun 1965. Pembukaan Singapura pada tahun 1819 membuka lembaran baru kepada sejarah Singapura dalam perdagangan dunia. Singapura menjadi sebahagian daripada Negeri-negeri Selat pada tahun 1826, dan seterusnya menjadi Tanah Jajahan British pada tahun 1946 sebelum berkerajaan sendiri pada tahun 1959 dan mencapai kemerdekaan sepenuhnya pada tahun 1965.

Kegiatan ekonomi dan perdagangan di Singapura turut dibincangkan. Singapura menjadi pusat pertukaran barangan import dan eksport dari tahun 1819 hingga tahun 1900. Bijih timah, getah dan petroleum merupakan komoditi utama Singapura dari tahun 1880 hingga tahun 1960. Singapura mula mempelbagaikan ekonomi pada tahun 1950-an supaya tidak hanya bergantung kepada kegiatan pengeksporan.

Sistem pentadbiran dan sosial di Singapura selepas kemerdekaan Singapura pada tahun 1965 dibincang sepintas lalu sebelum hubungan awal antara Singapura dengan Asia Barat dibincangkan. Hubungan awal antara Singapura dengan Asia Barat wujud apabila golongan Hadrami dari Yaman berdagang di Singapura terutamanya selepas pembukaan Singapura oleh Stamford Raffles. Hubungan perdagangan dengan Asia Barat diteruskan selepas kemerdekaan Singapura pada tahun 1965.

Seterusnya, latar belakang GCC dari segi penubuhan GCC dan ekonomi GCC dibincangkan. Disebabkan sumber minyak yang tidak boleh diperbaharui, anggota-anggota GCC khasnya Bahrain dan Oman yang akan kehabisan sumber dalam masa yang singkat lebih giat dalam mempelbagaikan ekonomi.

Sejarah Awal Singapura

Singapura moden diwujudkan pada tahun 1819 dan kemerdekaan dicapai secara sepenuhnya pada tahun 1965. Terdapat pelbagai catatan tentang kewujudan Singapura sebelum tahun 1819. Namun begitu, catatan-catatan tersebut adalah tidak sempurna dan sejarah awal kewujudan Singapura tidak dapat dikenal pasti secara tepat. Namun begitu, terdapat beberapa rekod awal yang berkemungkinan telah pun menyebut tentang kewujudan Singapura. Catatan oleh seorang ahli geografi Yunani, iaitu Ptolemy menyebut tentang kewujudan pelabuhan “Sabara” di Golden Khersonese pada abad ke-2. Golden Khersonese merupakan kawasan yang paling selatan di Asia, manakala Sabara mungkin merujuk kepada Singapura. Seorang utusan China, iaitu Kang Tai mencatatkan tentang kewujudan “Pu Luo Chung” pada abad ke-3 yang berkemungkinan merujuk kepada Pulau Ujong, iaitu pulau di bahagian paling hujung di Semenanjung Tanah Melayu. Singapura juga mungkin dicatatkan sebagai “Mait” dalam catatan pelayar Arab pada abad ke-9. Pelayar Itali Marco Polo pula mencatatkan tentang “Chiamassie” yang berkemungkinan merujuk kepada Temasik, iaitu Singapura.¹

Bukti awal mengenai kewujudan Singapura yang tidak menimbulkan perdebatan ialah catatan Nagarakretagama bertarikh 1365 yang menyebut Singapura

¹ C. M. Turnbull, *A History of Singapore 1819-1975*, Singapore: Oxford University Press, 1985, hlm. 1-2. Istilah “Temasik” wujud dalam catatan *Nagarakretagama* yang ditulis pada tahun 1365. Istilah “Temasik” juga wujud dalam catatan Jawa pada abad ke-15. Istilah ini juga telah disebut dalam *Sejarah Melayu* yang ditulis pada tahun 1535. Catatan awal oleh pelayar China mencatatkan pencerobohan Siam ke atas Tan-Ma-Hsi yang berkemungkinan merujuk kepada Temasik. Lihat Hsu Yun Tsiao, “Singapore in the Remote Past”, *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. 45, No. 1, 1972, hlm. 1.

sebagai “Temasik”. Nama “Singapura” digunakan sejak hujung abad ke-14, namun asal usul nama tersebut masih menjadi tanda tanya.² *Sejarah Melayu* menyebut tentang pembukaan Singapura oleh Sang Nila Utama. Sang Nila Utama dikatakan ternampak binatang yang dianggap sebagai singa kerana rupa dan ketangkasan binatang tersebut menyerupai singa. Pengikut Sang Nila Utama berpendapat bahawa tempat tersebut adalah baik kerana mempunyai binatang yang gagah. Justeru, Sang Nila Utama mengambil keputusan untuk membina kota di sana dan menamakan tempat tersebut sebagai “Singapura”. Singapura dikatakan berkembang pesat selepas pembukaan oleh Sang Nila Utama.³ Namun begitu, orang Cina dan Jawa masih menyebut Singapura sebagai “Temasik” sehingga abad ke-15.⁴

Penguasaan Stamford Raffles ke atas Singapura bermula pada 6 Februari 1819 apabila satu perjanjian ditandatangani oleh Sultan Hussein dan Temenggung Johor bagi mengizinkan Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) untuk membuka penempatan di Singapura. Selain Stamford Raffles, William Farquhar juga terlibat dalam pembukaan Singapura. William Farquhar dijadikan sebagai residen pertama di Singapura dan bertanggungjawab kepada Stamford Raffles yang merupakan Leftenan Gabenor di Bengkulu. Penguasaan ke atas Singapura oleh Stamford Raffles adalah untuk menyekat perluasan kuasa Belanda.⁵ Namun begitu, pengambilan Singapura oleh Stamford Raffles menimbulkan pertikaian antara British dengan Belanda sehinggalah Perjanjian Inggeris-Belanda yang ditandatangani antara British dengan Belanda dan perjanjian *Treaty of Friendship and Alliance* yang ditandatangani antara SHTI, Sultan Hussein dan Temenggung Johor pada tahun 1824 menjadikan Singapura sebagai milik kekal British.⁶

² Ibid., hlm. 2.

³ W. G. Shellabear (ed.), *Sejarah Melayu*, Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1977, hlm. 28-29.

⁴ C. M. Turnbull, *A History of Singapore 1819-1975*, hlm. 4

⁵ Ibid., hlm. 9-10. Terdapat pertelingkahan tentang waris Sultan Johor, iaitu Sultan Mahmud Shah III yang layak ditabalkan sebagai Sultan Johor kerana Sultan Mahmud III tidak melantik pewaris takhta sebelum mangkat. Stamford Raffles mengambil langkah untuk mengiktiraf Sultan Hussein sebagai waris yang sah bagi memudahkan pengambilan Singapura daripada Johor.

⁶ Ibid., hlm. 29.

John Crawfurd menggantikan William Farquhar sebagai residen Singapura dari tahun 1823 hingga tahun 1826. Singapura dikatakan berkembang pesat ketika pentadbiran John Crawfurd. Populasi dan keuntungan daripada perdagangan telah meningkat secara mendadak.⁷ Stamford Raffles, William Farquhar dan John Crawfurd memainkan peranan yang penting dalam perancangan bandar di Singapura pada tahap awal dan juga membentuk polisi perdagangan bebas di Singapura.

Pada tahun 1826, Singapura, Melaka dan Pulau Pinang disatukan di bawah pentadbiran Negeri-negeri Selat.⁸ Dari tahun 1823 hingga tahun 1867, pentadbiran di Singapura dikawal oleh pentadbir British dari India. Pentadbiran di Singapura kemudiannya diambil alih oleh Pejabat Koloni di London pada tahun 1867.⁹ Bandar dan pelabuhan di Singapura terus berkembang pesat. Perkembangan perdagangan dan kekurangan buruh menyebabkan kemasukan imigran secara besar-besaran.¹⁰ Populasi di Singapura telah meningkat daripada 53,000 orang pada tahun 1850 kepada 82,000 orang pada tahun 1860, dan daripada 420,000 orang pada tahun 1931 kepada 770,000 orang pada tahun 1941.¹¹ Kebanyakan imigran di Singapura terdiri daripada orang Cina.¹² Kemasukan imigran telah mewujudkan masyarakat majmuk di Singapura.

Selepas Perang Dunia Kedua, Singapura dipisahkan daripada pentadbiran di Tanah Melayu dan dijadikan Tanah Jajahan British pada tahun 1946. Pihak British memisahkan Singapura daripada Tanah Melayu disebabkan kepentingan Singapura sebagai pelabuhan bebas dan pusat pertahanan.¹³ Populasi di Singapura yang kebanyakannya masyarakat Cina juga merupakan salah satu faktor Singapura

⁷ Ibid.

⁸ Ibid., hlm. 34.

⁹ N. R. Ryan, *A History of Malaysia and Singapore*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1976, hlm. 131. Tindakan pentadbir dari India untuk menghantar banduan ke Negeri-negeri Selat, menghapuskan polisi perdagangan bebas Singapura dan menggantikan Dolar Selat dengan Rupi India menimbulkan ketidakpuasan penduduk dan pedagang di Negeri-negeri Selat. Justeru, Pejabat Koloni di London diminta untuk mengambil alih pentadbiran di Negeri-negeri Selat.

¹⁰ Ibid., hlm. 139.

¹¹ Ibid., hlm. 203.

¹² Ibid., hlm. 137.

¹³ C. M. Turnbull, *A History of Singapore 1819-1975*, hlm. 220.

dipisahkan daripada Tanah Melayu kerana populasi Cina di Singapura akan mempengaruhi kedudukan orang Melayu sebagai kaum majoriti.¹⁴

Bancian yang dibuat pada tahun 1947 menunjukkan bahawa sebilangan besar penduduk Singapura yang lahir di Singapura ingin berkerajaan sendiri. Hal ini menyebabkan Pejabat Koloni di London memulakan rancangan untuk membolehkan Singapura berkerajaan sendiri secara beransur-ansur dengan mengembangkan badan eksekutif dan perundangan di Singapura. *Singapore Progressive Party* telah ditubuhkan pada tahun 1947 bagi menghadapi pilihan raya pada tahun 1948. Parti ini mendapat sokongan daripada golongan profesional yang berpendidikan Barat.¹⁵ Sebagai persediaan untuk menghadapi pilihan raya pada tahun 1955, *Labour Front Party* dan *People's Action Party* (PAP) telah dibentuk untuk menyaingi *Progressive Party*. *Labour Front Party* mendapat sokongan daripada kumpulan berhaluan kiri yang bersifat sederhana dan juga kesatuan sekerja, manakala PAP adalah bersifat sosialis dan antikoloni. *Labour Front Party* telah memenangi pilihan raya yang diadakan dan David Marshall yang merupakan pemimpin *Labour Front Party* diminta untuk membentuk kerajaan. Beliau menjadi Perdana Menteri Singapura yang pertama pada tahun 1955.¹⁶ Namun begitu, David Marshall mempunyai kuasa yang sangat terhad. David Marshall berusaha untuk menuntut supaya Singapura diberikan kuasa untuk berkerajaan sendiri. Perbincangan beliau dengan British tentang berkerajaan sendiri pada tahun 1956 gagal kerana British enggan melepaskan kuasa British dalam keselamatan dalam negara Singapura. Beliau seterusnya meletak jawatan dan digantikan oleh Lim Yew Hock.¹⁷ PAP memenangi 43 daripada 51 kerusi yang dipertandingkan dalam pilihan raya pada

¹⁴ N. R. Ryan, *A History of Malaysia and Singapore*, hlm. 283.

¹⁵ C. M. Turnbull, *A History of Singapore 1819-1975*, hlm. 235-236.

¹⁶ N. R. Ryan, *A History of Malaysia and Singapore*, hlm. 285.

¹⁷ *Ibid.*, hlm. 286.

tahun 1959. Lee Kuan Yew yang merupakan setiausaha kepada PAP diminta untuk mewujudkan kerajaan.¹⁸

Akhirnya, Singapura mula berkerajaan sendiri di bawah pentadbiran PAP pada tahun 1959. Kabinet baru yang ditubuhkan terdiri daripada Lee Kuan Yew, Toh Chin Chye, Goh Keng Swee dan Rajaratnam yang menjadi teras kerajaan. William Goode yang menjadi Yang di-Pertuan Agong Singapura yang pertama digantikan oleh Yusof bin Ishak pada tahun 1959.¹⁹ Parlimen dan perlembagaan yang dibentuk adalah berasaskan kepada parlimen dan perlembagaan di England.

Selepas berjaya menuntut untuk berkerajaan sendiri, kerajaan Singapura bawah kepimpinan PAP berusaha ke arah menuntut kemerdekaan. PAP merancang untuk bekerjasama dengan kerajaan Tanah Melayu demi mencapai kemerdekaan. Penyatuan dengan Tanah Melayu juga dapat memastikan kelangsungan ekonomi Singapura kerana pada tahun 1959, Singapura masih belum beralih kepada ekonomi berasaskan industri dan Singapura bergantung kepada perdagangan antarabangsa serta perdagangan komoditi dari Tanah Melayu.²⁰ Justeru, adalah perlu untuk menyatu dengan Tanah Melayu bagi mengekalkan kestabilan ekonomi.

Singapura menjadi sebahagian daripada penubuhan Malaysia pada tahun 1963. Singapura menyerahkan kuasa ke atas hal ehwal luar negara, pertahanan dan keselamatan dalam negeri kepada kerajaan pusat Malaysia, manakala kuasa terhadap kewangan, buruh dan pendidikan kekal menjadi kuasa Singapura.²¹ Namun begitu, Singapura hanya kekal selama dua tahun dalam Malaysia. Percanggahan dalam kepentingan ekonomi dan perbezaan pendapat dalam soal politik telah mencetuskan pemisahan Singapura daripada Malaysia. Singapura menjadi sebuah negara yang

¹⁸ Ibid., hlm. 288.

¹⁹ C. M. Turnbull, *A History of Singapore 1819-1975*, hlm. 272.

²⁰ Ibid., hlm. 275.

²¹ Ibid., hlm. 283.

merdeka pada 8 Ogos 1965 dan negara-negara seperti British, Australia, New Zealand dan Amerika Syarikat mengakui kemerdekaan republik baru tersebut.²²

Singapura telah bergiat aktif dalam hal ehwal antarabangsa sebelum mencapai kemerdekaan sepenuhnya pada tahun 1965 dan hal ini membolehkan Singapura untuk ‘terus hidup’ apabila terpisah daripada Malaysia.²³ Singapura boleh dikatakan tidak mempunyai sumber semula jadi yang boleh dieksploitasikan. Jadi, adalah penting bagi Singapura untuk mengekalkan hubungan yang baik dengan negara-negara lain bagi mendapatkan barangan dagang. Singapura mengamalkan dasar berkecuali sejak tahun 1963 lagi.²⁴ Dasar ini menyebabkan Singapura bekerjasama dengan semua negara tanpa mengira ideologi.

Kegiatan Ekonomi dan Perdagangan di Singapura

Singapura wujud sebagai pusat perdagangan sejak pembukaan Singapura oleh Stamford Raffles pada tahun 1819. Beberapa sebab telah menjadikan Singapura muncul sebagai sebuah pusat perdagangan yang unggul di Asia Tenggara pada abad ke-19. Antaranya ialah kedudukannya di hujung Semenanjung Tanah Melayu yang membolehkan Singapura mengawal laluan di Selat Melaka. Tambahan pula, kedudukannya sesuai untuk dijadikan sebagai pusat tumpuan bagi perdagangan dari kawasan serantau dan juga perdagangan antarabangsa. Singapura juga dikurniakan pelabuhan semula jadi yang membolehkannya menjimat kos bagi pembinaan pelabuhan. Pengamalan polisi perdagangan bebas dan juga faktor-faktor geografi di atas telah membolehkannya untuk menyaingi Pelabuhan Pulau Pinang, Pelabuhan Swettenham (Klang) dan juga

²² Ibid., hlm. 293.

²³ Chan Heng Chee, “Singapore’s Foreign Policy, 1965-1968”, *Journal of Southeast Asian History*, Vol. 10, No. 1, 1969, hlm. 177.

²⁴ Ibid., hlm, 178.

Pelabuhan Melaka seterusnya berkembang menjadi pelabuhan entrepot bagi kawasan Tanah Melayu.²⁵

Jadual 1.1
 Nilai dagangan Singapura dengan Teluk Parsi bagi tahun 1834-1869
 (dalam unit Dolar Sepanyol)

| Tahun | Import | Eksport | Jumlah |
|-------------|---------------|----------------|----------------|
| 1834 | 3,365 | 50,747 | 54,112 |
| 1835 | 6,397 | 64,075 | 70,472 |
| 1836 | 2,220 | 16,641 | 18,861 |
| 1837 | 25,361 | 59,757 | 85,118 |
| 1838 | 19,786 | 33,449 | 53,235 |
| 1839 | 10,313 | 41,988 | 52,301 |
| 1840 | 16,615 | 99,269 | 115,884 |
| 1841 | 11,119 | 95,876 | 106,995 |
| 1842 | 27,476 | 117,667 | 145,143 |
| 1843 | 43,584 | 162,059 | 205,643 |
| 1844 | 3,657 | 96,082 | 99,739 |
| 1845 | 20,455 | 75,282 | 95,737 |
| 1846 | 9,285 | 113,192 | 122,477 |
| 1847 | 19,633 | 93,888 | 113,521 |
| 1848 | 11,673 | 53,055 | 64,728 |
| 1849 | 24,130 | 94,880 | 119,010 |
| 1850 | 2,339 | 84,448 | 86,787 |
| 1851 | 23,246 | 105,182 | 128,428 |
| 1852 | 33,402 | 124,054 | 157,456 |
| 1853 | 30,447 | 221,473 | 251,920 |
| 1854 | 23,051 | 120,666 | 143,717 |
| 1855 | 4,868 | 196,391 | 201,259 |
| 1856 | 1,092 | 163,769 | 164,861 |
| 1857 | 49,482 | 220,891 | 270,373 |
| 1861 | 31,737 | 106,940 | 138,677 |
| 1862 | 25,438 | 140,764 | 166,202 |
| 1863 | 114,436 | 5,772 | 120,208 |
| 1864 | 47,162 | 223,599 | 270,761 |
| 1865 | 420,009 | 23,987 | 443,996 |
| 1866 | 61,186 | 160,632 | 221,818 |
| 1867 | 39,460 | 131,263 | 170,723 |
| 1868 | 244,512 | 74,962 | 319,474 |

Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada Wong Lin Ken, *The Trade of Singapore 1819-1869*, Selangor: Academe Art & Printing Services Sdn. Bhd., 2003, hlm. 244-245. Nilai import dan eksport yang ditunjukkan merupakan hasil tambah daripada *merchandise* dan *treasure*.

²⁵ W. G. Huff, *The Economic Growth of Singapore: Trade and Development in the Twentieth Century*, Great Britain: Cambridge University Press, 1995, hlm. 8.

Jadual menunjukkan nilai dagangan antara Singapura dengan Teluk Parsi dari tahun 1834 hingga tahun 1868. Secara keseluruhannya, nilai import adalah jauh lebih rendah berbanding dengan nilai eksport sehingga tahun 1863 yang menunjukkan nilai import mendahului nilai eksport. Pola nilai dagangan adalah tidak stabil kerana tidak meningkat secara konsisten atau menurun secara konsisten setiap tahun. Jumlah nilai dagangan adalah di bawah 100,000 Dolar Sepanyol dari tahun 1834 hingga tahun 1840, tetapi kekal pada 100,000 Dolar Sepanyol ke atas dari tahun 1851. Tiada data dicatatkan dari tahun 1858 hingga tahun 1861.

Perkembangan Singapura pada tahap awal iaitu tempoh selepas tahun 1870 telah didorong oleh pembukaan Terusan Suez pada tahun 1869, penggunaan kapal wap di Alam Melayu dan juga permintaan terhadap bahan mentah kawasan Tanah Melayu yang semakin meningkat.²⁶ Keadaan ini digambarkan melalui nilai dagangan Singapura yang meningkat daripada \$67 juta pada tahun 1871/73 kepada \$431 juta pada tahun 1900/02.²⁷

Pembukaan Terusan Suez menggalakkan negara-negara Barat untuk berdagang ke negara-negara Timur dengan lebih giat lagi kerana masa perjalanan menjadi lebih singkat dengan penggunaan terusan baru ini. Hal ini kerana jarak perjalanan kapal layar dari Liverpool ke Mumbai melalui Tanjung Harapan adalah 11,560 batu laut, manakala kapal wap yang menuju ke Mumbai melalui Terusan Suez dapat menjimatkan 5,777 batu laut perjalanan.²⁸ Disebabkan faktor kos dan kekurangan keupayaan kapal layar biasa untuk merentasi Laut Merah, kapal wap menjadi pengangkutan utama yang menggunakan Terusan Suez.²⁹ Penggunaan kapal wap semakin menjadi kegemaran

²⁶ Ibid.

²⁷ Ibid., hlm. 11. “/” bermaksud purata tahunan.

²⁸ Max E. Fletcher, “The Suez Canal and World Shipping, 1869-1914”, *The Journal of Economic History*, Vol. 18, No. 4, 1958, hlm. 559.

²⁹ Ibid., hlm. 558.

sehinggakan untuk memastikan barangan dihantar melalui Terusan Suez, ruangan di dalam kapal wap perlu ditempah terlebih dahulu.³⁰

Kedudukan Singapura di Selat Melaka adalah lebih sesuai untuk kapal wap berhenti bagi mendapatkan arang sebagai bahan bakar berbanding dengan Selat Sunda kerana perjalanan ke Selat Sunda adalah lebih jauh berbanding dengan perjalanan ke Singapura.³¹ Dengan itu, Singapura menjadi daya tarikan kepada para pedagang yang menggunakan kapal wap.

Ekonomi Singapura pada tahap awal, iaitu antara tahun 1819 hingga tahun 1900 memperlihatkan peranan Singapura sebagai pusat pertukaran barangan import dan eksport. Barangan import dari sesebuah kawasan menjadi barangan untuk dieksport ke kawasan lain. Misalnya, barangan dari Eropah dan India dibawa ke China dari Singapura, manakala barangan dari Tanah Besar Asia Tenggara, Alam Melayu dan China dibawa ke Eropah dan India. Hasil hutan dan bahan mentah dari negeri-negeri Melayu, makanan dan hasil hutan dari Tanah Besar Asia Tenggara dan teh dari China merupakan antara barang yang menjadi pertukaran di pelabuhan Singapura.

Siam membekalkan Singapura dengan beras yang kemudiannya dieksport ke Tanah Melayu dan Hindia Belanda (Indonesia)³² manakala Singapura membekalkan Siam dengan kapas dan barangan bulu, besi dan keluli, candu, barangan kaca, tembaga dan kepingan logam, pinggan mangkuk serta barangan loyang dan tembaga.³³ Beras membentuk 50 peratus daripada barangan eksport Singapura pada tahun 1880/84.³⁴ Burma pula membekalkan Hindia Belanda dengan ikan kering dan mendapatkan bekalan beras melalui Singapura. Jawa pula mengeksport gula ke Singapura yang

³⁰ Ibid., hlm. 559.

³¹ W. G. Huff, *The Economic Growth of Singapore*, hlm. 8.

³² Ibid., hlm. 54-55.

³³ Wong Lin Ken, *The Trade of Singapore 1819-1869*, Selangor: Academe Art & Printing Services Sdn. Bhd., 2003, hlm. 152.

³⁴ W. G. Huff, *The Economic Growth of Singapore*, hlm. 54. “/” bermaksud purata tahunan.

kemudiannya diagihkan kepada kawasan serantau.³⁵ Melaka menjadi pusat pengumpulan hasil dari negeri-negeri Melayu dan bahagian timur laut Sumatera untuk dieksport ke Singapura, manakala barang buatan dari Singapura diagihkan melalui Melaka kepada kawasan pengeluaran hasil tersebut.³⁶

Singapura bukan sahaja menjadi pusat pertukaran barangan dalam rantau Asia malah Singapura merupakan pusat pertukaran antara Asia dengan Eropah:

*The most valuable export from Siam to Singapore was sugar, ... suitable as remittance goods to Europe. ... Sapan-wood, elephants' tusks, and gamboges from Siam also found their way to Europe by way of Singapore. British and Indian piece goods were the main exports to Siam, the others being copper sheathing, arms, opium, gold-dust, rattans, tea, sago and coarse paper.*³⁷

Barangan dari China ditukarkan dengan ganja dari India, barangan buatan Eropah dan hasil dari Negeri-negeri Selat.³⁸ Disebabkan permintaan terhadap teh di Eropah, teh dari China menjadi komoditi yang penting bagi Eropah. Dalam tahun 1833-34, sejumlah \$5,026 teh telah dieksport dari Singapura ke England dan jumlah ini bertambah kepada \$122,290 pada tahun berikutnya.³⁹ Selain teh, sutera dari China juga menerima permintaan daripada British. Pada tahun 1829, kira-kira 52 peratus atau \$1,551,376 daripada jumlah export Singapura ke British merupakan sutera.⁴⁰ Namun begitu, China lebih berminat untuk mendapatkan hasil dari Negeri-negeri Selat berbanding dengan barangan buatan Eropah.⁴¹ Selain itu, lebih kurang separuh daripada

³⁵ Ibid., hlm. 55.

³⁶ Wong Lin Ken, *The Trade of Singapore 1819-1869*, hlm. 87.

³⁷ Ibid., hlm. 140.

³⁸ Ibid., hlm. 106.

³⁹ Ibid., hlm. 118.

⁴⁰ Ibid., hlm. 125.

⁴¹ Ibid., hlm. 108.

jumlah eksport ganja Singapura pada tahun 1846 dan 1856 adalah untuk dieksport ke China.⁴²

Ekonomi Singapura dari tahun 1880-an hingga tahun 1960-an bergantung kepada pengeksporan bijih timah, getah dan petroleum.⁴³ Perkembangan industri di England menyebabkan bahan-bahan mentah tersebut amat diperlukan. Bijih timah, getah dan petroleum merupakan antara lima komoditi utama Singapura dari tahun 1900/02 hingga tahun 1937/39. Ketiga-tiga komoditi tersebut menyumbang kepada 58 peratus daripada jumlah eksport lima komoditi utama pada tahun 1925/27, dan nilai ini meningkat kepada 86 peratus pada tahun 1937/39.⁴⁴ Pada tahun 1900, Singapura wujud sebagai pusat peleburan bijih timah yang terbesar di dunia.⁴⁵ Dari tahun 1915 hingga tahun 1930-an, lebih 50 peratus daripada pengeluaran getah dieksport ke Amerika Syarikat. Begitu juga dengan pengeksporan bijih timah ke Amerika Syarikat. Hal ini menyebabkan nilai dagangan Singapura dengan Amerika Syarikat lebih tinggi berbanding dengan nilai dagangan dengan England.⁴⁶

Pada tahun 1919, Singapura mengeksport 157,000 tan getah, menyumbangkan 40 peratus daripada jumlah pengeluaran getah dunia. Pada tahun 1920-an, Singapura terus memainkan peranan sebagai pusat pengumpulan bahan dan menerima getah daripada Hindia Belanda dalam jumlah yang besar. Nilai eksport getah dari Singapura mencatatkan 254,000 tan pada tahun 1929 dan terus meningkat kepada 316,000 tan pada tahun 1934.⁴⁷

Pengeksporan petroleum tidak memberikan kesan yang ketara dalam pengeksporan Singapura sebelum tahun 1950-an. Pengeksporan petroleum bertambah empat kali ganda pada tahun 1959 berbanding dengan tahun 1937/39, dan

⁴² Ibid., hlm. 116.

⁴³ W. G. Huff, *The Economic Growth of Singapore*, hlm. 14.

⁴⁴ Ibid., hlm. 78. “/” bermaksud purata tahunan.

⁴⁵ Ibid., hlm. 22.

⁴⁶ Ibid., hlm. 80.

⁴⁷ Ibid., hlm. 76.

pengeksporan petroleum pada tahun 1959 membentuk 68 peratus daripada jumlah eksport komoditi utama yang bernilai 3,646,679 tan.⁴⁸ Singapura telah wujud sebagai salah satu pusat penyimpanan dan pemprosesan minyak yang terbesar di dunia apabila operasi penapisan minyak bermula pada tahun 1960.⁴⁹

Tahun 1950-an memperlihatkan usaha Singapura untuk mempelbagaikan kegiatan ekonomi supaya tidak hanya bergantung kepada komoditi utama seperti beras, getah, bijih timah dan petroleum. Sektor perindustrian Singapura mula berkembang pada tahun 1950-an. Industri pembuatan Singapura telah meningkat 50 peratus pada tahun 1957 berbanding dengan tahun 1956.⁵⁰ Aktiviti pemprosesan barangan eksport utama seperti pemprosesan getah, minyak, keluli dan besi merupakan antara aktiviti dalam industri pemprosesan Singapura.⁵¹

Pengunduran British pada awal tahun 1960-an membawa kepada masalah pengangguran yang teruk dan rusuhan berlaku disebabkan pengangguran. Justeru, kerajaan Singapura mengamalkan polisi penggantian import bagi mengurangkan pengimportan dan meningkatkan pengeluaran dalam negara supaya lebih banyak peluang pekerjaan dapat diwujudkan. Singapura menghadapi dua masalah utama dalam pengamalan polisi penggantian import pada masa itu. Singapura tidak mempunyai kemudahan yang baik dan sesuai untuk pelaburan asing. Tambahan pula, Singapura juga mempunyai pelaburan asing yang sangat kurang. Justeru, *Economic Development Board* (EDB) ditubuhkan pada Ogos tahun 1961 bagi melancarkan program pelaburan yang dapat membawa masuk industri yang banyak menggunakan tenaga buruh. EDB

⁴⁸ Ibid., hlm. 278 dan hlm. 382. “/” bermaksud purata tahunan.

⁴⁹ Ibid., hlm. 279.

⁵⁰ Ibid., hlm. 286.

⁵¹ Ibid., hlm. 286-287.

juga berusaha mewujudkan persekitaran yang sesuai untuk perkembangan perindustrian dengan menyediakan kemudahan dan insentif yang diperlukan.⁵²

Kemerdekaan Singapura pada tahun 1965 menyebabkan Singapura kehilangan pasaran Malaysia untuk menerima barangan buatan Singapura. Hal ini menyebabkan Singapura bertukar polisi kepada polisi berorientasikan eksport.⁵³ Singapura mengamalkan polisi berorientasikan eksport sepenuhnya pada tahun 1967.⁵⁴ Konfrontasi daripada Indonesia juga menyebabkan perkembangan ekonomi Singapura dari tahun 1960 hingga tahun 1965 tidak bergantung kepada ekonomi berorientasikan eksport.⁵⁵

Pada tahun 1970-an, Singapura mula beralih strategi daripada kegiatan ekonomi yang banyak menggunakan tenaga buruh kepada aktiviti ekonomi bernilai tinggi. Kadar pengangguran yang rendah membolehkan Singapura memberi penekanan kepada kemahiran, kualiti dan unsur teknologi dalam aktiviti pengeluaran. Pada awal tahun 1970-an, Singapura menjadi pusat serantau bagi pengeluaran barangan elektrik dan elektronik. Penstrukturan semula ekonomi pada tahun 1970-an disebabkan oleh krisis minyak menyebabkan Singapura mengurangkan aktiviti yang banyak menggunakan tenaga seperti petrokimia dan beralih kepada sektor seperti telekomunikasi, pembuatan komputer dan perkhidmatan kewangan.⁵⁶

Sistem Pentadbiran dan Sosial di Singapura

Sistem pentadbiran di Singapura adalah berasaskan kepada sistem parlimen di England.

Sistem parlimen di Singapura dari tahun 1968 hingga tahun 1981 adalah *unicameral*,

⁵² Thompson S. H. Teo dan James S. K. Ang, "Singapore's Manufacturing Sector as Engine for Economic Growth: Past, Present and Future", *Science and Public Policy*, Vol. 28, No. 5, 2001, hlm. 362.

⁵³ Ibid.

⁵⁴ Christopher M. Dent, *The Foreign Economic Policies of Singapore, South Korea and Taiwan*, hlm. 64.

⁵⁵ W. G. Huff, *The Economic Growth of Singapore*, hlm. 308.

⁵⁶ Christopher M. Dent, *The Foreign Economic Policies of Singapore, South Korea and Taiwan*, hlm. 64-65.

iaitu terdapat sebuah parti sahaja dalam parlimen. PAP mendominasi kerusi parlimen Singapura dari tahun 1968 hingga tahun 1981. PAP masih mendominasi parlimen selepas tahun 1981 walaupun PAP tidak lagi merupakan satu-satunya parti dalam parlimen. Hal ini menyebabkan kerajaan Singapura disamakan dengan PAP. Kabinet di Singapura diketuai oleh Perdana Menteri.⁵⁷ Terdapat tiga Perdana Menteri yang mentadbir Singapura selepas kemerdekaan Singapura pada tahun 1965, iaitu Lee Kuan Yew⁵⁸ (1965-1990), Goh Chok Tong⁵⁹ (1990-2004) dan Lee Hsien Loong⁶⁰ yang masih mentadbir Singapura.

Populasi di Singapura terdiri daripada berbilang kaum. Kaum Cina merupakan kaum yang terbesar di Singapura, diikuti dengan kaum Melayu dan India. Agama Buddhisme dan Taoisme merupakan agama yang dianuti oleh sebilangan besar penduduk Singapura.

⁵⁷ Hussin Mutalib, "Constitutional-Electoral Reforms and Politics in Singapore", *Legislative Studies Quarterly*, Vol. 27, No. 4, 2002, hlm. 659.

⁵⁸ Lee Kuan Yew dilahirkan pada tahun 1923. Beliau menerima pendidikan di Institut Raffles sebelum memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam Undang-Undang daripada Universiti Cambridge. Lihat "We Won't See Another Like Him", *Today*, 23 Mac 2015, hlm. 4. Beliau menubuhkan *People's Action Party* (PAP) bersama-sama dengan Goh Keng Swee, Toh Chin Chye, S. Rajaratnam, K. M. Byrne dan A. Samad Ismail pada tahun 1954. PAP memperoleh kemenangan besar dalam pilihan raya yang diadakan pada 30 Mei 1959. Beliau selaku Setiausaha PAP diminta membentuk kerajaan dan menjadi Perdana Menteri Singapura yang pertama. Lihat "9 Dekad Bersama Lee Kuan Yew", *Berita Harian*, 30 Mac 2015, diakses pada 20 Sept. 2015, daripada <http://beritaharian.sg/setempat/9-dekad-bersama-lee-kuan-yew>.

⁵⁹ Goh Chok Tong dilahirkan pada tahun 1941. Beliau menerima pendidikan di Institut Raffles sebelum memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam Ekonomi daripada Universiti Nasional Singapura. Beliau seterusnya memperoleh Ijazah Sastera dalam Pembangunan Ekonomi daripada Kolej Williams Amerika Syarikat. Beliau pernah memegang jawatan menteri dalam Kementerian Kewangan, Kementerian Perdagangan dan Industri, Kementerian Kesihatan serta Kementerian Pertahanan. Lihat Shin Min Daily News (ed.), *From Lee Kuan Yew to Goh Chok Tong*, Singapore: The Print House Pte. Ltd., 1991, hlm. 139.

⁶⁰ Lee Hsien Loong dilahirkan pada tahun 1952 dan merupakan anak kepada Lee Kuan Yew. Beliau menerima pendidikan di *National Junior College* sebelum memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam *Mathematical Statistics* dan *Mathematical Economics* daripada Universiti Cambridge. Beliau seterusnya memperoleh Ijazah Sarjana Pentadbiran Awam daripada Harvard Universiti. Beliau mula menceburi bidang politik pada tahun 1984. Lihat Michael D. Barr, "Beyond Technocracy: The Culture of Elite Governance in Lee Hsien Loong's Singapore", *The Griffith Asia Institute's Regional Outlook*, No. 6, 2005, hlm. 15. Selepas pengunduran Lee Kuan Yew dari jawatan Perdana Menteri, beliau dilantik sebagai Menteri Kanan oleh Goh Chok Tong. Pada tahun 2004, apabila Lee Hsien Loong memegang jawatan sebagai Perdana Menteri, Goh Chok Tong pula dilantik sebagai Menteri Kanan manakala jawatan Menteri Mentor diwujudkan dan diberikan kepada Lee Kuan Yew. Hal ini mengekalkan pengaruh Lee Kuan Yew dan Goh Chok Tong dalam kabinet walaupun mereka tidak lagi memegang jawatan sebagai Perdana Menteri. Kabinet Singapura menunjukkan pengekalan kuasa pemimpin lama kerana jawatan di dalam parlimen dipegang secara giliran oleh sekumpulan pemimpin. Misalnya, George Yeo yang merupakan Menteri Perdagangan dan Industri kemudiannya menjadi Menteri Luar Negeri, menggantikan Rajaratnam. Lihat Garry Rodan, "Long-Awaited Leadership Transition", *Asian Survey*, Vol. 45, No. 1, 2005, hlm. 141-142.

Jadual 1.2
Komposisi kaum di Singapura bagi tahun 1980

| Kaum | Jumlah |
|---------------|------------------|
| Cina | 1,787,800 |
| Melayu | 328,700 |
| India | 143,400 |
| Lain-lain | 22,200 |
| Jumlah | 2,282,100 |

Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada Department of Statistics Singapore, *Census of Population 1990: Advance Data Release*, 1991, hlm. i dan Department of Statistics Singapore, *Census of Population 2010 Statistical Release 1: Demographic Characteristics, Education, Language and Religion*, 2010, hlm. viii.

Jadual 1.3
Komposisi agama di Singapura bagi tahun 1980

| Agama | Jumlah |
|-------------------|------------------|
| Buddhisme/Taoisme | 1,293,951 |
| Islam | 369,700 |
| Kristian | 225,928 |
| Hinduisme | 82,156 |
| Lain-lain | 310,366 |
| Jumlah | 2,282,100 |

Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada Department of Statistics Singapore, *Census of Population 1990: Advance Data Release*, 1991, hlm. i dan Department of Statistics Singapore, *Census of Population 2010 Statistical Release 1: Demographic Characteristics, Education, Language and Religion*, 2010, hlm. viii.

Jadual menunjukkan komposisi kaum dan agama di Singapura. Jumlah kaum Cina pada tahun 1980 adalah 63 peratus daripada jumlah penduduk di Singapura. Jumlah penduduk yang menganut agama Buddhisme atau Taoisme pada tahun 1980 adalah 57 peratus manakala jumlah penduduk yang menganut agama Islam hanya 16 peratus sahaja.

Perdagangan Awal antara Singapura dengan Asia Barat

Perdagangan awal antara Singapura dengan Asia Barat telah terjalin sejak abad ke-9 lagi apabila masyarakat Hadrami mula berdagang ke Alam Melayu. Jumlah masyarakat

Hadrami yang berkunjung ataupun berdagang ke Singapura menjadi ketara apabila Raffles mengamalkan dasar untuk menjemput pedagang Arab yang kaya ke Singapura. Kebanyakan masyarakat Arab yang menetap di Singapura sejak tahun 1819 adalah berketurunan Hadrami.⁶¹ Raffles berharap bahawa:

*Singapore would attract a large community of Arabs, who had played a dominating role in Southeast Asian trade for more than a thousand years and by the eighteenth century had begun to settle in various parts of Sumatra and Borneo. The first to arrive in Singapore in 1819 were two wealthy Palembang merchants, Syed Mohammed bin Harun al-Junied and his nephew, Syed Omar bin Ali al-Junied.*⁶²

Keluarga al-Junied, al-Kaff dan al-Sagoff merupakan keturunan Arab yang utama di Singapura dan mereka merupakan golongan yang berpengaruh di Singapura. Keluarga al-Kaff dikatakan mula tiba ke Singapura pada tahun 852 manakala keluarga al-Sagoff mula tiba ke Singapura pada tahun 1824 dan menjalankan perdagangan rempah.⁶³ Kekayaan keturunan Hadrami di Singapura mula berkurangan sejak tahun 1960-an apabila kerajaan Singapura mengenakan akta-akta yang menyebabkan mereka terpaksa menyerahkan tanah dan hartanah yang menjadi sumber ekonomi yang penting pada mereka kepada kerajaan.⁶⁴

Masyarakat Arab di Singapura juga terlibat secara aktif dalam aktiviti yang berkaitan dengan ibadah haji. Haji merupakan salah satu ibadah dalam Islam yang menjalinkan hubungan antara Singapura dengan Asia Barat terutamanya Arab Saudi. Jumlah umat Islam yang berangkat dari Singapura ke Makkah untuk menunaikan haji bertambah apabila Hindia Belanda (Indonesia) mengetatkan polisi supaya bilangan umat Islam yang menunaikan haji berkurangan kerana jemaah haji dikatakan

⁶¹ Yasser Mattar, "Arab Ethnic Enterprises in Colonial Singapore", *Asia Pacific Viewpoint*, Vol. 45, No. 2, 2004, hlm. 169.

⁶² C. M. Turnbull, *A History of Singapore 1819-1975*, hlm. 15.

⁶³ Ameen Ali Talib, "Hadramis in Singapore", *Journal of Muslim Minority Affairs*, Vol. 17, No. 1, 1997, hlm. 90.

⁶⁴ *Ibid.*, hlm. 93.

terpengaruh dengan perjuangan nasionalisme dan kegiatan politik di Asia Barat.⁶⁵ Walaupun pengetatan polisi telah dihapuskan pada tahun 1902 namun kebanyakan umat dari Hindia Belanda masih memilih untuk berangkat ke Makkah dari Singapura.⁶⁶ Peniaga Arab di Singapura juga mengatur jadual perjalanan dan membawa jemaah haji hingga ke Makkah:

*Recruitment of intending hais [hajis] was carried out by pilgrim shaykhs or brokers who, working independently or on behalf of Meccan shaykhs, arranged passages for a premium from the shipping agents, escorted the pilgrims to Mecca, and there passed them over to the highest bidding Meccan shaykh or to the shaykh on whose behalf they had been acting. Itinerant recruiters operated also from Singapore throughout the peninsula and archipelago.*⁶⁷

Pada Ogos tahun 1906, sebilangan besar jemaah haji dari Betawi (Jakarta) serta 160 jemaah haji dari Singapura dan 40 dari Pulau Pinang telah direkodkan berlepas dari Singapura dengan menaiki kapal kargo “Ping Sing” yang menyediakan dek berkembar serta air dan kayu api untuk penumpang dengan bayaran \$90 bagi setiap penumpang.⁶⁸ Pada September tahun 1937, sebanyak 500 orang jemaah haji dari Jawa telah berlepas dari Singapura dengan menaiki kapal “Rotterdam Lloyd Vessel Kota Nopan” yang mengenakan bayaran \$1,000 bagi setiap orang.⁶⁹ Pada Februari tahun 1959, sebanyak 4,500 orang dari Singapura, Tanah Melayu dan Borneo dijangka akan menunaikan haji dan Pejabat Haji di Singapura telah beroperasi untuk membantu bakal jemaah haji mendapatkan dokumen yang diperlukan.⁷⁰ Penubuhan Pejabat Haji telah menunjukkan

⁶⁵ William R. Roff, “The Malayo-Muslim World of Singapore at the Close of the Nineteenth Century”, *The Journal of Asian Studies*, Vol. 24, No. 1, 1964, hlm. 79.

⁶⁶ *Ibid.*, hlm. 80.

⁶⁷ *Ibid.*

⁶⁸ “Mohammedan Pilgrimage”, *Eastern Daily Mail and Straits Morning Advertiser*, 10 Ogos 1906, hlm. 5.

⁶⁹ “Pilgrims for Mecca”, *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser (1884-1942)*, 18 Sept. 1937, hlm. 3.

⁷⁰ “Pilgrimage Office is Open Now”, *The Singapore Free Press*, 13 Feb. 1959, hlm. 5.

kepentingan kegiatan ibadah haji sehinggalah sebuah pejabat ditubuhkan untuk mengendalikan hal ehwal yang berkaitan.

Antara tahun 1819 hingga tahun 1850-an, barangan pengguna merupakan monopoli masyarakat Arab sehinggalah masyarakat Cina mengambil alih peranan golongan Arab dalam pasaran tersebut. *Alsagoff and Company* yang ditubuhkan oleh Syed Omar bin Mohamed al-Sagoff merupakan pemborong bagi barangan seperti kurma, madu, sirip ikan yu, sagu, kelapa, kopi, koko, nanas, rempah, tembakau dan gula. Kurma diimport dari Arab Saudi, madu dari Hijaz, sirip ikan yu dari Yaman dan tembakau dari England, untuk diagihkan kepada peruncit di Singapura. Kejayaan pedagang Hadrami dalam bidang ini didorong oleh pengetahuan mereka tentang keperluan umat Islam di rantau Alam Melayu dan juga imej positif yang dipaparkan disebabkan tanggapan bahawa mereka adalah keturunan Nabi Muhammad.⁷¹

Hubungan perdagangan dengan Asia Barat masih diteruskan selepas kemerdekaan Singapura pada tahun 1965. Pihak Singapura mula giat menghantar misi perdagangan ke Asia Barat pada tahun 1970-an. *Singapore Manufacturers' Association* (SMA) merupakan antara dewan perniagaan yang giat mengadakan misi perdagangan ke Asia Barat. Pada Mei tahun 1974, misi perdagangan rasmi Singapura ke Asia Barat yang pertama telah melawat beberapa negara di Asia Barat sebagai susulan kepada lawatan oleh Menteri Luar Singapura, Rajaratnam pada Januari tahun 1974. Misi yang diketuai oleh Menteri Kewangan ini melibatkan ahli daripada pelbagai dewan perniagaan Singapura termasuklah SMA. Misi ini bertujuan untuk menjual barangan buatan Singapura di Asia Barat dan juga membincangkan kemungkinan untuk bekerjasama dalam bidang petrokimia, penapisan minyak dan perbankan.⁷² Misi melawat Mesir, UAE, Qatar, Bahrain, Kuwait, Lubnan dan Iraq ini berjaya mendapatkan tempahan bernilai \$6 juta. Permintaan Asia Barat terhadap barangan

⁷¹ Yasser Mattar, "Arab Ethnic Enterprises in Colonial Singapore", hlm. 171.

⁷² "Mission to Mid-East Leaves on Saturday", *New Nation*, 8 Mei 1974, hlm. 2.

pengguna dijangkakan akan bertambah berikutan kekayaan Asia Barat yang semakin bertambah. Pelbagai projek yang dijalankan di Asia Barat juga dijangka akan meningkatkan keperluan terhadap kayu balak, keluli, simen dan mesin.⁷³

Pada Februari tahun 1976, SMA mengadakan misi pertamanya ke Arab Saudi di samping melawat Kuwait, Abu Dhabi, Dubai dan Bahrain. Delegasi ini dijadualkan untuk bertemu dengan rakan sejawat mereka, pegawai tinggi kerajaan dan juga peniaga terkemuka di Asia Barat. Nilai eksport ke Arab Saudi telah meningkat sebanyak 100 peratus kepada \$205 juta pada tahun 1975 berbanding tahun 1974. Pengalaman SMA menyakinkan SMA bahawa pertemuan secara bersemuka adalah penting dalam hubungan perdagangan.⁷⁴

SMA meneruskan misi perdagangan pada tahun 1977 dengan menghantar rombongan ke Oman, Bahrain, Abu Dhabi dan Dubai. Misi yang bertujuan untuk mempromosikan barangan Singapura ini terdiri daripada syarikat pembuatan coklat, polimer, cat, barangan kertas, kaset, barangan aluminium dan gelas fiber.⁷⁵

Selain SMA, terdapat juga syarikat persendirian yang menghantar misi ke Asia Barat untuk mengkaji kemungkinan untuk mengembangkan perniagaan di sana. Syarikat *Fraser and Neave* (F&N) misalnya menghantar rombongan ke Asia Barat pada Jun tahun 1977 bagi mengkaji pasaran minuman di sana. Misi *Malay Chamber of Commerce* pada bulan Mac telah membantu F&N mendapatkan tempahan minuman dalam tin, iaitu 7-Up sebanyak 40,000 dozen.⁷⁶

Jabatan Perdagangan Singapura juga mengadakan misi perdagangan ke Bahrain, Riyadh, Jeddah, Sana'a, Muscat dan Dubai bagi mempromosikan barangan buatan Singapura. Delegasi yang terdiri daripada 15 syarikat ini mempamerkan barangan seperti rumah pasang siap, bot mewah, perabot, pakaian, aksesori elektrik, alat tulis,

⁷³ "Good Prospects for Trade with West Asia", *The Straits Times*, 13 Jun 1974, hlm. 13.

⁷⁴ "SMA Trade Team Off to Woo Saudi Mart", *The Straits Times*, 29 Feb. 1976, hlm. 19.

⁷⁵ "SMA Team for West Asia to Boost Trade", *The Straits Times*, 9 Jun 1977, hlm. 18.

⁷⁶ "F&N Team to Study Market in West Asia", *The Straits Times*, 7 Jun 1977, hlm. 13.

makanan dan barangan kemas. Komposisi yang pelbagai ini dapat menunjukkan keupayaan Singapura dalam menawarkan dan mengeluarkan pelbagai barangan.⁷⁷

Selain itu, pihak Asia Barat juga menghantar misi ke Singapura. Misalnya, pada Mei tahun 1976, misi perdagangan rasmi Abu Dhabi yang pertama ke Singapura telah melawat Singapura untuk mengkaji barangan yang boleh dijual kepada Singapura dan juga barangan yang boleh dibeli dari Singapura. Delegasi ini telah menunjukkan minat untuk mendapatkan lebih banyak bahan binaan dari Singapura. Nilai eksport ke UAE mencatatkan \$129.5 juta pada tahun 1975, manakala nilai import dari UAE mencatatkan nilai sebanyak \$182.6 juta.⁷⁸

Pada tahun 1978, Abu Dhabi menghantar misi perdagangan ke Singapura untuk memperkukuh hubungan perdagangan antara kedua-dua pihak. Pihak Abu Dhabi berminat dengan kepakaran Singapura dalam teknologi kerana kepakaran tersebut adalah penting dan diperlukan dalam program perindustrian Abu Dhabi. Selain itu, delegasi tersebut juga berminat dengan barangan buatan Singapura seperti makanan dalam tin, bahan binaan, peralatan pejabat, peralatan elektrik dan mesin untuk pembinaan.⁷⁹

Menteri dari negara-negara Asia Barat juga telah melawat Singapura. Pada tahun 1977, Menteri Luar Negeri Bahrain serta Menteri Perdagangan dan Pertanian Bahrain telah melawat Singapura atas undangan Menteri Luar Negeri Singapura, Rajaratnam. Perbincangan yang melibatkan kerjasama dua hala telah diadakan. Kedua-dua pihak iaitu Singapura dan Bahrain juga bertukar pandangan dalam isu yang mempunyai kepentingan bersama dan juga perkembangan isu antarabangsa.⁸⁰

⁷⁷ "Team to Push S'pore Goods in W. Asia", *The Straits Times*, 4 Mac 1978, hlm. 23.

⁷⁸ "UAE Team Here for Talks to Boost Trade Ties", *The Straits Times*, 18 Mei 1976, hlm. 15.

⁷⁹ "Arab Mission Arrives to Boost Trade", *The Straits Times*, 11 Okt. 1978, hlm. 10.

⁸⁰ ND 1312-1977-05-05, Singapore Government Press Release – Joint Press Statement, Official Visit of the Minister for Foreign Affairs of Bahrain, His Excellency Shaikh Mahamed bin Mubarak al-Khalifa, 2-5 May 1977, 5 Mei 1977.

Pada September tahun 1980, Amir Kuwait telah melawat Singapura. Beliau bertukar pandangan dengan Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew tentang kerjasama dua hala. Kedua-dua pihak bersetuju untuk mengeratkan hubungan dan memperkembang kerjasama dua hala dalam pelbagai bidang melalui hubungan yang berterusan antara kedua-dua pihak.⁸¹

Tahun 1970-an juga memperlihatkan kerjasama antara Singapura dengan Asia Barat dalam bidang perkapalan. Syarikat perkapalan Singapura, *Vosper Thornycroft Uniteers Pte. Ltd.* telah berjaya mendapatkan kontrak bernilai \$3 juta untuk membina dua kapal untuk kerajaan Kuwait. Kontrak ini merupakan kontrak pertama syarikat *Vosper* dari Kuwait.⁸² Syarikat perkapalan Singapura, *Shipbuilding Industries Pte. Ltd.* pula berjaya mendapatkan tempahan daripada sebuah syarikat dari Arab Saudi, *Al Mojil Establishment* untuk membina dua kapal pendarat yang bernilai \$4.8 juta.⁸³

Bidang petroleum juga menjadi bidang kerjasama antara Singapura dengan Asia Barat. Pihak Singapura dan Oman telah berbincang tentang kemungkinan untuk Singapura memproses minyak mentah Oman. Oman tidak mempunyai pusat penapisan minyak manakala Singapura merupakan pusat penapisan minyak yang ketiga terbesar di dunia.⁸⁴ Hal ini membolehkan negara-negara Asia Barat untuk menapis minyak di Singapura seterusnya mewujudkan satu bidang ekonomi baru dan sumber pendapatan kepada Singapura.

⁸¹ ND 1464-1980-09-20, Singapore Government Press Release – Kuwait-Singapore Joint Statement, Issued on the Occasion of the State Visit of the Amir of Kuwait to the Republic of Singapore, 20 Sept. 1980.

⁸² “Kuwait Orders \$3 Mil Supply - Ships”, *The Straits Times*, 7 Jul. 1970, hlm. 9.

⁸³ “Syarikat di Arab Saudi Tempah 2 Kapal Pendarat”, *Berita Harian*, 30 Okt. 1974, hlm. 2.

⁸⁴ “S’pore, Oman Discuss Deals to Refine Crude Oil Here”, *The Straits Times*, 1 Apr. 1979, hlm. 6.

Latar Belakang Gulf Cooperation Council (GCC)

Gulf Cooperation Council (GCC) yang ditubuhkan pada tahun 1981 meliputi enam anggota Asia Barat iaitu Arab Saudi, Bahrain, Kuwait, Oman, Qatar dan *United Arab Emirates* (UAE). Keadaan dan perkembangan ekonomi setiap anggota adalah tidak sama disebabkan faktor geografi, peratusan pemilikan hasil mineral yang berlainan dan jumlah penduduk yang berbeza. GCC ditubuhkan untuk menggembeng tenaga bagi mencapai matlamat perkembangan ekonomi yang sama, mengawal subversif dalaman dan menghadapi ancaman luaran bersama.⁸⁵

Antara peristiwa yang berlaku pada tahun 1970-an yang menyebabkan anggota GCC yakin bahawa kuasa politik dapat dikumpul jika mereka bersepakat dalam isu serantau dan isu antarabangsa ialah kejayaan mengenakan sekatan minyak terhadap Amerika Syarikat pada tahun 1973, dan juga keputusan *Organization of the Petroleum Exporting Countries* (OPEC) untuk meningkatkan harga minyak.⁸⁶ Peningkatan harga minyak membolehkan GCC memperoleh lebih modal.

Selain dapat mengukuhkan kuasa politik, isu keselamatan juga merupakan motif penubuhan GCC. Isu keselamatan yang pertama ialah kebimbangan tentang kemungkinan pencerobohan dan campur tangan Kesatuan Soviet untuk menyekat bekalan minyak ke negara-negara Barat memandangkan negara-negara Barat bergantung kepada bekalan dari Asia Barat.⁸⁷

Isu keselamatan yang kedua ialah rusuhan yang timbul selepas kejatuhan rejim Shah di Iran. Rejim Shah dapat mempertahankan Iran daripada ancaman luar disebabkan dasarnya yang pro-Amerika, mempunyai kuasa mutlak dan juga amalan

⁸⁵ Hasan-Askari Rizvi, "Gulf Cooperation Council", *Pakistan Horizon*, Vol. 35, No. 2, 1982, hlm. 29.

⁸⁶ *Ibid.*, hlm. 30.

⁸⁷ *Ibid.*

imperialisme dan paternalisme.⁸⁸ Kejatuhan rejim Shah menyebabkan terdapat pihak yang berpendapat bahawa mereka mampu menggulingkan kerajaan monarki di negara mereka sendiri dan hal ini menimbulkan kebimbangan dalam kalangan pemimpin di Asia Barat.⁸⁹

Isu keselamatan yang ketiga ialah kebimbangan tentang campur tangan Kesatuan Soviet secara langsung terhadap Afghanistan pada Disember tahun 1979. Kesatuan Soviet dikatakan mungkin akan meluaskan pengaruh ke kawasan Teluk dan juga berhubung dengan pihak pembangkang dari negara-negara yang pro-Soviet seperti Yaman, Syria dan Libya. Isu keempat ialah perang antara Iraq dengan Iran yang meletus pada September tahun 1980. Ketidakupayaan komuniti antarabangsa untuk menghentikan perang tersebut meningkatkan prospek berlakunya konflik yang akan melibatkan seluruh kawasan Teluk.⁹⁰

Kesemua isu tersebut telah menimbulkan kebimbangan anggota-anggota di kawasan Teluk tentang keselamatan mereka. Arab Saudi telah mengambil langkah pertama dengan mencadangkan peraturan keselamatan dan langkah-langkah untuk menguatkan pertahanan serta melawat kawasan-kawasan Teluk yang lain untuk membincangkan pelan keselamatan bagi kawasan Teluk. Cadangan tersebut telah dikaji semula oleh Putera Mahkota Fahd dari Arab Saudi, Amir Sheikh Jaber al-Ahmad al-Sabah dari Kuwait, Sultan Qaboos dari Oman, Khalifah bin Hammad dari Qatar, Sheikh Isa bin Khalifah dari Bahrain dan Sheikh Zayad bin al-Nahyan dari UAE, dan mereka telah menunjukkan minat untuk bekerjasama dalam bidang politik, ekonomi dan keselamatan.⁹¹

⁸⁸ Ibid. Menurut *Kamus Dewan*, paternalisme bermaksud dasar sesuatu pihak yang melayani atau berurusan dengan seseorang atau sesuatu pihak lain dengan semangat atau sikap keayahan. Lihat *Kamus Dewan*, Edisi Ketiga, Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994, hlm. 986.

⁸⁹ Hasan-Askari Rizvi, "Gulf Cooperation Council", hlm. 31.

⁹⁰ Ibid.

⁹¹ Ibid., hlm. 32.

Persetujuan bersama telah menjayakan penubuhan GCC dengan pertahanan dan keselamatan menjadi teras utama GCC. Anggota GCC telah melengkapkan ketenteraan dan pasukan keselamatan mereka dengan senjata moden dan sistem komunikasi yang berkesan.⁹² Dari segi kerjasama dalam bidang ekonomi, mereka mengambil keputusan untuk mengambil langkah-langkah yang perlu seperti mengharmonikan polisi minyak, mengurangkan tarif perdagangan, mewujudkan pelaburan bersama, mengamalkan polisi bantuan, memperkenalkan unit mata wang yang menyatukan unit mata wang di GCC serta mencadangkan pergerakan bebas modal dan sumber manusia dalam GCC.

Kawasan GCC kaya dengan galian mineral seperti petroleum dan gas, namun galian ini merupakan sumber yang tidak dapat diperbaharui. Justeru, anggota GCC telah mengambil langkah untuk mempelbagaikan aktiviti ekonomi mereka bagi menghadapi era selepas kehabisan sumber minyak. Adalah dijangka bahawa simpanan minyak di Bahrain dan Oman akan dihabiskan dalam masa 20 tahun; simpanan minyak di Arab Saudi dalam masa 65 tahun; simpanan minyak di Kuwait dan UAE dalam masa 120 tahun; dan simpanan gas di Qatar dalam masa 820 tahun.⁹³ Bahrain dan Oman mempunyai sumber yang terhad berbanding dengan anggota yang lain. Oleh itu, kedua-dua negara ini lebih giat dalam usaha mempelbagaikan aktiviti ekonomi mereka.

Sejak tahun 1970-an, Bahrain telah memulakan strategi mempelbagaikan aktiviti ekonomi yang melibatkan pembangunan industri, penapisan minyak, perkapalan, sektor keluli dan peleburan aluminium.⁹⁴ Perkhidmatan kewangan merupakan sektor utama dalam strategi kepelbagaian ekonomi Bahrain. Bahrain telah muncul sebagai salah satu hab kewangan yang utama di kawasan GCC dan mempunyai pasaran ekonomi paling

⁹² Ibid., hlm. 34.

⁹³ Michael Sturm, Jan Strasky, Petra Adolf dan Dominik Peschel, "The Gulf Cooperation Countries: Economic Structures, Recent Developments and Role in the Global Economy", *European Central Bank Occasional Paper Series*, No. 92, 2008, hlm. 13.

⁹⁴ Martin HVIDT, "Economic Diversification in GCC Countries: Past Record and Future Trends", *Kuwait Programme on Development, Governance and Globalisation in the Gulf States*, No. 27, 2013, hlm. 19.

bebas di Asia Barat.⁹⁵ Kerajaan Bahrain berusaha untuk meningkatkan produktiviti dalam sektor swasta, mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk keusahawanan dan inovasi, seterusnya mewujudkan syarikat serta aktiviti ekonomi yang berdasarkan pengetahuan dan mempunyai nilai tambah yang tinggi. Selain itu, Bahrain juga berusaha untuk menceburi dan mengembangkan sektor pelancongan, perkhidmatan perniagaan, sektor pembuatan dan logistik.⁹⁶

Oman merupakan negara kedua yang mempunyai kepelbagaian ekonomi dalam kalangan anggota GCC dan usaha untuk mempelbagaikan aktiviti ekonomi telah pun bermula sejak tahun 1970-an. Oman merupakan anggota GCC yang paling giat dalam menswastakan pelbagai sektor dalam usaha untuk mempelbagaikan kegiatan ekonomi.⁹⁷ Selain itu, kerajaan Oman telah membangunkan infrastruktur bagi mewujudkan persekitaran pelaburan yang kondusif. Usaha penswastakan dapat dilihat apabila sektor pelancongan, industri, pertanian dan perikanan digalakkan untuk meningkatkan peranan sektor swasta dalam sektor-sektor tersebut, manakala sektor tenaga dan air telah diswastakan sepenuhnya.⁹⁸ Faktor geografi dan cuaca membolehkan Oman untuk menceburi bidang pertanian dan perikanan walaupun penceburan dalam bidang-bidang ini adalah terhad. Kedudukan Oman yang berdekatan dengan Dubai pula membolehkannya untuk bekerjasama dengan Dubai dalam sektor pelancongan.⁹⁹

Arab Saudi memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan penglibatan sektor swasta dalam ekonomi dan dasar yang diambil adalah agak neoliberal.¹⁰⁰ *National Plans Saudi* merangkumi bidang seperti belia, pengangkutan, penswastakan, pekerjaan, sains

⁹⁵ Wilfred How, Caroline Yeoh dan Chong Hong Hao, "Internationalization into the GCC", hlm. 5.

⁹⁶ Martin HVIDT, "Economic Diversification in GCC Countries", hlm. 19.

⁹⁷ Ibid., hlm. 23.

⁹⁸ Ibid., hlm. 24.

⁹⁹ Ibid., hlm. 25.

¹⁰⁰ Menurut David Harvey, neoliberalisme merupakan teori amalan ekonomi politik yang mencadangkan bahawa kesejahteraan manusia boleh dicapai dengan memberi kebebasan kepada keusahawanan. Kebebasan keusahawanan dicirikan dengan hak ke atas harta persendirian, pasaran dan perdagangan yang bebas. Lihat Nandini Gooptu, "Neoliberal Subjectivity, Enterprise Culture and New Workplaces: Organised Retail and Shopping Malls in India", *Economic and Political Weekly*, Vol. 44, No. 22, 2009, hlm. 45.

dan teknologi serta industri.¹⁰¹ Strategi Jangka Panjang yang dilancarkan pada tahun 2004 pula bertujuan untuk mewujudkan peluang pekerjaan untuk belia, meningkatkan peranan hasil bukan berasaskan minyak dalam ekonomi, dan mengurangkan peratusan minyak dan gas dalam jumlah eksport. Keutamaan telah diberikan untuk membawa masuk *Foreign Direct Investment* (FDI) ke sektor awam dan swasta kerana FDI dipercayai dapat membantu dalam membina asas pengeluaran yang baru.¹⁰²

UAE mempunyai ekonomi yang paling pelbagai berbanding anggota GCC yang lain. Industri minyak dan petroleum hanya menyumbang enam peratus daripada GDP UAE pada tahun 2005, manakala sektor perdagangan, pembuatan dan perkhidmatan kewangan menyumbang sebahagian besar kepada GDP UAE.¹⁰³ UAE lebih menekankan kepada dasar “kepelbagaian tanpa penswastaan” berbanding Oman. Hal ini dapat dilihat melalui Rancangan Kerajaan (2011-2013) yang kurang mementingkan peranan sektor swasta.¹⁰⁴ Sepertimana yang ditumpukan oleh Bahrain, UAE juga memberi tumpuan kepada pengembangan ekonomi yang berasaskan pengetahuan dan inovasi. UAE terdiri daripada tujuh amiriah¹⁰⁵ iaitu Abu Dhabi, Ajman, Dubai, Fujairah, Ras al-Khaimah, Sharjah dan Umm al-Quwain yang setiap satunya mempunyai pentadbiran sendiri. Dubai dan Abu Dhabi merupakan amiriah yang paling kaya dalam kalangan tujuh amiriah dalam UAE. Abu Dhabi, amiriah yang terbesar di UAE, telah mempelbagaikan ekonominya melalui sektor pembuatan, industri berat yang berasaskan teknologi tinggi, tenaga yang boleh diperbaharui, pasaran hartanah mewah dan pelancongan budaya.¹⁰⁶

¹⁰¹ Ibid., hlm. 29.

¹⁰² Ibid., hlm. 30-31.

¹⁰³ Wilfred How, Caroline Yeoh dan Chong Hong Hao, “Internationalization into the GCC”, hlm. 7.

¹⁰⁴ Martin HVIDT, “Economic Diversification in GCC Countries”, hlm. 33.

¹⁰⁵ Menurut *Oxford Dictionary*, amiriah bermaksud kawasan yang diperintah oleh amir. Amir merupakan gelaran yang diberikan kepada pemerintah Muslim. Lihat *The Oxford English Reference Dictionary*, Edisi Kedua, New York: Oxford University Press, 1996, hlm. 461.

¹⁰⁶ Ibid., hlm. 32.

Kuwait pula tidak begitu giat dalam mempelbagaikan kegiatan ekonominya. Hal ini mungkin disebabkan oleh fiskalnya yang positif dan juga pertikaian antara Dewan Negara dan kerajaan yang menyebabkan rancangan baru tidak dapat dilaksanakan. Namun begitu, Kuwait telah mengambil langkah untuk menjadikan Kuwait sebagai pusat perdagangan serantau dan hab kewangan bagi kawasan utara Teluk. Pelabuhan laut dalam, landasan kereta api baru, sistem metro dan bandar baru telah dibina untuk mewujudkan persekitaran yang sesuai untuk menarik minat pelabur yang asalnya menjalankan perdagangan di Iraq yang terletak di utara Kuwait. Kemudahan yang diwujudkan juga bertujuan untuk menarik minat lebih banyak pelabur swasta. Hal ini selari dengan visi Kuwait untuk menjadikan sektor swasta sebagai peneraju ekonomi dan mewujudkan peluang pekerjaan di sektor swasta.¹⁰⁷

Qatar pula mengambil langkah untuk mengurangkan kebergantungan kepada industri hidrokarbon secara beransur-ansur disebabkan kekayaan simpanan hasil mineralnya. Qatar memberi tumpuan kepada sektor perkhidmatan dan industri yang bernilai tinggi serta mewujudkan ekonomi berasaskan pengetahuan sebagai langkah untuk menjadi pusat serantau ekonomi berkaitan pengetahuan.¹⁰⁸ Qatar juga tidak fokus kepada usaha untuk meningkatkan penglibatan sektor swasta tetapi cuba untuk mewujudkan prasyarat untuk meningkatkan penglibatan sektor swasta kerana keadaan di Qatar seperti penglibatan rakyat Qatar dalam sektor pekerjaan yang sangat rendah tidak mengizinkan pelaksanaan tersebut.¹⁰⁹

GCC telah mengambil pelbagai langkah untuk mengukuhkan kedudukan ekonominya. Selain berkembang sebagai pusat dagangan serantau dan memperbaiki kemudahan, GCC juga mengambil langkah seperti membentuk kesatuan kastam supaya tarif yang sama digunakan apabila anggota GCC berdagang dengan pihak luar, serta

¹⁰⁷ Ibid., hlm. 22.

¹⁰⁸ Ibid., hlm. 27.

¹⁰⁹ Ibid., hlm. 28.

melancarkan pasaran bersama supaya tenaga kerja dan modal bebas bergerak dalam kawasan GCC.¹¹⁰ Rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) juga dijalankan dengan EU, Jepun, China, New Zealand, Singapura, Australia dan India.¹¹¹ Rundingan FTA menunjukkan GCC bersedia untuk mewujudkan pasaran bebas dan membuka pasaran kepada pelabur luar.

Kesimpulan

Polisi perdagangan bebas yang diamalkan selepas pembukaan Singapura oleh Stamford Raffles telah menjadi asas kepada polisi ekonomi Singapura yang mengamalkan polisi pasaran bebas sehingga kini. Kecekapan kerajaan Singapura dalam menukar polisi ekonomi mengikut keadaan ekonomi membolehkan Singapura muncul sebagai pusat perdagangan yang unggul.

Singapura dijadikan sebahagian daripada Negeri-negeri Selat pada tahun 1826 dan dijadikan Tanah Jajahan British pada tahun 1946. Pentadbiran di bawah British mempengaruhi sistem pentadbiran Singapura selepas kemerdekaan pada tahun 1965. Singapura mengamalkan sistem parlimen yang berasaskan kepada sistem parlimen di England.

Era tahun 1970-an memperlihatkan kerjasama dua hala antara Singapura dengan Asia Barat apabila misi Singapura dihantar ke Asia Barat dan juga sebaliknya. Singapura dan Asia Barat telah pun mula bekerjasama dalam bidang pembuatan makanan, pembuatan perabot, pembinaan, perkapalan dan minyak sejak tahun 1970-an.

Anggota-anggota GCC menyedari kepentingan mempelbagaikan ekonomi bagi menghadapi era selepas kehabisan sumber semula jadi. Oleh itu, negara-negara GCC giat mempelbagaikan ekonomi mereka. Bidang seperti perkapalan dan pemprosesan

¹¹⁰ Ibid.

¹¹¹ Michael Sturm, Jan Strasky, Petra Adolf dan Dominik Peschel, "The Gulf Cooperation Countries", hlm. 68.

minyak menjadi kekosongan yang boleh diisi oleh Singapura dalam kerjasama ekonomi dengan GCC.

University of Malaya

BAB DUA

HUBUNGAN PERDAGANGAN SINGAPURA-GCC DI BAWAH PENTADBIRAN LEE KUAN YEW (1981-1990)

Pengenalan

Peluang perniagaan di GCC yang lumayan telah menarik perhatian pelbagai pihak dari Singapura untuk menceburi pasaran di sana. Antaranya ialah agensi kerajaan dan dewan perniagaan ketika era Lee Kuan Yew yang giat menjalankan misi perdagangan dan pameran di GCC seperti *Trade Development Board* (TDB), *Economic Development Board* (EDB), *Singapore Manufacturers' Association* (SMA), *Singapore Malay Chamber of Commerce* (SMCC) dan *Singapore-Arab Chamber of Commerce and Industry* (SACCI).

Kementerian dari Singapura juga berusaha untuk menjalinkan hubungan dengan GCC. Antaranya ialah Kementerian Perdagangan dan Industri, Kementerian Luar Negeri serta Kementerian Perhubungan dan Komunikasi Singapura. Hubungan diplomatik juga dijalinkan sehingga mencapai tahap kedutaan.

Hubungan dengan GCC tidak terhad kepada hubungan sehalu sahaja. Pihak GCC juga menghantar delegasi untuk mengkaji polisi di Singapura dan menjalin hubungan perdagangan dengan Singapura. Pelbagai perjanjian seperti perjanjian yang berkaitan dengan perkhidmatan udara juga dimeterai antara Singapura dengan GCC.

Singapura dan GCC bekerjasama dalam pelbagai bidang seperti perbankan dan kewangan, penerbangan, perkapalan, pembuatan makanan, perabot, pakaian, peralatan pejabat dan perniagaan, farmaseutikal dan peralatan perubatan, teknologi khususnya pembuatan komputer dan telekomunikasi, industri minyak dan kejuruteraan. Bidang

perbankan dan pembuatan merupakan sektor yang penting kepada Singapura pada tahun 1980-an.

Misi Perdagangan antara Singapura dengan GCC

Trade Development Board (TDB) merupakan agensi kerajaan yang giat dalam meneroka pasaran di GCC. TDB ditubuhkan pada tahun 1983 dengan tujuan untuk mengembangkan dan mempromosikan perdagangan Singapura. Badan ini meneroka pasaran baru dan peluang perniagaan untuk kegiatan eksport Singapura serta memainkan peranan untuk menjadikan Singapura sebagai asas untuk perdagangan antarabangsa dan memberi bantuan kepada syarikat yang diasaskan di Singapura untuk melabur di luar negara.¹ Bagi memenuhi cabaran pasaran global, penstrukturan semula dibuat ke atas TDB untuk menumpukan perhatian kepada proses mengantarabangsakan perusahaan yang berpusat di Singapura dan nama TDB ditukarkan kepada “International Enterprise (IE) Singapore” pada tahun 2002.²

Pada Disember tahun 1984, lapan wakil daripada syarikat-syarikat yang terlibat dalam industri farmaseutikal mengadakan lawatan perdagangan ke Arab Saudi, UAE dan Oman dengan diiringi oleh TDB untuk membantu kegiatan eksport Singapura di situ. Misi ini juga turut menghadiri pembukaan rasmi *TDB Dubai Trade Centre* di UAE.³ Pusat dagangan ini merupakan pejabat TDB yang kedua di Asia Barat. Pusat ini bertujuan untuk memberi bantuan kepada para pedagang yang ingin mengikuti misi perdagangan ke UAE dan mengadakan pameran di sana serta mempromosikan produk Singapura. Pusat ini juga penting untuk mengkaji pasaran UAE seterusnya pasaran di

¹ Christopher M. Dent, *The Foreign Economic Policies of Singapore, South Korea and Taiwan*, hlm. 115.

² *Ministry of Trade and Industry Singapore*, diakses pada 8 Mac 2015, daripada [http://www.mti.gov.sg/AboutMTI/Pages/International%20Enterprise%20Singapore%20\(IE%20Singapore\).aspx](http://www.mti.gov.sg/AboutMTI/Pages/International%20Enterprise%20Singapore%20(IE%20Singapore).aspx).

³ “Eight to Go on Trade Visit to Middle East”, *The Straits Times*, 1 Dis. 1984, hlm. 19.

negara-negara jiran seperti Kuwait, Bahrain, Qatar dan Oman.⁴ Misi ini berjaya memperoleh tempahan bernilai \$4.1 juta, manakala \$16.3 juta lagi masih bawah rundingan. Bagi menunjukkan kesungguhan pedagang Singapura untuk berniaga dengan peniaga di GCC, kebanyakan syarikat yang terlibat dalam misi ini turut menghantar wakil ke GCC untuk menjual secara terus kepada peniaga di sana.⁵

Selain itu, misi perdagangan TDB juga terlibat dengan pameran di Bahrain. Pameran “Third Business Equipment, Communication and Computer Show” (MEBES) pada Februari tahun 1984 tentang peralatan perniagaan dan bekalan pejabat memberi peluang kepada pedagang Singapura untuk mengetahui pasaran Bahrain dengan lebih mendalam. Anggota-anggota yang terlibat dengan pameran ini kemudian meneruskan misi jualan di Jeddah dan Dubai, dan tempahan bernilai \$2.24 juta telah diperoleh. Pameran ini juga menunjukkan kreativiti dan inisiatif pedagang Singapura. Misalnya, diari dalam dwibahasa, iaitu Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab telah dipamerkan di MEBES, dan telah mendapat sambutan yang menggalakkan.⁶

Selain mengadakan misi perdagangan, TDB juga cekap dalam merebut peluang yang sedia ada di GCC. Kawasan Perdagangan Bebas Jebel Ali di Dubai dibuka pada April tahun 1985 dan TDB telah menawarkan bantuan kepada pihak Jebel Ali yang tidak mempunyai kepakaran dalam menganjurkan pameran dan persidangan kerana TDB banyak menyertai pameran di GCC.⁷ Pameran “Saudi Business ’85” merupakan penglibatan TDB yang ketiga dalam mempamerkan peralatan perniagaan dan pejabat di GCC.⁸ Pada tahun yang sama, TDB juga terlibat dengan pameran “Saudi Industry and Man-power Training Exhibition”. Jebel Ali merupakan pelabuhan buatan manusia yang paling besar di dunia. Charles Health, Pengarah Pemasaran dan Pembangunan

⁴ “Singapore to Establish Trade Office in Dubai”, *The Business Times*, 14 Jan. 1984, hlm. 3.

⁵ “Group Clinches \$4m Deals in West Asia”, *The Business Times*, 5 Jan. 1985, hlm. 2.

⁶ “Team to Bahrain Wins \$2m Orders”, *The Business Times*, 28 Mac 1984, hlm. 2.

⁷ “TDB’s Interest in Jebel Ali”, *The Business Times*, 23 Mei 1985, hlm. 17.

⁸ “\$200,000 Deals Made at Saudi Trade Fair”, *The Straits Times*, 27 Jun 1985, hlm. 10.

Perdagangan Jebel Ali berharap bahawa kawasan bebas ini akan dapat menarik perhatian syarikat yang terlibat dalam bidang tenaga dan syarikat yang mengamalkan polisi intensif modal.⁹

TDB juga mengadakan seminar supaya peniaga yang telah menceburi pasaran Asia Barat dapat berkongsi pengalaman mereka di sana dengan peniaga lain di Singapura. Sebanyak 70 syarikat yang dijemput untuk menghadiri seminar tersebut juga akan didedahkan dengan peluang perniagaan di Asia Barat. Penceramah yang dijemput adalah peniaga dari syarikat *Aero Supplies Systems Engineering*, *CTW Terminals* dan *Bombay Trading Company*.¹⁰

Economic Development Board (EDB) juga memainkan peranan dalam menerokai peluang perdagangan di GCC. EDB merupakan agensi kerajaan yang merancang dan melaksanakan strategi yang dapat memperkukuh kedudukan Singapura sebagai pusat perniagaan global.¹¹ Pada Mei tahun 1981, sebuah delegasi yang terdiri daripada EDB dan *Singapore National Oil Company* (SNOC) melawat Kuwait. Pegawai EDB menerangkan peluang pelaburan dan insentif sedia ada di Singapura serta menjawab soalan daripada pelabur Kuwait yang berminat untuk melabur di Singapura. Usaha begini membolehkan pelabur Kuwait lebih memahami situasi di Singapura seterusnya mula melabur di Singapura. SNOC pula akan berbincang dengan rakan sejawatnya tentang rancangan pembelian minyak dari Kuwait.¹²

Selain agensi kerajaan, dewan perniagaan seperti *Singapore Manufacturers' Association* (SMA) juga giat menjalankan lawatan ke GCC. SMA ditubuhkan pada tahun 1932 bagi membimbing sektor pembuatan di Singapura dan mewakili komuniti dalam sektor pembuatan bagi menyuarakan kehendak mereka serta meningkatkan daya

⁹ "TDB's Interest in Jebel Ali", *The Business Times*, 23 Mei 1985, hlm. 17.

¹⁰ "TDB Holds Seminar on Business Prospects in the Middle East", *The Business Times*, 15 Feb. 1989, hlm. 3.

¹¹ *Economic Development Board*, diakses pada 11 Mac 2015, daripada <http://www.edb.gov.sg/content/edb/en/about-edb.html>.

¹² "Team Leaves for Kuwait", *The Business Times*, 22 Mei 1981, hlm. 1.

saing sektor pembuatan. SMA mengendalikan seminar dan bengkel serta menghantar misi perdagangan ke pelbagai negara bagi meneroka dan mewujudkan lebih banyak peluang perniagaan.¹³ SMA kemudiannya bertukar nama kepada “Singapore Manufacturing Federation (SMF)”.

Pada Mac tahun 1982, misi perdagangan SMA yang disertai oleh 14 ahli telah melawat Bahrain, Abu Dhabi, Jeddah, Dubai dan Muscat selama tiga minggu bertujuan untuk mengeratkan hubungan perdagangan antara Singapura dengan GCC serta meneroka peluang usaha sama.¹⁴ Bersempena dengan misi tersebut, SMA telah mempamerkan barangan yang terdiri daripada perabot pasang siap, papan lapis, pakaian dan seluar jean, tepung gandum, dapur dan makanan. Misi tersebut telah berjaya mendapatkan tempahan bernilai \$3.5 juta, manakala tempahan yang bernilai \$4 hingga \$5 juta masih dalam perbincangan. SMA yakin bahawa nilai dagangan yang jumlahnya bernilai \$15 juta akan dapat diperolehi dalam masa setahun.¹⁵

Berikutan sambutan yang menggalakkan di GCC, SMA telah melawat Dubai, Doha, Kuwait dan Riyadh selama tiga minggu pada November tahun 1982 bagi mengembangkan dan mengukuhkan lagi hubungan perdagangan antara Singapura dengan GCC. Salah satu misi lawatan ini adalah untuk meneroka pasaran baru untuk barangan industri dan barangan pengguna.¹⁶ Misi SMA yang kedua pada tahun 1982 telah berjaya mendapatkan tempahan bernilai \$2.75 juta, manakala tempahan yang bernilai \$5 juta masih dalam perbincangan. Misi yang kedua ini menunjukkan keyakinan terhadap pasaran di GCC dalam kalangan pedagang Singapura semakin bertambah kerana dianggarkan bahawa nilai dagangan sebanyak \$35 juta akan dicapai

¹³ *Singapore Manufacturing Federation*, diakses pada 24 Feb. 2015, daripada <http://www.smfederation.org.sg/index.php/profile>.

¹⁴ “SMA Trade Mission for West Asia”, *The Straits Times*, 3 Mac 1982, hlm. 17.

¹⁵ “Manufacturers Make Progress in West Asia”, *The Business Times*, 26 Mac 1982, hlm. 3.

¹⁶ “SMA Team to Visit West Asia Next Month”, *The Business Times*, 28 Okt. 1982, hlm. 3.

dalam masa setahun berbanding dengan misi pertama yang menganggarkan nilai dagangan \$15 juta akan dicapai dalam masa setahun.¹⁷

SMA meneruskan kegiatan lawatan ke GCC lagi pada tahun 1983 bagi menunjukkan kesungguhan untuk berdagang dengan pedagang di GCC. Pada April tahun 1984, seramai enam ahli SMA yang terlibat dalam bidang pembuatan makanan dan percetakan melawat Jeddah, Demman dan Dubai. Ahli-ahli tersebut adalah daripada syarikat *Cold Storage Trading*, *Sugar Industry of Singapore Ltd.* dan *Malaya Engraving and Litho Printing Pte. Ltd.*¹⁸ Pada November tahun 1987, SMA telah menghantar misi perdagangan dan pelaburan ke GCC untuk meninjau peluang eksport dan mendapatkan sumber. Misi yang dianjurkan oleh TDB ini dijadualkan untuk melawat Dubai, Kuwait dan Arab Saudi. Selain mempromosikan produk Singapura, misi tersebut juga bertujuan untuk melakukan kajian pasaran dan mendapatkan perwakilan agensi untuk produk mereka.¹⁹

Berikutan hubungan perdagangan dengan Asia Barat yang semakin kukuh, SMA telah menubuhkan *Arab Business Centre (ABC)* di Asia Barat untuk membimbing dan membantu usahawan yang bakal memasuki pasaran Asia Barat. Pusat ini juga menyebarkan maklumat dan membekalkan sokongan untuk pemasaran, pengedaran dan jualan selain menjadi pusat hubungan bagi syarikat di Singapura dan Asia Barat. Selain mengambil langkah untuk menggalakkan kemasukan usahawan Singapura ke Asia Barat, SMA juga mengambil langkah untuk menarik pelaburan dari Asia Barat ke Singapura dengan merancang untuk menerbitkan sebuah direktori, iaitu *Arab Trade Directory on Singapore*. SMA juga dalam perancangan untuk menerbitkan jurnal perdagangan berkala dalam bahasa Arab agar dapat memberikan pendedahan tentang

¹⁷ "Middle East Mission May Bring in \$50 Million", *Singapore Monitor*, 25 Nov. 1982, hlm. 14.

¹⁸ "SMA Team to Visit West Asia", *The Business Times*, 3 Apr. 1984, hlm. 2.

¹⁹ "SMA Sending Trade Mission to Middle East", *The Business Times*, 24 Nov. 1987, hlm. 2.

Singapura dengan lebih meluas.²⁰ Penerbitan begini menjadi saluran kepada pedagang untuk mendapatkan maklumat seperti keadaan di Singapura. Penerbitan ini juga membolehkan pedagang Singapura mengenali wakil dari Asia Barat yang dapat memberi khidmat nasihat kepada mereka. Langkah-langkah ini bukan sahaja menunjukkan kesungguhan Singapura untuk menjadi rakan perdagangan Asia Barat, malah dapat meningkatkan nilai dagangan antara Singapura dan Asia Barat.

Selain SMA dan TDB, *Singapore Malay Chamber of Commerce* (SMCC) merupakan sebuah lagi organisasi yang aktif dalam menghantar misi perdagangan ke GCC. SMCC ditubuhkan pada tahun 1956 oleh sekumpulan peniaga Melayu dengan tujuan untuk membantu antara satu sama lain dan berkongsi maklumat. Nama SMCC ditukarkan kepada “Singapore Malay Chamber of Commerce and Industry (SMCCI)” pada tahun 1995.²¹

SMCC merancang untuk menganjurkan misi perdagangan ke GCC pada awal tahun 1989. Misi ini dijangkakan akan melibatkan peniaga daripada pelbagai bidang yang akan bekerjasama untuk menceburi pasaran GCC.²² Pada tahun 1989, SMCC menghantar misi ke Arab Saudi untuk meneroka peluang perniagaan di sana. SMCC telah menganjurkan misi begini ke Arab Saudi pada tahun 1974. Misi tersebut turut disokong oleh TDB dan mendapat kerjasama daripada *Singapore's Foreign Missions* dan kedutaan yang berkenaan.²³

Selain menghantar misi, SMCC juga menganjurkan pameran untuk menarik perhatian pedagang GCC untuk mendapatkan barangan Singapura. SMCC menganjurkan pameran makanan Muslim dan teknologi yang pertama di dunia pada tahun 1989 untuk mempromosikan peranan Singapura sebagai pusat perdagangan dan

²⁰ “SMA Opens Centre to Aid Businessmen in Middle East Market”, *The Straits Times*, 26 Apr. 1989, hlm. 29.

²¹ *Singapore Malay Chamber of Commerce & Industry*, diakses pada 10 Mac 2015, daripada <https://smcci.wordpress.com/about/>.

²² “Malay Chamber Planning Trade Mission to Mid-East”, *The Business Times*, 27 Nov. 1988, hlm. 17.

²³ “Malay Chamber to Send Mission to Middle East”, *The Straits Times*, 6 Okt. 1989, hlm. 45.

pusat pengagihan makanan halal. Pameran ini menunjukkan kesedaran terhadap pasaran halal yang besar di dunia. Timbalan Pengerusi SMCC, Haji Abdul Kadir Haji Elias Ali menyatakan bahawa terdapat 1.8 bilion Muslim di dunia, dan dianggarkan bahawa perdagangan makanan dalam kalangan orang Islam mencapai US\$60 bilion (S\$117 bilion). Eksport makanan halal dari Singapura ke Asia Barat yang terdiri daripada minyak sayuran, kopi, teh, coklat, bijirin dan makanan laut beku meningkat sebanyak 30 peratus ke \$249 juta pada tahun 1989 berbanding dengan tahun 1988. Impak pameran ini adalah besar kerana pameran ini juga membolehkan pelawat melihat kemajuan Singapura dalam bidang pemindahan muatan dari kapal ke kapal, penggudangan dan pengagihan. Kedudukan Singapura sebagai pusat perdagangan antarabangsa juga dapat ditonjolkan.²⁴

Singapore-Arab Chamber of Commerce and Industry (SACCI) telah ditubuhkan khas untuk mempromosikan hubungan perdagangan antara Singapura dengan Asia Barat. Organisasi ini berhasrat untuk menghantar misi perdagangan ke Asia Barat dan memberi maklumat tentang perdagangan serta memberi perkhidmatan timbang tara selain meneroka peluang pelaburan di Singapura dan Asia Barat.²⁵

Selain organisasi yang giat menerokai dan menceburi pasaran GCC, Menteri Singapura juga memainkan peranan dalam mengeratkan hubungan antara Singapura dengan GCC. Goh Chok Tong yang merupakan Menteri Perdagangan dan Industri Singapura ketika itu pernah mengetuai misi muhibah ke GCC pada tahun 1981. Lawatan Goh di Arab Saudi dijangkakan dapat membincangkan bidang yang boleh diusahakan bersama antara Singapura dengan Arab Saudi.²⁶ Satu perjanjian perdagangan dengan Kuwait yang bertujuan untuk mempromosikan perdagangan dan

²⁴ "Malay Chamber to Stage World's First Muslim Food and Technology Show", *The Straits Times*, 28 Sept. 1989, hlm. 40.

²⁵ "Singapore-Arab Chamber Established", *The Straits Times*, 9 Feb. 1983, hlm. 13.

²⁶ "Chok Tong to Visit West Asia Next Month", *The Business Times*, 6 Mac 1981, hlm. 1.

hubungan ekonomi kemudian telah dimeterai.²⁷ Lawatan Menteri Singapura menunjukkan bahawa kerajaan Singapura menitikberatkan hubungan dengan GCC seterusnya dapat membantu Singapura untuk mendapatkan lebih banyak peluang perniagaan.

Sejak awal tahun 1981 lagi, Kementerian Luar Negeri Singapura sudah sedar tentang kepentingan GCC dalam ekonomi Singapura, dan misi perdagangan telah pun dihantar ke Jeddah untuk mengkaji penghantaran misi ke sana.²⁸ Menteri Luar Negeri Singapura, Dhanabalan mengetuai delegasi yang terdiri daripada empat anggota ke Bahrain dan Oman pada November tahun 1984 sebagai usaha berterusan untuk mengembangkan hubungan politik dan ekonomi antara Singapura dengan kedua-dua buah negara tersebut. Dhanabalan juga dijangka melawat Kuwait dan Arab Saudi.²⁹ Dhanabalan bertemu dengan Amir Bahrain dalam lawatan ini, dan Amir berhasrat untuk mengeratkan lagi hubungan dua hala dengan Singapura. Dhanabalan juga bertemu dengan rakan sejawat beliau dan kedua-dua pihak berharap untuk menjalinkan kerjasama yang lebih erat dan juga interaksi yang lebih banyak antara sektor swasta.³⁰ Pada tahun 1985, hubungan diplomatik antara Singapura dengan Bahrain dan Kuwait telah pun berkembang kepada tahap kedutaan bagi memperkukuh dan memperkembang lagi hubungan antara kedua-dua pihak.³¹ Pedagang lebih yakin dan lebih mudah untuk berdagang di negara yang mempunyai duta dari negara asalnya.

Menteri Perhubungan dan Komunikasi Singapura, Yeo Ning Hong yang juga merupakan Menteri Pertahanan (Polisi) kedua mengambil inisiatif untuk melawat Arab Saudi dan Oman pada April tahun 1987 bagi meningkatkan kerjasama antara kedua-dua pihak ini. Yeo dilaporkan akan bertukar pandangan dan membincangkan isu yang boleh

²⁷ ND 982-1981-04-13, Ministry of Trade and Industry Press Release, Signing of Trade Agreement, 13 Apr. 1981.

²⁸ "Team in Jeddah to Study Details", *The Straits Times*, 21 Feb. 1981, hlm. 13.

²⁹ "Dhana to Visit Bahrain and Oman", *The Business Times*, 8 Nov. 1984, hlm. 1.

³⁰ "Dhana Talks With Bahrain Leaders", *The Business Times*, 13 Nov. 1984, hlm. 2.

³¹ ND 369-1985-06-30, Ministry of Foreign Affairs Press Release, Establishment of Diplomatic Relations between Bahrain and Singapore, 30 Jun 1985.

membawa manfaat kepada kedua-dua pihak dengan rakan sejawat beliau di Arab Saudi dan Oman. Selain menerokai lebih banyak peluang perdagangan dengan Arab Saudi, satu perjanjian berkenaan perkhidmatan udara juga akan dipersetujui dengan pihak Oman. Singapura dan Arab Saudi dilaporkan dalam perbincangan tentang perjanjian pencukaian terhad yang akan membawa manfaat kepada sektor penerbangan kedua-dua pihak.³² Perjanjian yang ditandatangani akan membawa lebih banyak pelaburan kepada kedua-dua pihak kerana cukai yang perlu dibayar akan dikurangkan.

Hubungan dengan GCC tidak lagi merupakan hubungan sehalu apabila pihak GCC juga berminat untuk berdagang ke Singapura serta mengkaji polisi yang dilaksanakan di Singapura. Oman misalnya merancang untuk menghantar pasukan ke Singapura untuk mengkaji struktur dan dasar pembangunan serta undang-undang dalam perdagangan dan pelaburan Singapura. Kejayaan Singapura sebagai pusat perdagangan yang terkenal telah menarik perhatian Oman untuk mengetahui bagaimana Singapura dapat menawarkan perkhidmatan yang lebih baik kepada syarikat asing yang ingin menjadikan Singapura sebagai tapak untuk aktiviti mereka. Oman juga merancang untuk menghantar wakil untuk menjalani latihan di Singapura. Oman juga membuat pertimbangan untuk meletakkan wakil kekal di Singapura. Menteri Luar Negeri Oman, Yousuf bin al-Alawi Abdullah yang mengetuai delegasi yang terdiri daripada enam anggota telah berbincang dengan Menteri Kewangan Singapura, Tony Tan berkenaan kerjasama dalam perdagangan, latihan dan industri.³³

Selain Oman, Arab Saudi juga berminat untuk bekerjasama dengan Singapura. Arab Saudi telah menghantar delegasi yang terdiri daripada pakar dalam bidang hartanah, peralatan pengerudian perkapalan, peralatan perubatan dan bahan kimia. Sheikh Saad M. al-Moajil, Pegerusi *Council of Saudi Chambers of Commerce and*

³² ND 868-1987-04-09, Ministry of Communications and Information Press Release, Visit of Minister For Communications and Information, Dr Yeo Ning Hong, To Saudi Arabia and Oman, 9 Apr. 1987.

³³ "Oman Will Send Team to Study Our Growth Policies", *The Straits Times*, 3 Mei 1984, hlm. 12.

Industry (CSCCI) menyatakan bahawa Singapura boleh dijadikan orang tengah untuk perdagangan Arab Saudi dengan negara-negara Asia yang lain. Polisi perdagangan bebas Singapura yang membolehkan Singapura menjadi orang tengah bagi negara-negara sedang membangun juga telah menarik perhatian Arab Saudi untuk melawat Singapura.³⁴ Delegasi ini bertujuan untuk meneroka peluang kerjasama dengan Singapura dalam bidang perkapalan, pembinaan dan pengeksportan semula. Bidang kerjasama ini disenaraikan selepas pertemuan CSCCI dengan *Singapore Federation of Chambers of Commerce and Industry* (SFCCI).³⁵ Selain itu, Menteri Perdagangan Arab Saudi juga menyatakan kemungkinan Arab Saudi untuk mendapatkan pakar dari Singapura dalam bidang kewangan disebabkan kedudukan Singapura sebagai pusat kewangan serantau, justeru memiliki pengetahuan dan kepakaran yang boleh dikongsi bersama dengan Arab Saudi.³⁶

Abu Dhabi juga menunjukkan minat untuk bekerjasama dengan Singapura apabila delegasi yang dianjurkan oleh *Abu Dhabi Chamber of Commerce and Industry* (ADCCI) melawat Singapura untuk mempromosikan hubungan perdagangan antara Singapura dengan Abu Dhabi dan bertemu dengan pedagang Singapura untuk mendapatkan lebih banyak peluang kerjasama. Delegasi ini menunjukkan minat dalam perdagangan barangan seperti barangan pengguna dan industri, makanan, bahan pembinaan serta pakaian.³⁷

UAE sekali lagi menunjukkan kepentingan hubungan dengan Singapura apabila UAE mengundang Singapura untuk menyertai tiga pameran di *Dubai World Trade Centre*. Pameran-pameran tersebut adalah berkaitan dengan komputer, makanan dan kewangan. Pameran komputer tersebut merupakan pameran sedemikian yang terbesar di

³⁴ "Saudi Seek More Joint Ventures with Singapore", *The Straits Times*, 4 Apr. 1988, hlm. 18.

³⁵ "Saudi Team Seeks Joint Ventures", *The Business Times*, 5 Apr. 1988, hlm. 2.

³⁶ "Good Scope for Exporting Financial Expertise to Saudi Arabia", *The Business Times*, 13 Apr. 1985, hlm 12.

³⁷ "Abu Dhabi Team Here to Promote Trade", *The Straits Times*, 11 Okt. 1981, hlm. 6.

Asia Barat, manakala pameran “Arab Gulf Food Show” merupakan pameran sedemikian yang kedua terbesar di Asia Barat. “Money Exhibition” pula merupakan pameran sedemikian yang pertama di Asia Barat. Memandangkan pasaran makanan di UAE adalah besar, iaitu nilai import sebanyak US\$1 bilion dicatatkan setiap tahun, Singapura boleh mengambil peluang ini untuk mempamerkan makanan halal.³⁸

Selain itu, syarikat dari UAE juga berminat untuk melabur di Singapura. A. W. Galadari Group yang merupakan antara syarikat yang paling terkemuka di UAE dijangkakan akan melabur sebanyak US\$500 juta apabila tiga projek di Singapura siap. Galadari merupakan pelabur Asia Barat yang terbesar di Singapura, manakala Singapura merupakan pusat pelaburan Galadari yang terbesar di luar Dubai. Pengerusi kumpulan Galadari, A. W. Galadari menyatakan bahawa, “*Singapore stands out among all the Asian countries in importance to Arab investors in the coming years*”. Kestabilan Singapura serta penghormatan yang ditunjukkan kepada semua kaum dan agama memberi keyakinan kepada pelabur untuk melabur di Singapura.³⁹ Masyarakat majmuk di Singapura dilayan sama rata tanpa mengira kaum. Hubungan yang harmoni antara kaum membawa kepada kestabilan politik.

Statistik Perdagangan antara Singapura dengan Asia Barat

Statistik menunjukkan bahawa terdapat hubungan perdagangan antara Singapura dengan Asia Barat terutamanya dengan negara-negara anggota GCC. Nilai eksport dari Singapura ke GCC dan nilai import dari GCC ke Singapura membentuk sebahagian besar daripada nilai dagangan dengan Asia Barat. Nilai dagangan ini dipengaruhi oleh kenaikan dan penurunan harga minyak terutamanya krisis minyak yang berlaku pada tahun 1986.

³⁸ “UAE Invites S’pore to Three Trade Shows”, *The Straits Times*, 23 Ogos 1989, hlm. 37.

³⁹ “Galadari Group to Invest \$1 Billion in Singapore”, *Singapore Monitor*, 2 Dis. 1982, hlm. 16.

Jadual 2.1

Nilai eksport Singapura mengikut kawasan bagi tahun 1981-1990
(dalam unit juta Dolar Singapura)

| Tahun | Asia | Asia Barat | Kawasan Lain | Jumlah |
|--------------|-------------|-------------------|---------------------|---------------|
| 1981 | 20,033 | 2,569 | 14,873 | 37,475 |
| 1982 | 21,628 | 2,383 | 13,787 | 37,798 |
| 1983 | 21,529 | 2,048 | 16,015 | 39,592 |
| 1984 | 22,341 | 2,659 | 19,194 | 44,194 |
| 1985 | 22,243 | 1,803 | 19,661 | 43,707 |
| 1986 | 21,643 | 1,399 | 20,544 | 43,586 |
| 1987 | 26,942 | 1,765 | 26,105 | 54,812 |
| 1988 | 36,118 | 1,937 | 34,182 | 72,237 |
| 1989 | 40,113 | 2,051 | 37,872 | 80,036 |
| 1990 | 44,566 | 2,144 | 40,343 | 87,053 |

Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada “External Trade by Region/Country”, Jabatan Statistik Singapura, diakses pada 21 Apr. 2015, daripada <http://www.tablebuilder.singstat.gov.sg/publicfacing/createDataTable.action?refId=2357>.
Nilai eksport ke Asia Barat tidak dimasukkan ke dalam jumlah nilai eksport ke Asia.

Jadual 2.2

Nilai import Singapura mengikut kawasan bagi tahun 1981-1990
(dalam unit juta Dolar Singapura)

| Tahun | Asia | Asia Barat | Kawasan Lain | Jumlah |
|--------------|-------------|-------------------|---------------------|----------------|
| 1981 | 25,381 | 14,870 | 16,390 | 56,641 |
| 1982 | 26,803 | 12,841 | 17,787 | 57,431 |
| 1983 | 27,817 | 11,308 | 18,295 | 57,420 |
| 1984 | 30,258 | 10,408 | 18,951 | 59,617 |
| 1985 | 30,105 | 5,563 | 18,869 | 54,537 |
| 1986 | 29,355 | 5,049 | 18,119 | 52,523 |
| 1987 | 36,937 | 7,279 | 22,368 | 66,584 |
| 1988 | 48,695 | 7,387 | 29,901 | 85,983 |
| 1989 | 50,868 | 8,843 | 34,544 | 94,255 |
| 1990 | 57,041 | 11,178 | 38,967 | 107,186 |

Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada “External Trade by Region/Country”, Jabatan Statistik Singapura, diakses pada 21 Apr. 2015, daripada <http://www.tablebuilder.singstat.gov.sg/publicfacing/createDataTable.action?refId=2352>.
Nilai import dari Asia Barat tidak dimasukkan ke dalam jumlah nilai import dari Asia.

Jadual 2.1 dan Jadual 2.2 menunjukkan pecahan import dan eksport Singapura mengikut kawasan. Nilai import Singapura dari Asia Barat adalah lebih tinggi berbanding dengan nilai eksport disebabkan polisi Asia Barat yang lebih cenderung

untuk mendapatkan barangan daripada Barat berbanding dengan Asia, dan juga kebergantungan Singapura kepada Asia Barat untuk mendapatkan hasil minyak. Disebabkan ini, Singapura giat mempromosikan barangan Singapura yang bermutu tinggi dan dapat menandingi barangan dari Barat bagi menarik pelabur Asia Barat ke Singapura. Secara puratanya, nilai eksport ke Asia Barat adalah S\$1,699 juta setahun.

Disebabkan minyak merupakan barangan utama yang diimport dari Asia Barat, harga minyak banyak mempengaruhi nilai import Singapura dari Asia Barat. Nilai import dari Asia Barat pada tahun 1980-an mencatatkan nilai yang paling tinggi pada tahun 1981, iaitu 26 peratus daripada jumlah nilai import Singapura pada tahun 1981 disebabkan harga minyak yang tinggi pada tahun tersebut. Peratus daripada jumlah keseluruhan menurun sejak tahun berikutnya disebabkan nilai import dari kawasan lain dalam Asia yang semakin meningkat setiap tahun. Nilai import dari Asia meningkat sebanyak 125 peratus daripada S\$25,381 juta pada tahun 1981 kepada S\$57,041 juta pada tahun 1990.

Nilai eksport dan import dari Asia Barat ke Singapura menurun secara mendadak pada tahun 1985. Nilai import dari Asia Barat meningkat semula secara beransur-ansur mulai tahun 1987 manakala nilai eksport hanya meningkat semula secara perlahan dari tahun 1988. Harga minyak dunia meningkat secara mendadak pada tahun 1979, menyebabkan negara-negara pengeluar minyak meningkatkan pengeluaran bagi mengaut keuntungan sehingga pengeluaran melebihi permintaan. Peningkatan harga menyebabkan pengguna cuba untuk mengurangkan penggunaan tenaga serta mencari tenaga alternatif untuk menggantikan minyak.

Organization of the Petroleum Exporting Countries (OPEC) cuba untuk mengawal pengeluaran dan harga minyak. Namun demikian, permintaan yang menurun dan kegagalan OPEC untuk mengawal pengeluaran minyak serta tindakan Arab Saudi dan sekutunya untuk mengeluarkan minyak pada kapasiti sepenuhnya pada awal tahun

1986 telah menyebabkan harga minyak menurun kepada kurang daripada \$10 satu tong.⁴⁰

Jadual 2.3
 Nilai eksport Singapura ke GCC bagi tahun 1981-1990
 (dalam unit juta Dolar Singapura)

| Tahun | Bahrain | Kuwait | Oman | Qatar | Arab Saudi | UAE | Jumlah |
|-------|---------|--------|------|-------|------------|-----|--------------|
| 1981 | 71 | 253 | 136 | 45 | 1,065 | 724 | 2,294 |
| 1982 | 81 | 221 | 121 | 57 | 1,276 | 356 | 2,111 |
| 1983 | 78 | 142 | 90 | 39 | 975 | 427 | 1,750 |
| 1984 | 73 | 310 | 111 | 34 | 1,364 | 446 | 2,337 |
| 1985 | 79 | 268 | 103 | 44 | 589 | 437 | 1,520 |
| 1986 | 48 | 85 | 103 | 33 | 483 | 391 | 1,143 |
| 1987 | 59 | 123 | 75 | 32 | 579 | 438 | 1,305 |
| 1988 | 66 | 173 | 68 | 44 | 556 | 523 | 1,429 |
| 1989 | 57 | 179 | 76 | 44 | 476 | 619 | 1,451 |
| 1990 | 43 | 98 | 112 | 91 | 500 | 808 | 1,651 |

Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada “External Trade by Region/Country”, Jabatan Statistik Singapura, diakses pada 21 Apr. 2015, daripada <http://www.tablebuilder.singstat.gov.sg/publicfacing/createDataTable.action?refId=2357>.

Jadual 2.4
 Nilai import Singapura dari GCC bagi tahun 1981-1990
 (dalam unit juta Dolar Singapura)

| Tahun | Bahrain | Kuwait | Oman | Qatar | Arab Saudi | UAE | Jumlah |
|-------|---------|--------|-------|-------|------------|-------|--------|
| 1981 | 675 | 1,995 | 215 | 130 | 10,772 | 900 | 14,687 |
| 1982 | 94 | 86 | 948 | 0 | 265 | 9,408 | 10,802 |
| 1983 | 121 | 82 | 1,546 | 0 | 782 | 6,508 | 9,038 |
| 1984 | 61 | 73 | 1,883 | 0 | 662 | 5,687 | 8,366 |
| 1985 | 60 | 69 | 984 | 0 | 246 | 2,034 | 3,394 |
| 1986 | 78 | 65 | 2,098 | 0 | 86 | 1,369 | 3,697 |
| 1987 | 83 | 67 | 1,558 | 0 | 368 | 2,836 | 4,911 |
| 1988 | 89 | 82 | 922 | 0 | 68 | 3,873 | 5,035 |
| 1989 | 122 | 108 | 1,122 | 0 | 312 | 4,658 | 6,323 |
| 1990 | 154 | 152 | 843 | 0 | 693 | 5,863 | 7,704 |

Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada “External Trade by Region/Country”, Jabatan Statistik Singapura, diakses pada 21 Apr. 2015, daripada <http://www.tablebuilder.singstat.gov.sg/publicfacing/createDataTable.action?refId=2352>.

⁴⁰ Ibrahim M. Oweiss, “Petrodollars: Problems and Prospects”, kertas kerja dibentangkan dalam “The World Monetary Crisis” di Arden House, Harriman Campus, Columbia University, 1-3 Mac, 1974. OPEC ditubuhkan pada tahun 1960 dengan tujuan untuk menyelaraskan polisi minyak petroleum dalam kalangan ahli OPEC. OPEC berusaha untuk memastikan kestabilan bekalan dan harga petroleum. Lihat *Organization of the Petroleum Exporting Countries*, diakses pada 1 Mei 2015, daripada http://www.opec.org/opec_web/en/about_us/24.htm.

Arab Saudi merupakan pengimport utama barangan dari Singapura dalam kalangan negara-negara GCC, diikuti UAE dan Kuwait. Secara puratanya, nilai eksport ke Arab Saudi setiap tahun, iaitu dari tahun 1981 hingga tahun 1984 ialah S\$1,170 juta, nilai eksport ke UAE ialah S\$488 juta, manakala nilai eksport ke Kuwait ialah S\$231 juta.

Secara keseluruhannya, nilai import Singapura dari GCC setiap tahun, iaitu dari tahun 1981 hingga tahun 1984 ialah S\$10,723 juta. UAE merupakan pembekal utama Singapura dalam kalangan anggota Asia Barat, diikuti Arab Saudi dan Oman. Secara puratanya, nilai import dari UAE setiap tahun, iaitu dari tahun 1981 hingga tahun 1984 ialah S\$5,626 juta, nilai import dari Arab Saudi ialah S\$3,120 juta manakala nilai dari Oman ialah S\$1,148 juta.

Peningkatan harga minyak pada tahun 1985 telah menjejaskan nilai dagangan antara Singapura dengan GCC. Antara anggota-anggota dalam OPEC, Arab Saudi dan Kuwait mengalami penurunan keuntungan yang drastik dari tahun 1981 hingga tahun 1985.⁴¹ Hal ini mempengaruhi dua rakan perdagangan besar Singapura di GCC. Eksport Singapura ke Arab Saudi menurun sebanyak 57 peratus iaitu daripada S\$1,364 juta pada tahun 1984 ke S\$589 juta pada tahun 1985. Eksport ke Kuwait pula menurun sebanyak 68 peratus dari tahun 1985 ke tahun 1986. Import dari Arab Saudi pula menurun sebanyak 63 peratus iaitu daripada S\$662 juta pada tahun 1984 ke S\$246 juta pada tahun 1985 manakala import dari UAE menurun sebanyak 64 peratus.

Walaupun eksport ke GCC tidak menampakkan peningkatan yang ketara selepas krisis minyak ini, import dari GCC menampakkan pemulihan yang ketara. Walau bagaimanapun, krisis ini tidak menghalang kedua-dua pihak untuk terus bekerjasama dalam bidang-bidang seperti teknologi, makanan dan pembuatan. Misi perdagangan masih giat dijalankan walaupun dalam menghadapi krisis ini.

⁴¹ Dermot Gately, "Lessons from the 1986 Oil Price Collapse", *Brookings Papers on Economic Activity*, Vol. 1986, No. 2, 1986, hlm. 242.

Kerjasama Perdagangan antara Singapura dengan GCC

Sektor Penerbangan

Singapura telah menjalinkan hubungan perdagangan dengan GCC melalui sektor penerbangan. Sebagai langkah untuk memudahkan ulang-alik dengan negara-negara di GCC, *Civil Aviation Authority of Singapore (CAAS)* mengetuai misi yang disertai oleh *Singapore Tourism Promotion Board (STPB)*, *Singapore Airport Terminal Services (SATS)* dan *Changi International Airport Services (CIAS)* ke GCC untuk membincangkan prospek untuk mendapatkan perkhidmatan penerbangan GCC di Singapura. Hanya dua syarikat penerbangan sahaja iaitu *Saudi Arabian Airlines* dan *Royal Jordanian* yang menawarkan perkhidmatan di Singapura semasa misi dijalankan. Misi ini akan berbincang dengan syarikat *Gulf Air*, *Emirates* dan *Kuwait Airways Corp.*⁴² Jika perbincangan ini berjaya, lebih mudah bagi pelabur Singapura untuk pergi ke Bahrain, UAE dan Kuwait dan juga sebaliknya. Nilai dagangan antara kedua-dua pihak akan meningkat berikutan kejayaan perbincangan ini. Misi ini mendatangkan hasil apabila *Emirates* dan *Gulf Air* dilaporkan merancang untuk memulakan perkhidmatan penerbangan mingguan pada tahun 1990, manakala *Kuwait Airways* akan mengkaji kemungkinan untuk menyediakan perkhidmatan penerbangan ke Singapura.⁴³

Selain perkhidmatan penerbangan, Singapura dan GCC juga merancang untuk penghantaran kargo terus dari Singapura. *Kuwait Airways* merancang untuk memulakan perkhidmatan kargo terus dari Singapura mulai dari tahun 1985. Sebelum pelaksanaan perancangan tersebut, kargo dari Singapura terpaksa dihantar ke Bangkok terlebih dahulu sebelum dihantar ke Kuwait. Pelaksanaan ini dapat mewujudkan situasi menang-menang kerana pengeksport Singapura dapat menjimatkan masa dan mengelakkan

⁴² "Singapore Air Team for Mid-East", *The Straits Times*, 28 Sept. 1989, hlm. 20.

⁴³ "3 Middle East Airlines to Fly Here Next Year", *The Straits Times*, 14 Okt. 1989, hlm. 25.

kesulitan yang timbul akibat penghantaran kargo ke Bangkok, manakala *Kuwait Airways* dipercayai dapat meningkatkan keuntungannya disebabkan usaha kerajaan Singapura dalam mempromosikan Singapura sebagai pusat pemindahan kargo.⁴⁴

Singapura telah menandatangani perjanjian perkhidmatan udara dengan Oman pada 18 April 1987. Dengan termeterainya perjanjian ini, syarikat penerbangan dari Singapura dapat memulakan penerbangan ke Oman. Syarikat dari Oman juga dapat memulakan penerbangan ke Singapura. Industri penerbangan memainkan peranan yang penting dalam menghubungkan penduduk di seluruh dunia. Masa perjalanan lebih singkat apabila pengangkutan udara digunakan berbanding dengan pengangkutan air dan darat. Hal ini dapat menjimatkan masa peniaga dan mereka dapat bertemu dengan lebih kerap untuk berbincang tentang urusan niaga. Justeru, perjanjian ini dipercayai dapat meningkatkan hubungan ekonomi antara Singapura dengan Oman.⁴⁵

Bidang-bidang yang dibincangkan dalam perjanjian dapat meringankan tanggungan dan beban syarikat penerbangan. Misalnya, Artikel 5 membincangkan pengecualian cukai kastam dan cukai lain terhadap kapal terbang, bekalan minyak, minyak pelincir, alat ganti, peralatan untuk kapal terbang dan penyimpanan kapal terbang. Artikel 10 pula membincangkan pengenaan tarif yang perlu dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Artikel 11 pula membincangkan pengenaan bayaran di lapangan terbang yang bertujuan untuk mengelakkan suatu pihak dikenakan bayaran yang lebih tinggi berbanding pihak lain.⁴⁶ Kesemua syarat ini dapat mengurangkan kos operasi dan mengurangkan pertikaian seterusnya memastikan kelancaran penerbangan antara kedua-dua pihak.

Selain perjanjian dengan Oman, Singapura juga menandatangani perjanjian perkhidmatan udara dengan UAE pada 27 Oktober 1989. Perjanjian ini juga dapat

⁴⁴ "Kuwait Airways Plans to Start Direct Service from Singapore Next Year", *The Business Times*, 12 Okt. 1984, hlm. 7.

⁴⁵ Oman and Singapore: Agreement for Air Services Between and Beyond Their Respective Territories (with Annex), 18 Apr. 1987.

⁴⁶ Ibid.

memberi manfaat kepada kedua-dua pihak kerana pengecualian yang dibincangkan dalam Artikel 3 memastikan sesetengah pendapatan dikenakan cukai oleh satu pihak sahaja. Misalnya, Perkara 1 dalam Artikel 3 menyatakan bahawa pendapatan yang diperoleh melalui pemilikan yang digunakan dalam operasi oleh suatu pihak akan dikecualikan cukai oleh pihak yang lain. Perkara 3 pula menyatakan faedah yang diperoleh melalui deposit bank akan dikecualikan cukai oleh pihak yang lain.⁴⁷ Perjanjian ini dapat mengelakkan pencukaaian terhadap suatu barang dikenakan sebanyak dua kali, iaitu di negara asal dan di negara lain dalam perjanjian. Hal ini dapat menjimatkan kos operasi seterusnya frekuensi penerbangan antara kedua-dua pihak dapat diperbanyakkan.

Sektor Perkapalan

Selain bidang penerbangan, kerjasama perdagangan antara Singapura dengan GCC juga terjalin melalui bidang perkapalan. *Sembawang Engineering* (SE) yang merupakan *sister company* kepada *Sembawang Shipyard* merupakan antara syarikat Singapura yang melabur di GCC. SE merupakan antara syarikat kejuruteraan dan pembinaan yang terkemuka di Asia Tenggara. SE telah berjaya mendapatkan dua projek di Oman dan satu lagi di Kuwait. Projek di Oman melibatkan pembinaan jeti angkatan tentera laut.⁴⁸ Sebuah lagi syarikat, *Sembawang Maritime Limited* (SML) pula cuba melibatkan diri dalam aktiviti marin di Asia Barat yang boleh menambah keuntungannya dan juga mengembangkan perniagaannya di situ seperti mendapatkan kontrak dari syarikat Asia Barat, menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan kapal dan pembaikan kapal bersaiz

⁴⁷ Agreement between the Government of the Republic of Singapore and the Government of the United Arab Emirates for Reciprocal Exemption With Respect To Taxes on Income Arising from the Business of International Air Transport, 27 Okt. 1989.

⁴⁸ "S'pore Firm Lands Mid-East Projects", *The Straits Times*, 21 Feb. 1986, hlm. 17.

kecil di Asia Barat.⁴⁹ Pada Julai tahun 1988, SML telah membeli 40 peratus daripada syer *Albwardy Marine Engineering* (AME) sebagai salah satu langkah untuk mengembangkan perniagaannya di Asia Barat. AME merupakan sebuah syarikat kejuruteraan berpusat di Dubai yang mempunyai dok kering yang dapat menampung 3,500 *deadweight tonnage* (dwt) dan memberikan perkhidmatan kejuruteraan marin dan pembaikan. Dengan mendapatkan syer AME, SML dapat menggunakan AME sebagai pusat untuk pembaikan kapal bersaiz kecil di Asia Barat.⁵⁰

Kerjasama perdagangan dalam bidang perkapalan tidak terhad kepada penglibatan Singapura di GCC sahaja. Syarikat dari GCC juga berminat untuk menawarkan perkhidmatan mereka di Singapura. *CargoGulf* yang merupakan anak syarikat kepada *Gulf Agency Company* (GAC) misalnya merancang untuk memulakan penghantaran kargo dari Singapura ke Asia Barat pada Jun tahun 1989.⁵¹

Sektor Kewangan dan Perbankan

Kestabilan di Singapura telah menarik perhatian GCC untuk membuka cawangan bank di sana. *National Bank of Abu Dhabi* dan *Union Banque Arabes et Francaises* (UBAF) telah diberikan lesen luar pesisir untuk menubuhkan cawangan di Singapura manakala *Arab Banking Corporation*, *Kuwait Asia Bank*, *Bank of Kuwait*, *Arab-Africa Bank* dan *Gulf International Bank* pula sedang memohon untuk mendapatkan lesen. *National Bank of Abu Dhabi* menduduki kedudukan yang ke-264 dalam senarai 500 buah bank dalam majalah *The Banker*, manakala UBAF merupakan bank konsortium yang terbesar berdasarkan bilangan rakan niaga dalam konsortium tersebut. Ketidakstabilan di Hong Kong telah mengalih perhatian Asia Barat ke Singapura dan penubuhan bank di

⁴⁹ "Sembawang Maritime Hunts for New Businesses", *The Straits Times*, 11 Mei 1988, hlm. 24.

⁵⁰ "Sembawang Maritime Buys 40% Stake in Dubai Company", *The Straits Times*, 29 Jul. 1988, hlm. 32.

⁵¹ "CargoGulf Starting Weekly Service to Middle East Ports", *The Business Times*, 15 Jun 1989, hlm. 21.

Singapura juga diharapkan dapat meningkatkan bilangan pinjaman yang diberikan kepada negara-negara jiran Singapura, iaitu Malaysia, Thailand dan Filipina.⁵²

Status Singapura sebagai pusat kewangan telah menarik perhatian pelabur Arab untuk menubuhkan bank Islam di Singapura. Pelabur dikatakan masih menunggu kelulusan daripada *Monetary Authority of Singapore* (MAS). Bank Islam yang ditubuhkan akan bergantung kepada unit mata wang Asia dan pertukaran asing kerana undang-undang Islam melarang aktiviti yang melibatkan faedah.⁵³

Pelaburan GCC di Singapura pada pertengahan tahun 1983 masih kurang selain bank dari GCC yang giat menubuhkan cawangan di Singapura. Wakil Arab di Singapura masih kurang dan penerbangan terus antara Singapura dengan GCC cuma melibatkan Bahrain, Dubai dan Jeddah sahaja. Hal ini menyukarkan kedua-dua pihak untuk memahami antara satu sama lain dengan lebih mendalam. Terdapat sebuah bank sahaja dari GCC yang ditubuhkan di Singapura pada akhir tahun 1980, iaitu *National Commercial Bank of Saudi Arabia*. Tujuh bank Asia Barat telah beroperasi di Singapura pada tahun 1983, dan enam daripada bank ini adalah cawangan perbankan luar pesisir. Hal ini menunjukkan keinginan Asia Barat untuk beralih pelaburan ke kawasan Asia Pasifik dan Singapura menjadi batu loncatan untuk Asia Barat bagi menceburi pasaran Asia Pasifik.⁵⁴ Tambahan pula, sektor perbankan di Hong Kong dan China sudah cukup matang, manakala sektor perbankan di Asia Tenggara masih dalam pembangunan dan hal ini memberi peluang kepada pelabur Asia Barat untuk mengisi kekosongan ini.⁵⁵

Selain itu, kedudukan Singapura sebagai pusat kewangan serantau telah menarik perhatian Menteri Perdagangan Arab Saudi untuk mendapatkan pakar dari Singapura

⁵² "More Arab Funds Headed Towards Asean Region", *The Straits Times*, 13 Jul. 1981, hlm. 1.

⁵³ "Arabs Are Keen to Set Up Islamic Bank Here", *The Straits Times*, 9 Feb. 1983, hlm. 13.

⁵⁴ "Petrodollars Moving East Raise High Expectations", *The Business Times*, 25 Mei 1983, hlm. 34.

⁵⁵ "Singapore – the Arab Banker's Top Choice", *Singapore Monitor*, 28 Sept. 1984, hlm. 14.

dalam bidang kewangan.⁵⁶ Singapura juga telah diundang oleh UAE untuk menyertai “Money Exhibition” di sana.⁵⁷

Sektor Pembuatan

Sektor pembuatan juga merupakan salah satu sektor yang diceburi oleh pelabur Singapura di GCC. Antara sektor pembuatan yang diceburi ialah industri makanan halal, industri perabot, industri pakaian, industri peralatan pejabat dan perniagaan, serta industri farmaseutikal dan peralatan perubatan.

Kerjasama perdagangan antara Singapura dengan GCC dalam sektor pembuatan makanan dilihat apabila TDB merancang untuk mempromosikan makanan dan minuman Singapura di Riyadh kerana Arab Saudi merupakan negara yang paling besar di Asia Barat dan mempunyai populasi yang paling ramai. Pasaran makanan yang besar di Arab Saudi iaitu bernilai \$11 bilion membuka peluang yang baik kepada pedagang Singapura untuk menceburi pasaran tersebut. Justeru, TDB telah menubuhkan jawatankuasa khas untuk makanan dan minuman bagi menyelaraskan aktiviti promosi eksport dan mencadangkan strategi untuk pemasaran di luar negara.⁵⁸

Antara makanan yang diperdagangkan kepada Arab Saudi oleh Singapura ialah barli. Barli merupakan makanan yang penting di Asia Barat. Arab Saudi mengimport satu juta tan barli setiap tahun tetapi hanya menggunakan separuh daripada import tersebut dan separuh lagi dieksport ke negara-negara jiran seperti Yaman Selatan dan Iran. Disebabkan Arab Saudi merupakan pembeli barli yang utama, eksport barli

⁵⁶ “Good Scope for Exporting Financial Expertise to Saudi Arabia”, *The Business Times*, 13 Apr. 1985, hlm 12.

⁵⁷ “UAE Invites S’pore to Three Trade Shows”, *The Straits Times*, 23 Ogos 1989, hlm. 37.

⁵⁸ “Trade Board to Boost S’pore Food in US and Middle East”, *Singapore Monitor*, 6 Feb. 1985, hlm. 6.

Singapura terjejas apabila Arab Saudi berhenti mengimport barli dari Singapura pada tahun 1980-an.⁵⁹

Sebagai langkah untuk mempromosikan makanan dan minuman Singapura, TDB juga membawa syarikat dari Singapura untuk mempromosikan hasil mereka di pameran “Saudi Food ’85” di Riyadh. Penyertaan di pameran ini merupakan penyertaan kali kedua oleh TDB. Antara syarikat yang menyertai pameran ini ialah *Effort Holdings*, *Marissco Pte. Ltd.*, *Ong Sam Yong Tea Merchants*, *I. C. E. Pte. Ltd.*, *Ngai Mee Packaging* dan *Modern Packaging Industries Pte. Ltd.*. Makanan yang dipamerkan terdiri daripada makanan laut dan daging dingin beku, makanan segera dingin beku, teh Cina dan teh Inggeris, makanan dalam tin, minyak masak dan bahan pembungkusan untuk industri makanan. Nilai eksport domestik makanan dan minuman ke Asia Barat adalah \$73.2 juta pada tahun 1984, iaitu 12 peratus daripada eksport Singapura dalam sektor makanan.⁶⁰ Justeru, eksport makanan ke GCC dan aktiviti promosi hasil Singapura di GCC tidak boleh diabaikan.

Selain usaha dari TDB, syarikat dari Singapura juga mengambil inisiatif untuk menceburi pasaran makanan GCC. *QAF Ltd.* yang merupakan syarikat makanan yang terkemuka dengan tumpuan perniagaan dalam bidang bakeri, pengeluaran hasil utama, perdagangan dan logistik⁶¹ telah menubuhkan pejabat di Arab Saudi sebagai pusat kawalan dan pusat pengagihan makanan ke Kuwait, Bahrain, UAE dan negara-negara Arab yang lain. *QAF* juga merancang untuk membina kilang pemprosesan dan pembuatan di Riyadh. *Effort Holdings* merupakan sebahagian daripada *QAF* dengan 50 peratus daripada syer *Effort Holdings* dipegang oleh *QAF*. *Effort Holdings* merancang untuk mengkaji pola pemakanan di Arab Saudi terlebih dahulu sebelum menghasilkan makanan yang memenuhi cita rasa penduduk tempatan. Pembabitan *Effort Holdings*

⁵⁹ “Saudis Return to Barley Market”, *The Business Times*, 18 Jan. 1982, hlm. 1.

⁶⁰ “Singapore Companies for Saudi Food Show”, *The Straits Times*, 5 Feb. 1985, hlm. 21.

⁶¹ *QAF Limited*, diakses pada 15 Mac 2015, daripada <http://www.qaf.com.sg/launch.asp>.

menjadi lebih mudah disebabkan sijil halal yang telah diperolehi daripada Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS).⁶²

Penglibatan agensi kerajaan Singapura dalam sektor pembuatan perabot dan pakaian dapat dilihat apabila TDB terlibat dalam perancangan untuk menyertai pameran “First Saudi Home and Leisure Show” di Riyadh pada November tahun 1982. Delegasi yang diketuai oleh TDB ini terdiri daripada syarikat yang menghasilkan papan lapis, perabot pasang siap, barangan kulit dan pakaian berfesyen.⁶³

TDB juga terlibat dalam pameran seperti MEBES⁶⁴ dan “Saudi Business ‘85”⁶⁵ yang mempamerkan peralatan perniagaan dan pejabat di GCC. Delegasi yang dibawa oleh TDB pada Jun tahun 1985 ke pameran “Saudi Business ‘85” telah berjaya mendapatkan tempahan bernilai \$200,000. Kira-kira 600 pertanyaan diterima dalam pameran yang berlangsung selama lima hari ini. Antara syarikat yang menyertai pameran ini ialah syarikat komputer, pemproses kata dan mesin pejabat seperti syarikat *Tiong Hin Engineering, Data Printers, Far East Computers, Stanley Industries, Seng Huat Computer, ACE Daikin, Metro Plastics* dan *Malaya Engraving and Litho Printing*. Potensi yang besar untuk mempromosikan peralatan perniagaan telah menggalakkan TDB untuk menganjurkan misi ke Bahrain pada Januari tahun 1986 untuk menyertai “Middle East Office Technology Show”.⁶⁶

⁶² “QAF Steps into Middle East”, *The Straits Times*, 12 Feb. 1985, hlm. 24. MUIS ditubuhkan pada tahun 1968 untuk menjaga kepentingan umat Islam di Singapura. Sijil halal MUIS diwujudkan pada tahun 1978 dan hanya MUIS atau pihak yang diberikan kuasa oleh MUIS sahaja dibenarkan mengeluarkan sijil halal. Dengan adanya pengiktirafan sijil halal, umat Islam boleh membeli makanan yang telah diiktiraf tanpa perasaan risau. Lihat *Majlis Ugama Islam Singapura*, diakses pada 15 Mac 2015, daripada <http://www.muis.gov.sg/cms/services/hal.aspx?id=458>.

⁶³ “Trade Mission to Take Part in Saudi Show”, *The Business Times*, 26 Ogos 1982, hlm. 3.

⁶⁴ “Team to Bahrain Wins \$2m Orders”, *The Business Times*, 28 Mac 1984, hlm. 2.

⁶⁵ “\$200,000 Deals Made at Saudi Trade Fair”, *The Straits Times*, 27 Jun 1985, hlm. 10.

⁶⁶ “\$200,000 Deals Made at Saudi Trade Fair”, *The Straits Times*, 27 Jun 1985, hlm. 10.

Selain itu, TDB juga mengetuai delegasi ke Arab Saudi, UAE dan Oman yang melibatkan wakil daripada industri farmaseutikal.⁶⁷ Arab Saudi juga telah menghantar delegasi yang terdiri daripada pakar dalam bidang peralatan perubatan ke Singapura.⁶⁸

Sektor Teknologi

Selain itu, Singapura juga berusaha untuk menceburi pasaran teknologi di GCC. Pada awal tahun 1989, 10 syarikat yang menceburi bidang perkakasan dan perisian komputer telah mengikuti misi yang dianjurkan oleh TDB dan telah berjaya mendapatkan tempahan sebanyak \$14.4 juta di Arab Saudi. Memandangkan kerajaan Arab Saudi komited dalam mengurangkan kebergantungan kepada tenaga manusia dalam perjalanan pejabat dan kilang, TDB menyeru syarikat komputer di Singapura untuk merebut peluang ini. Permintaan terhadap sistem dan perkhidmatan yang berasaskan komputer dijangka akan mencapai US\$530 juta pada tahun 1989.⁶⁹

Berikutan sambutan yang hangat terhadap barangan teknologi, TDB telah membawa syarikat yang menceburi bidang perkakasan dan perisian komputer, latihan komputer dan percetakan untuk menyertai pameran "Saudi Computer '89". Tempahan bernilai \$14.4 juta juga telah diterima. Tujuan misi ini adalah untuk mempromosikan kepakaran Singapura dalam perkhidmatan komputer berikutan permintaan dan penerimaan Arab Saudi terhadap teknologi maklumat yang semakin meningkat. Buletin TDB, *Tradespur* menyatakan bahawa permintaan Arab Saudi terhadap sistem dan perkhidmatan berasaskan komputer dianggarkan akan mencapai US\$530 juta, manakala permintaan terhadap komputer bersaiz besar dan sederhana akan meningkat sebanyak 16 peratus kepada US\$167 juta. Hamad Saleh al-Humaidan, Timbalan Setiausaha

⁶⁷ "Eight to Go on Trade Visit to Middle East", *The Straits Times*, 1 Dis. 1984, hlm. 19.

⁶⁸ "Saudi Seek More Joint Ventures with Singapore", *The Straits Times*, 4 Apr. 1988, hlm. 18.

⁶⁹ "TDB Leading 30-strong Trade Mission to Middle East", *The Business Times*, 5 Okt. 1989, hlm. 2.

Riyadh Chamber of Commerce and Industry (RCCI) menyeru Singapura supaya bertindak pantas untuk merebut peluang ini.⁷⁰

Kerjasama dalam telekomunikasi dilihat apabila Singapura bekerjasama dengan Bahrain dalam penghantaran maklumat penerbangan. Singapura menjadi salah satu stesen satelit yang berperanan untuk mempercepat penghantaran maklumat penerbangan jarak jauh antara Asia dengan Asia Barat. Kewujudan stesen ini dapat memastikan maklumat tentang masa penerbangan dapat diperoleh dengan tepat pada masanya selain membolehkan penghantaran maklumat aeronautik. Hal ini bukan sahaja menyelesaikan masalah komunikasi aeronautik⁷¹ yang wujud di Asia Barat malah dapat meningkatkan bilangan penerbangan antara Asia Barat dengan Asia seterusnya meningkatkan perhubungan antara kedua-dua kawasan dan meningkatkan pelaburan ke kedua-dua kawasan.⁷²

Sektor Kejuruteraan

Kerjasama perdagangan antara Singapura dengan GCC juga terjalin melalui sektor kejuruteraan. Syarikat kejuruteraan Singapura telah berjaya menjual \$2 juta perkakasan di “Saudi Industry and Man-power Training Exhibition” yang berlangsung pada November tahun 1985, manakala \$14 juta kontrak lagi masih dalam perbincangan. Kebanyakan jualan ini melibatkan pembinaan kilang serta pemberian sokongan teknikal dan nasihat. Pameran ini membuka peluang kepada syarikat Singapura seperti *Aero Supplies*, *Chartered Machine Tools*, *Materials Handling Engineering*, *Malayan Tin Printing*, *Singapore Aircraft Industries* dan *Van der Horst* untuk menceburi pasaran Asia Barat kerana sebelum itu syarikat-syarikat ini tidak mempunyai hubungan

⁷⁰ “Mission to Saudi Arabia A Success”, *The Business Times*, 12 Mei 1989, hlm. 3.

⁷¹ Menurut *Kamus Dewan*, aeronautik bermaksud kajian tentang aspek-aspek penerbangan. Lihat *Kamus Dewan*, Edisi Ketiga, hlm. 11.

⁷² “Singapore in Flight Data Link with M-E”, *The Straits Times*, 31 Jan. 1983, hlm. 10.

perdagangan atau sedikit sahaja hubungan perdagangan dengan Asia Barat. Manakala pihak Asia Barat pula mendapat peluang untuk mempelajari teknologi dalam bidang kejuruteraan. Pelawat pameran tersebut juga kagum dengan kebolehan Singapura dalam mengeksport jentera dan peralatan kilang serta kepakaran Singapura dalam pemasangan dan penyelenggaraan pengeluaran. Tambahan pula, industri kejuruteraan Singapura dapat menawarkan harga yang lebih murah berbanding Amerika Syarikat, Jepun dan Eropah. Kualiti barangan yang dihasilkan juga boleh dibandingkan dengan negara-negara tersebut, dan industri Singapura dapat memberikan penghantaran hasil dalam masa yang singkat.⁷³

Sektor Industri Minyak

SE telah berjaya mendapatkan kontrak yang dianggarkan bernilai S\$5 juta untuk membina dua stesen pengeluaran untuk *Petroleum Development of Oman*. Kontrak ini merupakan projek besar dari Oman yang pertama bagi SE.⁷⁴ Hal ini menunjukkan Oman mengakui kepakaran syarikat Singapura dalam pembinaan dan kejuruteraan.

SNOC juga telah melawat Kuwait bagi berbincang dengan rakan sejawatnya tentang pembelian minyak dari Kuwait. Kuwait merupakan pembekal minyak mentah ke Singapura yang kedua terbesar selepas Arab Saudi. Singapura dan Kuwait telah pun bekerjasama dalam projek *International Petroleum Centre* di Singapura.⁷⁵ Hal ini menunjukkan kerjasama yang erat dalam sektor minyak antara Singapura dengan Kuwait.

⁷³ "Engineering Companies Make Progress in West Asia", *The Business Times*, 11 Dis. 1985, hlm. 3.

⁷⁴ "Sembawang Engineering Wins \$5 Contract from Oman", *The Business Times*, 8 Mac 1985, hlm. 3.

⁷⁵ "Team Leaves for Kuwait", *The Business Times*, 22 Mei 1981, hlm. 1.

Kesimpulan

Pelbagai agensi kerajaan dan dewan perniagaan Singapura telah giat menjalankan aktiviti seperti menghantar misi perdagangan serta mengadakan seminar dan pameran bagi mengeratkan hubungan perdagangan dengan GCC, meneroka peluang perniagaan yang boleh diusahakan sama dan mempromosikan barangan Singapura. Walaupun Perdana Menteri Lee Kuan Yew tidak terlibat dalam misi perdagangan ke GCC, namun usaha mengeratkan hubungan dengan GCC telah dijalankan oleh menteri-menteri Singapura seperti Goh Chok Tong, Dhanabalan dan Yeo Ning Hong. Usaha ini membuahkan hasil apabila tempahan dan kontrak dari GCC diperolehi hasil daripada misi dan pameran yang dijalankan.

Kerjasama antara Singapura dengan GCC dapat dilihat dalam pelbagai bidang seperti penerbangan, perkapalan, perbankan, pembuatan, teknologi, kejuruteraan dan industri minyak. Bidang kerjasama memperlihatkan penglibatan sektor swasta. Kerjasama dua hala juga ditunjukkan kerana bukan syarikat dari Singapura sahaja mendapatkan tempahan atau melabur di GCC, malah syarikat dari GCC juga melabur di Singapura. Perjanjian tentang perkhidmatan udara dengan UAE dan Oman menunjukkan kedua-dua pihak ini menitikberatkan bidang penerbangan dengan Singapura.

Kesan daripada hubungan perdagangan antara Singapura dengan GCC, hubungan politik antara kedua-dua pihak terjalin terutamanya hubungan antara Kementerian Perdagangan dan Industri, Kementerian Luar Negeri serta Kementerian Perhubungan dan Komunikasi Singapura dengan kementerian di negara-negara Asia Barat.

Kepakaran Singapura dalam bidang perdagangan dan kewangan dapat ditonjolkan apabila pihak GCC mendapatkan kepakaran Singapura dalam bidang tersebut. Kepakaran Singapura dalam bidang kejuruteraan diakui apabila syarikat

Singapura berjaya mendapatkan kontrak berkenaan dari GCC. Selain itu kepakaran Singapura dalam bidang pembuatan juga ditonjolkan melalui pameran berkaitan komputer dan makanan halal.

Kerjasama dengan GCC juga membolehkan Singapura meluaskan bidang yang boleh diceburi. Perbankan Islam dan pengeluaran makanan halal merupakan antara bidang yang boleh mempelbagaikan ekonomi Singapura. Perbankan Islam menjadikan status Singapura sebagai pusat kewangan serantau lebih sempurna manakala pengeluaran makanan halal mengisi kekosongan dalam bidang pembuatan makanan serta dapat menembusi pasaran makanan halal di GCC.

University of Malaya

BAB TIGA

HUBUNGAN PERDAGANGAN SINGAPURA-GCC DI BAWAH PENTADBIRAN GOH CHOK TONG (1990-2004)

Pengenalan

Era Perdana Menteri (PM) Goh Chok Tong memperlihatkan usaha berterusan yang dijalankan oleh agensi kerajaan, dewan perniagaan dan menteri Singapura dalam mewujudkan dan memperkukuh hubungan ekonomi dengan GCC. *Trade Development Board* (TDB), *Singapore Malay Chamber of Commerce and Industry* (SMCCI) dan *Arab Business Centre* (ABC) telah giat dalam kegiatan menghantar misi perdagangan ke GCC.

Selain lawatan yang dijalankan oleh menteri-menteri Singapura iaitu Menteri Perdagangan dan Industri serta Menteri Luar Negeri, Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong turut melawat GCC bagi mengeratkan hubungan perdagangan dengan Asia Barat. Putera Mahkota, Perdana Menteri dan Menteri dari GCC turut melawat Singapura.

Terdapat beberapa bidang kerjasama yang diberi lebih tumpuan selain bidang kerjasama yang wujud semasa era Lee Kuan Yew. Antaranya ialah bidang pelancongan dan teknologi. Kerjasama dalam bidang penerbangan, perkapalan, kewangan, pembuatan dan industri minyak masih diteruskan.

Banyak perjanjian ditandatangani dengan Asia Barat berbanding dengan era Lee Kuan Yew. Selain perjanjian yang berkaitan dengan perkhidmatan udara, Perjanjian Cukai Dua Kali (DTA) juga telah ditandatangani dengan UAE, Bahrain dan Oman.

Misi Perdagangan antara Singapura dengan GCC

Trade Development Board (TDB) masih giat dalam menerokai pasaran GCC semasa era pentadbiran Goh Chok Tong. TDB dalam perancangan untuk mengadakan misi perdagangan ke Arab Saudi dan UAE pada November tahun 1991. TDB mengambil kesempatan untuk mendapatkan kontrak melalui syarikat-syarikat di Damman dan Dubai yang terlibat dalam kerja-kerja pemulihan di Kuwait. Pencerobohan Iraq ke atas Kuwait dari Ogos tahun 1990 hingga Mac tahun 1991 memusnahkan kemudahan di Kuwait. Kerja-kerja pemulihan perlu dijalankan selepas perang. Dengan itu, syarikat-syarikat Singapura yang terlibat dalam sektor pembinaan, makanan dan perabot mengambil kesempatan ini untuk mengikuti misi TDB ke GCC untuk menawarkan barangan yang diperlukan untuk kerja-kerja pemulihan.¹ Berikutan dengan penghapusan larangan untuk berdagang dengan Kuwait, syarikat di Singapura seperti *Intraco* juga merancang untuk mengadakan lawatan perdagangan ke Kuwait.²

Pada bulan yang sama, TDB sekali lagi mengadakan lawatan ke GCC untuk meneroka pasaran baru dan peluang perniagaan di GCC serta memperkukuh lagi hubungan perdagangan. Misi yang terdiri daripada pegawai kanan TDB dan 12 syarikat dari Singapura ini melawat Arab Saudi dan UAE. Penamatan Perang Dingin dan Perang Teluk menggalakkan para pedagang untuk memasuki pasaran Asia Barat.³ Kestabilan politik mewujudkan pasaran yang stabil seterusnya memudahkan serta memberi keyakinan dan jaminan kepada pelabur untuk melabur di sana.

Pada September tahun 1993, TDB mengadakan lawatan tahunan ke Arab Saudi dan UAE. Lawatan ini disertai oleh syarikat yang terlibat dalam bahan kimia, kejuruteraan dan reka bentuk, pelabuhan dan pengurusan kapal, pelancongan, elektronik dan perabot. Arab Saudi merupakan pasaran perabot terbesar Singapura di Asia Barat

¹ "TDB Trade Mission to Visit Mid-East", *The Straits Times*, 24 Jun 1991, hlm. 31.

² "Singapore Lifts Ban on Trade with Kuwait", *The Straits Times*, 29 Mac 1991, hlm. 48.

³ "TDB-led Trade Mission Leaves for Middle East", *The Straits Times*, 27 Nov. 1992, hlm. 44.

dengan \$13.4 juta perabot dieksport ke Arab Saudi pada tahun 1992.⁴ Peluang yang lumayan di Asia Barat menyebabkan TDB melawat ke Asia Barat setiap tahun bagi memperkukuh hubungan perdagangan dan meneroka lebih banyak peluang perniagaan.

TDB merancang untuk membuka pejabat di Dubai dengan nama “*Singapore Trade Centre*” bagi membantu dan memberi perkhidmatan kepada pedagang dari Singapura dan UAE. Usaha UAE untuk mempelbagaikan kegiatan ekonomi melalui bidang perindustrian memberi peluang kepada syarikat Singapura untuk menerokai pasaran tersebut. Pejabat di Dubai bertujuan untuk mempromosikan barangan dan industri Singapura serta memberikan maklumat yang diperlukan oleh pelabur yang telah ataupun ingin melabur di Asia Barat. Pejabat tersebut juga memberi bantuan kepada syarikat UAE yang ingin melabur di Singapura. Penubuhan pejabat ini menunjukkan Singapura mula memberi perhatian kepada pasaran di UAE, khususnya Dubai. Singapura merupakan rakan perdagangan UAE yang ketujuh belas. Begitu juga dengan kedudukan UAE dalam senarai rakan perdagangan Singapura. Nilai dagangan dua hala pada tahun 1996 mencatatkan S\$4.17 bilion, iaitu pertambahan sebanyak 29 peratus berbanding dengan tahun 1995.⁵

Selain TDB, *Singapore Malay Chamber of Commerce and Industry* (SMCCI) juga merebut peluang untuk melabur di GCC. SMCCI telah berjaya mendapatkan tempahan bernilai lebih daripada \$5 juta pada Oktober tahun 1998 apabila mengadakan misi perdagangan selama dua minggu ke Asia Barat. Kontrak bernilai \$100 juta pula masih dalam rundingan. Rombongan yang terdiri daripada 15 orang ini berbincang dengan Arab Saudi tentang kemungkinan untuk mendapatkan kontrak untuk menghantar hasil makanan dan juga loji kuasa serta aksesori elektrik ke sana. Pedagang misi yang terdiri daripada orang Islam bertemu dengan dewan perniagaan di Madinah,

⁴ “TDB Mission to Saudi, UAE to Seek New Market Opportunities”, *The Straits Times*, 21 Sept. 1993, hlm. 36.

⁵ ND 1997050902, Singapore Trade Development Board Press Release, TDB Opens Dubai Office to Boost Trade between Singapore and the Middle East, 9 Mei 1997.

Makkah dan Jeddah kerana hanya umat Islam sahaja yang dibenarkan untuk memasuki Madinah dan Makkah.⁶

SMCCI mempunyai kelebihan berbanding dengan organisasi lain apabila berurusan dengan GCC kerana ahli-ahli dewan ini beragama Islam. Ahli-ahli dewan ini lebih memahami makanan penduduk di GCC yang mengambil makanan yang halal sahaja. Tambahan pula, dengan bantuan daripada Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) dalam pengiktirafan status halal makanan, lebih mudah bagi dewan ini untuk memasuki pasaran makanan GCC. Kesedaran tentang pasaran yang besar di GCC telah mendorong SMCC untuk bekerjasama dengan TDB bagi mengkaji cara untuk menjadikan Singapura sebagai pusat perdagangan antarabangsa dalam kalangan umat Islam.

Cadangan *Arab Business Centre* (ABC) untuk mengadakan misi perdagangan ke Arab Saudi, Bahrain dan UAE pada November tahun 1991 telah pun mendapat sambutan yang menggalakkan seawal bulan Mac 1991. Sebanyak 15 syarikat yang terlibat dalam pembuatan dan kejuruteraan telah menyatakan keinginan untuk mengikuti misi ini. Misi ini bertujuan untuk memujuk syarikat di GCC yang telah menerima tender daripada kerajaan untuk mendapatkan kerjasama daripada syarikat di Singapura bagi menjalankan projek yang melibatkan pembinaan, komunikasi, kemudahan awam dan perkomputeran.⁷

Syarikat Singapura juga menunjukkan minat untuk melabur di Asia Barat dengan meminta ABC untuk mengadakan misi ke Asia Barat. Pengarah ABC, Zaher menyatakan bahawa urusan perdagangan ABC di Asia Barat setelah berakhirnya Perang Teluk agak menggalakkan kerana permintaan sebelum Perang Teluk adalah satu pertiga sahaja daripada jumlah permintaan selepas perang. Selain itu, terdapat juga 20

⁶ "Malay Business Group Back from Middle-East Trip", *The Straits Times*, 3 Nov. 1998, hlm. 46.

⁷ "Arab Business Centre Organising Trade Mission to Middle East", *The Straits Times*, 15 Mac 1991, hlm. 48.

permintaan seminggu yang meminta supaya produk mereka yang merangkumi produk elektrik dan bahan pembinaan dihantar ke Asia Barat dengan kadar segera.⁸ Bilangan permintaan kepada ABC menunjukkan kejayaan ABC dalam memainkan peranan bagi menyebarkan maklumat tentang keadaan di Asia Barat dan juga menjadi sokongan kepada pelabur tempatan.

Pada tahun 1994, TDB yang giat dalam mempromosikan produk Singapura telah merancang untuk mengadakan pameran di Dubai bagi mempromosikan barangan Singapura. Sehubungan dengan itu, satu seminar telah diadakan bagi mendedahkan 130 orang peniaga tempatan dengan suasana, undang-undang dan peluang perniagaan di Dubai. Peluang perdagangan di Kawasan Perdagangan Bebas Jebel Ali merupakan antara perkara yang disebut dalam seminar. Zon ini menawarkan 100 peratus pemilikan warga asing terhadap keuntungan dan modal, serta tiada cukai persendirian dan cukai syarikat akan dikenakan selama 30 tahun. Keistimewaan ini dapat menarik lebih ramai pedagang Singapura untuk melabur di Dubai. Tambahan pula, Dubai boleh dijadikan pintu masuk untuk mengeksport barangan ke kawasan-kawasan lain seperti Afrika Selatan kerana tiga perempat barangan import Dubai dieksport semula ke kawasan-kawasan lain. UAE merupakan pasaran Singapura bagi produk bukan minyak yang terbesar di Asia Barat selepas Arab Saudi. Produk bernilai \$1 bilion telah dieksport ke Dubai pada tahun 1993.⁹ Seminar demikian adalah penting bagi memberi maklumat kepada pedagang yang ingin berdagang di Asia Barat tetapi kurang pengetahuan tentang keadaan di sana.

Era Goh Chok Tong memperlihatkan kesungguhan pemimpin kerajaan Singapura untuk menjalinkan serta mengeratkan hubungan dengan GCC. Hal ini menunjukkan kerajaan Singapura semakin menitikberatkan hubungan dengan GCC.

⁸ Ibid.

⁹ "TDB to Exhibit Singapore Products in Dubai", *The Straits Times*, 21 Jan. 1994, hlm. 44.

Perdana Menteri (PM) Singapura Goh Chok Tong telah mengadakan lawatan rasmi ke GCC. Lawatan beliau ke UAE dan Oman pada tahun 2000 merupakan lawatan pertama oleh Perdana Menteri Singapura ke kedua-dua kawasan tersebut. Beliau diiringi oleh Menteri Luar Negeri iaitu Jayakumar dan pegawai kanan yang lain. PM Goh Chok Tong dijangka bertemu dengan pemimpin UAE apabila berada di Abu Dhabi dan Dubai. Beliau dijangka bertemu dengan Sultan Oman, Sultan Qaboos bin Said al-Said dan Menteri Oman apabila berada di Oman.¹⁰ Lawatan ini menunjukkan kesungguhan Singapura dalam menjalinkan hubungan dengan UAE dan Oman.

Peluang perdagangan yang lumayan di Dubai menyebabkan PM Goh Chok Tong mencadangkan penubuhan panel kerjasama yang terdiri daripada pegawai kanan kedua-dua pihak. Cadangan ini dikemukakan dalam pertemuan beliau dengan Menteri Pertahanan Dubai, Sheikh Mohammed bin Rashid al-Maktoum dan Timbalan Perdana Menteri Dubai, Sheikh Hamdan bin Rashid al-Maktoum pada Februari tahun 2000. Panel ini menjadi platform kepada kedua-dua pihak untuk bertemu, berkongsi maklumat dan mengukuhkan kerjasama dalam bidang perdagangan, teknologi maklumat, perdagangan elektronik, pengurusan pelabuhan dan pembangunan sumber manusia. Singapura dan Dubai juga mempunyai matlamat yang sama dari segi menerokai peluang yang sedia ada di negara-negara jiran dan juga peluang serantau. Dengan adanya panel ini, kedua-dua pihak dapat menggabungkan pengetahuan, sumber dan tenaga untuk memasuki pasaran tersebut kerana pedagang Singapura kurang memahami situasi di Dubai, begitu juga dengan pedagang Dubai. Lawatan PM Goh Chok Tong menandakan hubungan ekonomi yang erat antara Singapura dengan Dubai.¹¹ Hubungan yang baik antara kedua-dua kerajaan dapat memudahkan pedagang untuk menembusi pasaran Singapura atau Dubai.

¹⁰ ND 2000022702, Prime Minister's Office Press Release, Official Visit by Prime Minister Goh Chok Tong to the United Arab Emirates (28-29 February 2000) and Oman (1-2 March 2000), 27 Feb. 2000.

¹¹ "S'pore, Dubai to Form Cooperation Panel", *The Business Times*, 1 Mac 2000, hlm. 12.

Selain UAE dan Oman, PM Goh Chok Tong juga melawat Bahrain pada awal tahun 2004. Beliau diiringi oleh Menteri Luar Negeri, Jayakumar, Menteri Perdagangan dan Industri, Vivian Balakrishnan, ahli parlimen dan pegawai kanan yang lain.¹² Perjanjian Cukai Dua Kali dan Pengecualian Fiskal Cukai-cukai Pendapatan juga ditandatangani semasa lawatan ini.¹³

Kementerian Perdagangan dan Industri Singapura yang telah pun memulakan lawatan ke GCC semasa era Lee Kuan Yew meneruskan usaha mengeratkan hubungan dengan Asia Barat. Menteri Perdagangan dan Industri Singapura, George Yeo mengadakan lawatan rasmi ke Qatar dan UAE pada April tahun 2004 bagi mengembangkan hubungan ekonomi dan perdagangan. Beliau diiringi oleh pegawai dari kementerian beliau dan Kementerian Luar Negeri Singapura.¹⁴

George Yeo juga menyeru syarikat tempatan agar merebut peluang yang sedia ada di Asia Barat dalam seminar yang diadakan untuk mempromosikan ikatan perniagaan antara Singapura dengan Asia Barat. George Yeo memaklumkan bahawa pelaburan yang besar telah dibuat oleh Asia Barat ke atas kemudahan seperti minyak, gas, pelabuhan, kapal terbang, telekomunikasi, jalan raya, kesihatan dan penjanaan elektrik disebabkan populasi dan pendapatan yang semakin meningkat. Seminar demikian dapat mendedahkan kepada pelabur tentang bidang yang boleh diceburi di Asia Barat. Berikutan usaha Asia Barat untuk mempelbagaikan kegiatan ekonomi, pelaburan dalam pendidikan moden juga menjadi satu elemen yang penting sebagai persediaan kepada penduduk Asia Barat untuk menguasai kemahiran yang diperlukan dalam pasaran.¹⁵

¹² "PM Leaves on 10-day Trip to Egypt, Jordan, Bahrain", *Today*, 11 Feb. 2004, hlm. 3.

¹³ ND 2004021804, Ministry of Finance Media Release, Signing of The Agreement Between Singapore And Bahrain For The Avoidance of Double Taxation And The Prevention Of Fiscal Evasion With Respect To Taxes On Income, 18 Feb. 2004.

¹⁴ ND 2004033102, Minister of Trade and Industry Press Release, Minister George Yeo to Visit Qatar, Iran and the UAE from 1 April to 8 April 2004, 31 Mac 2004.

¹⁵ "BG Yeo calls for more investment in Middle East", *Today*, 7 Jul. 2004, hlm. 4.

Menteri Luar Negeri, Jayakumar juga telah mengambil inisiatif untuk melawat UAE. Lawatan Jayakumar dijangka dapat memperkukuh hubungan dengan UAE. Jayakumar juga dijangka bertemu dengan rakan sejawat beliau di sana untuk membincangkan cara untuk merangsang hubungan ekonomi dan perdagangan. Beliau menunjukkan kesedaran tentang pentingnya kestabilan politik di Asia Barat apabila beliau menyatakan sokongan Singapura kepada usaha antarabangsa untuk mengekalkan kestabilan di kawasan tersebut.¹⁶

Era Goh Chok Tong juga menyaksikan perhatian yang lebih serius diberikan kepada Singapura oleh pemimpin GCC apabila Putera Mahkota dan Perdana Menteri dari negara-negara GCC turut melawat Singapura. Pada Mac tahun 2000, Putera Mahkota Bahrain, Shaikh Salman bin Hamad al-Khalifa dilaporkan melawat Singapura. Lawatan ini merupakan lawatan rasmi pertama baginda ke Singapura. Baginda bertujuan untuk bertemu dengan Presiden Nathan, PM Goh Chok Tong, Menteri Kanan (MK) Lee Kuan Yew, Timbalan Perdana Menteri (TPM) Tony Tan serta Menteri Perdagangan dan Industri, George Yeo. Pertemuan antara pemimpin negara ini menunjukkan hubungan yang erat antara kedua-dua negara. Baginda juga bertujuan untuk bertemu dengan pegawai atasan kerajaan dan juga pemimpin perniagaan serta melawat *Economic Development Board* (EDB) dan TDB.¹⁷ Pertemuan dengan peniaga serta lawatan ke EDB dan TDB menunjukkan bahawa Bahrain menitikberatkan hubungan perdagangan dengan Singapura.

Berikutan dengan lawatan oleh Putera Mahkota Bahrain, PM Bahrain Shaikh Khalifa bin Salman al-Khalifa juga dijangka melawat Singapura pada Oktober tahun 2003 atas jemputan PM Goh Chok Tong. Beliau akan bertemu dengan Presiden dan Perdana Menteri Singapura. Baginda bersama-sama dengan PM Goh Chok Tong

¹⁶ "Jaya on Trip to Jordan, Egypt, UAE", *The Straits Times*, 18 Mei 1996, hlm. 25.

¹⁷ ND 2000032702, Ministry of Foreign Affairs Press Statement, Official Visit of the Crown Prince of Bahrain, Shaikh Salman bin Hamad Al Khalifa, 27-29 March 2000, 25 Mac 2000.

menandatangani Perjanjian Jaminan Pelaburan (IGA) dalam lawatan ini. Selain itu, beliau juga akan berkunjung ke *PSA Corporation, Urban Redevelopment Authority (URA)* dan *NEWater Visitors' Centre*.¹⁸

PM Bahrain menyatakan bahawa beliau telah menimba pengetahuan melalui kunjungan ke *PSA Corporation* dan URA. *PSA Corporation* merupakan syarikat yang terlibat dalam pengurusan pelabuhan, pembinaan terminal, pengurusan kargo dan menyediakan perkhidmatan kepada jentera pengangkut. URA pula terlibat dalam reka bentuk pembinaan bandar dan juga perancangan untuk pembangunan Singapura.¹⁹

Selain itu, Menteri Oman juga menunjukkan minat untuk bekerjasama dengan Singapura. Menteri Perdagangan dan Industri Oman, Salim bin Abdullah al-Ghazali menyatakan kelebihan kedua-dua pihak, masalah yang dihadapi serta cara untuk menambah baik hubungan dengan Singapura. Beliau menyatakan bahawa Singapura boleh memainkan peranan dalam pengeksporan barangan Oman ke rantau Asia Pasifik disebabkan kedudukan Singapura yang strategik untuk menembusi pasaran Asia, manakala keadaan Oman yang bebas daripada kekacauan politik di Asia Barat membolehkan Singapura untuk menembusi pasaran Asia Barat melalui Oman.

Singapura dikatakan kurang mempromosikan pasarannya kepada Oman kerana nilai eksport dari Singapura ke Oman pada tahun 1989 berjumlah 12.24 juta Omani Riyals, tetapi nilai eksport Oman ke Singapura cuma 3.6 juta Omani Riyals sahaja. Beliau mencadangkan untuk mewujudkan wakil perdagangan, menyertai pameran serta mewujudkan hubungan yang lebih erat antara dewan perniagaan Singapura dengan Oman.²⁰ Beliau juga mempromosikan *Rusayl Industrial Estate* yang menawarkan pelbagai insentif untuk menarik pelabur asing ke Oman.²¹

¹⁸ ND 2003102313, Ministry of Foreign Affairs Press Release, Official Visit of His Excellency Shaikh Khalifa bin Salman Al Khalifa of the Kingdom of Bahrain to Singapore, 26-28 October 2003, 23 Okt. 2003.

¹⁹ Ibid.

²⁰ "Oman Seeking Closer Economic Ties with S'pore", *The Business Times*, 13 Jun 1991, hlm. 1.

²¹ "Oman Poised to be Gateway to Mid-East", *The Business Times*, 13 Jun 1991, hlm. 11.

Menteri Luar Negeri Oman, Encik Yusuf juga melawat Singapura pada Julai tahun 2000. Pertemuan beliau dengan PM Goh Chok Tong bertujuan untuk membincangkan isu pendidikan dan latihan pekerja yang berpotensi untuk dijadikan bidang kerjasama. Oman merupakan antara negara GCC yang giat dalam mempelbagaikan ekonominya disebabkan kekurangan sumber semula jadi. Pendidikan memainkan peranan yang penting dalam usaha melibatkan lebih ramai rakyat Oman dalam sektor ekonomi yang baru.²² Beliau juga bertujuan untuk bertemu dengan ejen ekonomi dan juga pegawai MUIS. Pertemuan dengan MUIS menunjukkan pengiktirafan status halal oleh Oman kepada industri makanan halal di Singapura.²³

Statistik Perdagangan antara Singapura dengan Asia Barat

Nilai eksport dari Singapura ke GCC dan juga nilai import dari GCC ke Singapura semasa era Goh Chok Tong adalah lebih tinggi berbanding dengan era Lee Kuan Yew. Nilai dagangan ini telah dipengaruhi oleh Krisis Kewangan Asia 1997.

²² "Omani Minister Calls on PM Goh", *The Straits Times*, 5 Jul. 2000, hlm. 47.

²³ ND 2000063006, Ministry of Foreign Affairs Press Release, Working Visit of Mr Yusuf bin Alawi bin Abdullah, Minister Responsible for Foreign Affairs of the Sultanate of Oman from 3 to 5 July 2000, 30 Jun 2000.

Jadual 3.1

Nilai eksport Singapura mengikut kawasan bagi tahun 1991-2003
(dalam unit juta Dolar Singapura)

| Tahun | Asia | Asia Barat | Kawasan Lain | Jumlah |
|--------------|-------------|-------------------|---------------------|----------------|
| 1991 | 51,407 | 2,862 | 41,266 | 95,535 |
| 1992 | 49,767 | 2,660 | 44,327 | 96,754 |
| 1993 | 63,330 | 2,542 | 48,552 | 114,424 |
| 1994 | 84,205 | 2,523 | 55,609 | 142,337 |
| 1995 | 98,308 | 2,578 | 61,346 | 162,232 |
| 1996 | 103,927 | 2,686 | 64,163 | 170,776 |
| 1997 | 107,913 | 2,831 | 69,123 | 179,867 |
| 1998 | 97,469 | 3,434 | 77,597 | 178,500 |
| 1999 | 108,769 | 2,897 | 77,683 | 189,349 |
| 2000 | 141,764 | 3,465 | 85,610 | 230,839 |
| 2001 | 132,151 | 3,772 | 75,200 | 211,123 |
| 2002 | 137,737 | 3,794 | 75,053 | 216,584 |
| 2003 | 180,955 | 4,342 | 84,920 | 270,217 |

Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada “External Trade by Region/Country”, Jabatan Statistik Singapura, diakses pada 21 Apr. 2015, daripada <http://www.tablebuilder.singstat.gov.sg/publicfacing/createDataTable.action?refId=2357>. Nilai eksport ke Asia Barat tidak dimasukkan ke dalam jumlah nilai eksport ke Asia.

Jadual 3.2

Nilai import Singapura mengikut kawasan bagi tahun 1991-2003
(dalam unit juta Dolar Singapura)

| Tahun | Asia | Asia Barat | Kawasan Lain | Jumlah |
|--------------|-------------|-------------------|---------------------|----------------|
| 1991 | 62,634 | 9,594 | 38,995 | 111,223 |
| 1992 | 64,487 | 8,953 | 41,138 | 114,578 |
| 1993 | 79,818 | 8,958 | 45,992 | 134,768 |
| 1994 | 93,119 | 9,111 | 51,513 | 153,743 |
| 1995 | 104,530 | 10,724 | 58,431 | 173,685 |
| 1996 | 102,395 | 14,179 | 66,410 | 182,984 |
| 1997 | 108,857 | 14,294 | 70,266 | 193,417 |
| 1998 | 93,845 | 10,175 | 63,161 | 167,181 |
| 1999 | 107,184 | 11,970 | 66,068 | 185,222 |
| 2000 | 136,510 | 16,418 | 73,937 | 226,865 |
| 2001 | 116,603 | 16,464 | 71,133 | 204,200 |
| 2002 | 121,152 | 16,623 | 66,753 | 204,528 |
| 2003 | 143,154 | 17,834 | 72,007 | 232,995 |

Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada “External Trade by Region/Country”, Jabatan Statistik Singapura, diakses pada 21 Apr. 2015, daripada <http://www.tablebuilder.singstat.gov.sg/publicfacing/createDataTable.action?refId=2352>. Nilai import dari Asia Barat tidak dimasukkan ke dalam jumlah nilai import dari Asia.

Secara keseluruhannya, nilai eksport dan import Singapura menunjukkan peningkatan dari tahun 1991 hingga tahun 1997. Krisis Kewangan Asia 1997 telah memberi impak kepada ekonomi Singapura walaupun impak terhadap Singapura adalah kecil. Nilai import lebih terjejas oleh krisis tersebut berbanding dengan nilai eksport. Pada tahun 1998, hanya nilai eksport ke Asia menunjukkan penurunan. Nilai eksport ke Asia telah menurun sebanyak 10 peratus daripada S\$107,913 juta pada tahun 1997 kepada S\$97,469 juta pada tahun 1998. Nilai mata wang negara-negara Asia terutamanya Indonesia, Thailand dan Korea Selatan menurun disebabkan krisis tersebut.²⁴ Ekonomi Hong Kong, Laos, Malaysia dan Filipina juga terjejas. Hal ini mengurangkan daya beli negara-negara Asia.

Nilai import bagi semua kawasan pada tahun 1998 juga menunjukkan penurunan. Nilai import dari Asia Barat paling terjejas, iaitu penurunan sebanyak 29 peratus berbanding dengan tahun 1997. Asia merupakan pengimport utama barangan dari Singapura. Pengurangan daya beli Asia dan pengurangan penggunaan tenaga menyebabkan Singapura mengurangkan pengimportan minyak dari Asia Barat.

Nilai eksport ke semua kawasan selepas tahun 1998 adalah kurang stabil. Nilai import juga kurang stabil selain import dari Asia Barat yang menunjukkan peningkatan dari tahun 1998 hingga tahun 2003. Pemulihan ekonomi Asia pada awal tahun 2000 menyebabkan nilai eksport ke Asia meningkat secara mendadak, iaitu meningkat sebanyak 30 peratus daripada S\$108,769 juta pada tahun 1999 kepada S\$141,764 juta pada tahun 2000. Nilai eksport yang tinggi ini membawa kepada nilai import yang

²⁴ Krisis Kewangan Asia 1997 bermula apabila Thailand mula mengamalkan sistem kadar pertukaran terapung. Pelbagai faktor seperti polisi Thailand yang mengikat kadar pertukaran kepada US dollar, serta kelemahan dalam bidang perbankan dan hartanah telah menyebabkan kejatuhan ekonomi Thailand. Indonesia mengikut langkah Thailand untuk bertukar kepada sistem kadar pertukaran terapung. Kelemahan struktur ekonomi Indonesia dan Korea Selatan telah menyebabkan kehancuran ekonomi mereka apabila krisis di Thailand mencetuskan kejatuhan ekonomi mereka. Lihat John W. Head, "The Asian Financial Crisis in Retrospect – Observations on Legal and Institutional Lessons Learned after a Dozen Years", *East Asia Law Review*, Vol. 5, No. 31., 2009, hlm. 37-48.

tinggi dari Asia Barat. Nilai import Asia Barat pada tahun 2000 telah meningkat sebanyak 37 peratus berbanding tahun 1999.

Jadual 3.3
 Nilai eksport Singapura ke GCC bagi tahun 1991-2003
 (dalam unit juta Dolar Singapura)

| Tahun | Bahrain | Kuwait | Oman | Qatar | Arab Saudi | UAE | Jumlah |
|--------------|----------------|---------------|-------------|--------------|-------------------|------------|---------------|
| 1991 | 57 | 87 | 223 | 41 | 783 | 1,036 | 2,227 |
| 1992 | 81 | 135 | 61 | 45 | 671 | 1,053 | 2,045 |
| 1993 | 53 | 122 | 64 | 34 | 623 | 1,100 | 1,996 |
| 1994 | 47 | 132 | 58 | 29 | 503 | 1,217 | 1,985 |
| 1995 | 37 | 103 | 71 | 41 | 461 | 1,203 | 1,917 |
| 1996 | 40 | 102 | 66 | 42 | 535 | 1,270 | 2,056 |
| 1997 | 44 | 101 | 91 | 94 | 555 | 1,393 | 2,279 |
| 1998 | 53 | 108 | 98 | 69 | 639 | 1,713 | 2,681 |
| 1999 | 39 | 112 | 53 | 31 | 547 | 1,473 | 2,256 |
| 2000 | 45 | 142 | 68 | 47 | 539 | 1,796 | 2,637 |
| 2001 | 37 | 119 | 130 | 69 | 560 | 2,055 | 2,971 |
| 2002 | 54 | 120 | 87 | 78 | 637 | 2,172 | 3,148 |
| 2003 | 55 | 156 | 145 | 109 | 586 | 2,528 | 3,578 |

Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada “External Trade by Region/Country”, Jabatan Statistik Singapura, diakses pada 21 Apr. 2015, daripada <http://www.tablebuilder.singstat.gov.sg/publicfacing/createDataTable.action?refId=2357>.

Jadual 3.4
 Nilai import Singapura dari GCC bagi tahun 1991-2003
 (dalam unit juta Dolar Singapura)

| Tahun | Bahrain | Kuwait | Oman | Qatar | Arab Saudi | UAE | Jumlah |
|--------------|----------------|---------------|-------------|--------------|-------------------|------------|---------------|
| 1991 | 349 | 8 | 732 | 163 | 5,864 | 2,220 | 9,337 |
| 1992 | 239 | 554 | 373 | 370 | 6,018 | 1,092 | 8,647 |
| 1993 | 205 | 1,106 | 383 | 196 | 5,359 | 1,454 | 8,703 |
| 1994 | 149 | 1,171 | 151 | 172 | 5,607 | 1,335 | 8,585 |
| 1995 | 154 | 1,654 | 317 | 415 | 5,380 | 2,035 | 9,955 |
| 1996 | 190 | 1,911 | 317 | 851 | 7,042 | 2,898 | 13,209 |
| 1997 | 201 | 1,769 | 211 | 1,082 | 7,974 | 2,430 | 13,667 |
| 1998 | 207 | 1,151 | 219 | 795 | 5,493 | 1,763 | 9,628 |
| 1999 | 273 | 1,861 | 323 | 1,040 | 5,536 | 2,063 | 11,096 |
| 2000 | 320 | 2,614 | 379 | 1,975 | 7,478 | 2,596 | 15,362 |
| 2001 | 354 | 2,432 | 996 | 1,252 | 7,558 | 2,440 | 15,033 |
| 2002 | 133 | 3,118 | 798 | 1,909 | 6,829 | 2,816 | 15,603 |
| 2003 | 107 | 3,683 | 351 | 2,390 | 6,823 | 3,286 | 16,640 |

Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada “External Trade by Region/Country”, Jabatan Statistik Singapura, diakses pada 21 Apr. 2015, daripada <http://www.tablebuilder.singstat.gov.sg/publicfacing/createDataTable.action?refId=2352>.

Nilai eksport ke GCC menunjukkan peningkatan dari tahun 1995 hingga tahun 1998. Nilai ini menurun sebanyak 16 peratus daripada \$2,681 juta pada tahun 1998 kepada \$2,256 juta pada tahun 1999. Penurunan ini mungkin disebabkan oleh harga minyak yang tidak stabil dan telah mempengaruhi import Asia Barat. Krisis kemunculan semula Iraq sebagai pengeksport minyak telah menyebabkan kejatuhan harga minyak sejak awal tahun 1998 hingga tahun 2000. Penurunan permintaan terhadap minyak disebabkan oleh krisis kewangan dan juga penambahan pengeluaran oleh Iraq yang menyebabkan kejatuhan harga minyak.²⁵ Kejatuhan harga minyak menjejaskan daya beli negara-negara GCC.

UAE dan Arab Saudi kekal menjadi pengimport utama barangan dari Singapura. Nilai eksport ke UAE sahaja membentuk separuh daripada jumlah eksport Singapura ke GCC. Arab Saudi, UAE dan Kuwait pula kekal menjadi pembekal utama Singapura. Nilai import dari Arab Saudi sahaja membentuk lebih kurang separuh daripada jumlah import Singapura dari GCC.

Kerjasama Perdagangan antara Singapura dengan GCC

Sektor Penerbangan

Singapura dan GCC masih bekerjasama dalam bidang penerbangan semasa era PM Goh Chok Tong. Kerjasama antara Singapura dengan UAE semakin erat apabila syarikat penerbangan *Emirates* bercadang untuk memperbanyak kekerapan penerbangan antara Singapura dengan Dubai sebanyak dua kali ganda pada Ogos tahun 1992. Jumlah penerbangan ke Singapura menjadi enam kali seminggu berikutan penambahan kekerapan ini. *Emirates* juga bercadang untuk mendapatkan pejabat yang lebih besar dan menambah bilangan pekerja di Singapura. Selain itu, *Emirates* juga dalam

²⁵ European Parliament, *The 2000 Oil Crisis and Its Consequences in the EU Energy Sector*, diakses pada 1 Mei 2015, daripada <http://www.sustainable-design.ie/arch/2000OilCrisisEnergy.pdf>.

perancangan untuk beralih kepada pasaran di Eropah dan Asia.²⁶ Rancangan-rancangan *Emirates* ini menunjukkan kesungguhan UAE untuk mengalih perhatian kepada pasaran di Asia khususnya Singapura. Penambahan kekerapan penerbangan juga memudahkan dan memperbanyak kekerapan perjumpaan antara peniaga seterusnya menambah baik hubungan perdagangan.

Perbincangan antara pihak Singapura dengan *Kuwait Airways* pada tahun 1989 membuahkan hasil apabila *Kuwait Airways* memulakan perkhidmatan ke Singapura pada Disember tahun 1993. Permulaan penerbangan ini menunjukkan keinginan Kuwait untuk berhubung dengan Singapura kerana Singapura merupakan destinasi penerbangan ketiga bagi *Kuwait Airways* di Asia Tenggara selepas Bangkok dan Manila. Berikutan kejayaan perbincangan ini, Singapura dapat berhubung secara terus dengan 10 bandar di Asia Barat yang terdiri daripada Kuwait City, Bahrain, Amman, Beirut, Dhahran, Jeddah, Riyadh, Abu Dhabi, Dubai dan Sharjah.²⁷

Perjanjian Cukai Dua Kali (DTA) bagi keuntungan yang diperoleh melalui perkhidmatan penerbangan turut ditandatangani dengan Bahrain pada tahun 1991, diikuti dengan Arab Saudi pada tahun 1993 dan Oman pada tahun 1998. Melalui perjanjian tersebut, keuntungan yang diperoleh oleh sebuah syarikat yang bertapak di sesebuah negara yang termaktub dalam perjanjian hanya akan dikenakan cukai oleh negara tersebut sahaja. Walaupun begitu, pengecualian tersebut terikat kepada syarat dan terma dalam perjanjian.²⁸

Ketiga-tiga perjanjian tersebut juga menyebut tentang keuntungan daripada operasi dan harta boleh alih serta keuntungan daripada latihan yang berkaitan dengan

²⁶ "Emirates to Double Dubai-S'pore Flights", *The Business Times*, 3 Jul. 1992, hlm. 48.

²⁷ "S'pore Link for Kuwait Airways", *The Straits Times*, 4 Dis. 1993, hlm. 31.

²⁸ Agreement between the Republic of Singapore and the Kingdom of Saudi Arabia for Reciprocal Exemption With Respect To Taxes on Income of Air Transport Enterprises of the Two Countries, 6 Ogos 1991; Agreement between the Government of the Republic of Singapore and the Government of the State of Bahrain for Reciprocal Exemption With Respect To Taxes on Income Arising from the Business of International Air Transport, 25 Jun 1993; Agreement between the Government of the Republic of Singapore and the Government of the Sultanate of Oman for the Avoidance of Double Taxation of Income Derived from International Air Transport, 29 Jun 1998.

penerbangan. Terma dalam perjanjian dengan Bahrain dan Oman disenaraikan dengan lebih teliti dan merangkumi perkara seperti keuntungan daripada hasil jualan atau pemindahan hak kapal terbang, alat ganti dan peralatan yang digunakan semasa operasi, faedah daripada bank serta gaji yang dibayar kepada pekerja.²⁹

Anggota-anggota GCC yang aktif mempelbagaikan kegiatan ekonomi mereka juga merupakan antara negara terawal yang menandatangani DTA dalam bidang perkhidmatan penerbangan dengan Singapura. UAE telah pun menandatangani perjanjian tersebut dengan Singapura pada tahun 1989, manakala perjanjian dengan Bahrain ditandatangani pada tahun 1993. Arab Saudi pula merupakan rakan perdagangan utama Singapura di Asia Barat. Perjanjian ini dapat menjimat kos dalam operasi penerbangan seterusnya membantu dalam mengembangkan bidang penerbangan sekali gus dapat menambah kekerapan penerbangan. Dengan itu, pelabur Singapura dapat menembusi pasaran yang besar di Arab Saudi dengan lebih mudah.

Selain itu, Singapura dan UAE juga telah menandatangani Perjanjian Ruang Udara Terbuka (OSA) pada Februari tahun 2004. Selepas berkuatkuasanya perjanjian ini, syarikat penerbangan kedua-dua pihak dibenarkan untuk memilih mana-mana laluan antara kedua-dua pihak, melalui atau tidak melalui pihak ketiga tanpa sekatan had trafik. Syarikat penerbangan kedua-dua negara juga dibenarkan menggunakan lapangan terbang milik pihak yang terlibat dalam perjanjian sebagai hab untuk penerbangan ke negara ketiga.³⁰

Menteri Pengangkutan Singapura, Yeo Cheow Tong menyatakan bahawa perjanjian ini menandakan komitmen kedua-dua negara untuk mencapai polisi yang lebih liberal dalam bidang penerbangan. *Singapore Airlines* dan *Singapore Airlines Cargo* beroperasi sebanyak 40 penerbangan setiap minggu antara Singapura dengan

²⁹ Ibid.

³⁰ ND 2004022607, Ministry of Transport News Releases, Singapore and UAE Formalise Open Skies, 26 Feb. 2004.

UAE, manakala *Emirates* beroperasi sebanyak 38 penerbangan setiap minggu ke Singapura.³¹ Apabila lapangan terbang kedua-dua negara dibenarkan untuk dijadikan hab ke destinasi lain, Singapura dapat menembusi pasaran di Asia Barat melalui UAE, manakala UAE dapat menembusi pasaran Asia Pasifik melalui Singapura. Kerjasama kedua-dua pihak dalam bidang penerbangan dan bidang ekonomi juga dapat ditingkatkan.

Sektor Perkapalan

Kerjasama dalam bidang perkapalan juga diberikan perhatian. *Singmarine Industries* berjaya mendapatkan kontrak besar pertama yang bernilai \$52 juta daripada *Abu Dhabi National Tanker Company* selepas tamatnya Perang Teluk. *Singmarine* merupakan subsidiari kepada *Keppel Corporation* yang berada di bawah kawalan kerajaan Singapura. Tempahan untuk penghasilan kapal di seluruh dunia telah menurun sebanyak 40 peratus kepada 402 kapal pada separuh kedua tahun 1991 berbanding dengan separuh pertama tahun 1991 disebabkan Perang Teluk. Kejayaan *Singmarine* mendapatkan kontrak ini mengimplicasikan pemulihan bidang perkapalan dan juga keyakinan Asia Barat terhadap teknik dan kepakaran yang dimiliki oleh syarikat Singapura. Pengurus besar syarikat Abu Dhabi tersebut menyatakan bahawa:

choosing the right builder for this combination carrier is very crucial for us as the job requires skill and workmanship. Singmarine was awarded the contract because of its competitive price as well as its reputation as a reliable and expert shipbuilder with financial stability and ample facilities.

Kapal baru seberat 8,850 *deadweight tonnage* (dwt) yang dibina ini digunakan untuk menghantar sulfur lebur dari Das Island ke Ruwais, selain dapat menghantar

³¹ Ibid.

produk petroleum. Kapal ini merupakan satu daripada lima belas kapal yang sedemikian di dunia.³²

Selain *Singmarine*, *Sembawang*, *Keppel Corporation* dan *Jurong Shipyard Ltd.* merupakan antara syarikat perkapalan Singapura yang melabur di GCC. *Sembawang* telah membuka sebuah pejabat di Dubai bagi mendapatkan peluang perniagaan yang lumayan di sana dan juga mewujudkan kehadiran langsung di sana. Penglibatan syarikat perkapalan Singapura di GCC menjadi semakin penting apabila mereka bekerjasama melalui pemilikan saham. *Sembawang Maritime* telah pun memiliki 20 peratus daripada saham *Albwardy Marine Engineering (AME)* di Dubai, manakala *Keppel Corporation* memiliki 20 peratus daripada saham *Arab Heavy Industries Ltd.* *Jurong Shipyard Ltd.* memaklumkan bahawa syarikat mereka telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) dengan sebuah limbungan di Asia Barat. MOU menunjukkan kedua-dua pihak memandang penting kerjasama dalam perjanjian tersebut.³³

Sektor Kewangan

DTA telah ditandatangani dengan UAE, Bahrain dan Oman. Perjanjian dengan UAE dipersetujui pada tahun 1995, diikuti dengan perjanjian dengan Oman pada tahun 2003, serta perjanjian dengan Bahrain pada tahun 2004. Perjanjian DTA merujuk kepada syarikat negara anggota dikenakan cukai di negara mereka mendapatkan pendapatan atau keuntungan sahaja. Misalnya, rakyat Singapura yang bekerja di Oman akan dikenakan cukai oleh kerajaan Oman sahaja. Namun begitu, sekiranya cukai yang dikenakan oleh Singapura adalah lebih tinggi, rakyat Singapura tersebut perlu

³² "Singmanne Clinches \$52m Order", *The Business Times*, 27 Mac 1991, hlm. 1.

³³ "Sembawang Opens Dubai Office", *The Business Times*, 3 Dis. 1991, hlm. 33.

membayar cukai kepada kerajaan Singapura tetapi boleh dikurangkan bayaran cukai sebanyak jumlah yang dibayar kepada kerajaan Oman.³⁴

Pengurangan atau pengelakan cukai dua kali terikat kepada syarat-syarat dan terma-terma yang disenaraikan dalam perjanjian. Syarat dan terma dalam ketiga-tiga perjanjian ini adalah lebih kurang sama. Antara perkara yang disebut ialah tentang pendapatan daripada harta tidak alih, perniagaan, perkapalan, syarikat bersekutu, modal, perkhidmatan individu dan perkhidmatan kerajaan, royalti, bayaran kepada pengarah, artis dan ahli sukan serta pencen.³⁵

Perkara 7 dalam ketiga-tiga perjanjian ini adalah berkenaan dengan pengenaan cukai terhadap keuntungan perniagaan. Syarikat sesebuah negara dalam perjanjian hanya akan dikenakan cukai oleh negara tersebut. Perbelanjaan khusus seperti perbelanjaan bagi urusan pentadbiran boleh ditolak daripada keuntungan.³⁶

Pelaksanaan perjanjian ini dapat mengurangkan cukai yang perlu dibayar oleh peniaga yang melabur di negara yang termaktub dalam kontrak. Pengurangan beban cukai ini akan dapat menarik pelaburan asing. Perjanjian ini juga menunjukkan kerajaan kedua-dua negara mementingkan hubungan ekonomi antara satu sama lain. Perjanjian dengan UAE merupakan DTA yang paling awal antara Singapura dengan anggota GCC. Hal ini selari dengan kedudukan UAE yang merupakan negara yang mempunyai ekonomi yang paling pelbagai dalam kalangan anggota GCC. Oman pula merupakan anggota GCC kedua yang menandatangani perjanjian ini dengan Singapura. Oman mempunyai ekonomi yang kedua paling pelbagai dalam kalangan anggota GCC. Kedua-dua peristiwa ini secara tidak langsung menunjukkan anggota GCC yang mempunyai

³⁴ Agreement between the Government of the Republic of Singapore and the Government of the United Arab Emirates for the Avoidance of Double Taxation and the Prevention of Fiscal Evasion With Respect To Taxes on Income, 1 Dis. 1995; Agreement between the Government of the Republic of Singapore and the Sultanate of Oman for the Avoidance of Double Taxation and the Prevention of Fiscal Evasion With Respect To Taxes on Income, 6 Okt. 2003; Agreement between the Government of the Republic of Singapore and the Government of the Kingdom of Bahrain for the Avoidance of Double Taxation and the Prevention of Fiscal Evasion With Respect To Taxes on Income, 18 Feb. 2004.

³⁵ Ibid.

³⁶ Ibid.

kepelbagaian ekonomi lebih memberi perhatian kepada perjanjian sedemikian yang dapat menjaga kepentingan peniaga bagi kedua-dua negara seterusnya membawa masuk lebih banyak pelaburan ke negara sendiri.

Sektor Pembuatan

Pasaran perabot merupakan sektor pembuatan yang diterokai oleh pedagang Singapura. Enam syarikat pembuatan perabot dilaporkan akan menyertai “Middle East International Furniture and Interior Design Exhibition” yang keenam pada Oktober tahun 1996. Perabot dari Singapura semakin mendapat sambutan di Asia Barat apabila ruangan pameran yang diperuntukkan meningkat sebanyak 27 peratus kepada 183 kaki persegi dalam pameran tersebut. Pengerusi *Singapore Furniture Industries Council* menyatakan bahawa pameran tersebut adalah penting kerana Asia Barat merupakan salah satu pengimport perabot Singapura yang terbesar. Syarikat dari Singapura dapat bersaing dengan syarikat lain kerana dapat mengekalkan kos pada tahap yang rendah.³⁷

Kerja-kerja pemulihan di Kuwait telah memberi peluang kepada syarikat-syarikat di Singapura untuk mengeksport bahan binaan dan aksesori elektrik yang diperlukan untuk kerja-kerja pemulihan ke Kuwait.³⁸ Dewan perniagaan Singapura, SMCCI juga telah menghantar rombongan ke Arab Saudi untuk berbincang tentang kemungkinan untuk mendapatkan kontrak untuk menghantar aksesori elektrik dan makanan ke sana. SMCCI juga berbincang dengan Arab Saudi tentang kemungkinan untuk mendapatkan kontrak untuk menghantar hasil makanan ke sana.³⁹

³⁷ “Greater S’pore Presence at Dubai Furniture Show”, *The Business Times*, 27 Sept. 1996, hlm. 5.

³⁸ “Arab Business Centre Organising Trade Mission to Middle East”, *The Straits Times*, 15 Mac 1991, hlm. 48.

³⁹ “Malay Business Group Back from Middle-East Trip”, *The Straits Times*, 3 Nov. 1998, hlm. 46.

Sektor Industri Minyak

Selain itu, Singapura dan GCC juga bekerjasama dalam industri minyak. Singapura merupakan salah satu pusat penapisan minyak yang terbesar di dunia sejak tahun 1970-an. Kebanyakan minyak mentah yang ditapis adalah dari Asia Barat. Sebanyak lima loji penapisan minyak telah dibina dalam masa lima tahun selepas merdeka. Pada awal tahun 1993, *Bahrain National Oil Co* (BANOCO) mula menghantar minyak mentah untuk diproses di Singapura. Margin pemprosesan yang baik di Singapura telah menarik minat BANOCO. *Singapore Petroleum Company* (SPC) yang melaksanakan penapisan minyak untuk BANOCO juga memproses minyak mentah daripada *Kuwait Petroleum (Singapore) Pte. Ltd.* dan *Qatar Petroleum Corp.*⁴⁰

Pada tahun 1995, SPC dan *Kuwait Petroleum Corp* (KPC) mengkaji semula jumlah sulingan tengah⁴¹ yang dihantar ke Singapura. Jumlah ini akan bertambah sebanyak 67 peratus kepada 40,000 tong bahan api jet dan diesel sehari sekiranya perbincangan mereka membuahkan hasil.⁴² Pertambahan yang mendadak ini menunjukkan kerjasama yang semakin erat antara Singapura dengan Kuwait dalam industri penapisan minyak.

Sektor Teknologi

Era Goh Chok Tong turut memperlihatkan Singapura memberi lebih tumpuan kepada industri berasaskan teknologi. Antaranya ialah teknologi air yang penting bagi Singapura yang kekurangan air bersih. Teknologi air Singapura telah menarik perhatian

⁴⁰ "Bahrain Oil Company to Process Crude Here", *The Straits Times*, 9 Feb. 1993, hlm. 36.

⁴¹ Sulingan tengah merupakan bahagian petroleum yang telah mengalami pengewapan dan kondensasi. Sulingan tengah dihasilkan melalui proses penyulingan yang mengasingkan komponen petroleum pada suhu yang berlainan. Minyak diesel dan kerosin merupakan antara sulingan tengah yang dihasilkan. Lihat laporan yang disediakan oleh American Society for Testing Materials Committee D-2, Regina Gray dan C. J. Martin, "Burner, Heating and Lighting Fuels", dalam Salvatore J. Rand (ed.), *Significance of Tests for Petroleum Products*, edisi ketujuh, 2003, hlm. 82.

⁴² "Singapore and Kuwait Seal Oil Supply Deal", *The Straits Times*, 24 Feb. 1995, hlm. 44.

Asia Barat untuk bekerjasama dengan Singapura dalam bidang ini. Perdana Menteri Bahrain telah diberi taklimat tentang bagaimana Singapura menguruskan sumber air di *NEWater Visitors' Centre* apabila melawat Singapura pada Oktober tahun 2003. Beliau menyatakan keinginan Bahrain untuk bekerjasama dengan pihak Singapura dalam bidang teknologi air. Bahrain yang menggunakan loji penyahgaraman mengalami tekanan untuk mendapatkan sumber air baru disebabkan populasi yang semakin meningkat. Penggunaan air di Bahrain meningkat sebanyak empat peratus setiap tahun tetapi tahap kemasinan air bawah tanahnya semakin meningkat. Kekurangan sumber air tawar akan mempengaruhi bidang pertanian, industri dan pelancongan. Tambahan pula, Bahrain sedang mempromosikan negaranya sebagai pusat untuk isu yang berkaitan dengan air. Persamaan antara kedua-dua negara ini berkaitan isu kekurangan air bersih menggalakkan lagi kerjasama dan penyelidikan bersama dalam bidang ini. Kedua-dua negara ini juga bersaiz kecil tetapi merupakan pusat kewangan serantau.⁴³

Sektor Pelancongan

Pelancongan merupakan antara bidang yang giat diterokai semasa era Goh Chok Tong. *Singapore Tourism Promotion Board* (STPB) menganjurkan promosi di Dubai pada Mei tahun 1991 bersama-sama dengan *Singapore Airlines* bagi mempromosikan Singapura kepada Asia Barat, seterusnya menggalakkan kedatangan pelancong dari Asia Barat. Antara strategi lain yang digunakan untuk mempromosikan Singapura adalah mengadakan fiesta, seminar dan perjumpaan dengan wakil daripada syarikat pelancongan. Pengurus Besar STPB bagi kawasan Asia Barat yakin dengan pertumbuhan pasaran Asia Barat kerana keadaan kucar-kacir di Asia Barat telah pulih dan penduduk di sana mula melancong semula. Tambahan pula, beliau yakin bahawa

⁴³ "Bahrain Keen to Cooperate on Water Technology", *The Straits Times*, 29 Okt. 2003, hlm. 5.

tarikan baru di Singapura dapat menarik pelancong dari Asia Barat.⁴⁴ Penggunaan sijil halal dalam industri makanan juga menjadi daya tarikan kepada pelancong dari Asia Barat kerana mereka tidak perlu risau tentang status halal bagi makanan yang dibeli di Singapura.

Langkah-langkah juga telah diambil bagi mengeratkan kerjasama antara Singapura dengan GCC. Antaranya ialah pertimbangan untuk membuka pejabat konsul di Dubai bagi menarik lebih banyak pelancong dan meningkatkan nilai eksport ke Dubai. Pembukaan pejabat ini memudahkan orang ramai yang ingin pergi ke Singapura tetapi terpaksa mendapatkan visa di Arab Saudi disebabkan tiada pejabat konsul di Dubai. Pembukaan pejabat ini juga bertujuan untuk mengukuhkan kedudukan dan pengaruh Singapura di Dubai berikutan pembukaan *Singapore Trade Centre* (STC) pada tahun 1995. Nilai eksport Singapura ke UAE pada separuh pertama tahun 1996 ialah 1.66 bilion dirham, manakala nilai import dari UAE ke Singapura bertambah 88 peratus kepada 3.86 bilion dirham.⁴⁵

Kesimpulan

Singapura semakin menitikberatkan hubungan dengan GCC kerana lawatan ke GCC tidak terhad kepada lawatan menteri sahaja. PM Goh Chok Tong turut melawat GCC. GCC juga semakin mementingkan hubungan dengan Singapura apabila pemimpin GCC turut melawat Singapura. Berikutan lawatan oleh pemimpin Singapura, hubungan politik dan ekonomi antara Singapura dengan GCC menjadi semakin erat.

Selain meneruskan bidang kerjasama yang wujud semasa era Lee Kuan Yew seperti penerbangan, perkapalan dan pembuatan, bidang seperti pelancongan dan

⁴⁴ ND STPB19910520, Singapore Tourism Promotion Board Press Release, Singapore Promotion to Attract More Middle East Tourist, 20 Mei 1991.

⁴⁵ "Singapore to Open Dubai Consulate to Boost Trade, Tourism", *The Straits Times*, 10 Sept. 1996, hlm. 9.

teknologi telah diberi lebih tumpuan. Langkah-langkah seperti menubuhkan pejabat konsul di GCC dan mewujudkan panel kerjasama juga dilakukan bagi mempromosi dan mengeratkan lagi hubungan antara Singapura dengan GCC. Perjanjian DTA dan perjanjian berkenaan dengan perkhidmatan udara yang ditandatangani dengan rakan perdagangan utama Singapura di GCC menunjukkan kedua-dua pihak ingin mengeratkan lagi hubungan yang wujud.

Kepakaran Singapura dalam perancangan bandar dan teknologi air diakui apabila pihak GCC mengunjungi URA dan *NEWater Visitors' Centre* serta menunjukkan minat untuk bekerjasama dengan Singapura dalam bidang teknologi air. Kepakaran Singapura dalam penapisan minyak juga diakui apabila pihak GCC menghantar minyak mentah untuk diproses di Singapura.

Bidang yang diceburi semasa era Goh Chok Tong tidak banyak berbeza dengan bidang yang diceburi semasa era Lee Kuan Yew. Era Goh Chok Tong memperlihatkan perhatian yang lebih serius daripada kerajaan Singapura apabila pemimpin kerajaan turut melawat GCC. Lebih banyak perjanjian dimeterai semasa era Goh Chok Tong dan perjanjian tersebut tidak terhad kepada perjanjian berkenaan perkhidmatan udara sahaja.

BAB EMPAT

HUBUNGAN PERDAGANGAN SINGAPURA-GCC DI BAWAH PENTADBIRAN LEE HSIEN LOONG (2004-2013)

Pengenalan

Hubungan perdagangan antara Singapura dengan GCC semakin erat semasa era Lee Hsien Loong. Pegawai atasan kedua-dua pihak bertemu dengan lebih kerap bagi mengeratkan kerjasama dan membincangkan isu-isu yang berkaitan. Pelbagai platform perbincangan telah diwujudkan bagi mengeratkan lagi hubungan serta membincangkan bidang yang berpotensi untuk dijadikan bidang kerjasama.

Perbadanan yang giat menjalankan misi perdagangan ke GCC sebelum ini juga giat memperkukuh hubungan dengan GCC. Perbadanan baru yang ditubuhkan, iaitu *Singapore Business Federation (SBF)* juga tidak kurang peranannya. *Singapore Chinese Chamber of Commerce and Industry (SCCCI)* juga mula memberi perhatian kepada pasaran GCC.

Era Lee Hsien Loong memperlihatkan kewujudan bidang kerjasama baru iaitu kerjasama dalam mewujudkan e-Kerajaan di Asia Barat serta kerjasama dalam penjagaan kesihatan, pendidikan dan sektor awam. Industri kewangan dan perbankan, penerbangan, pembuatan makanan dan industri minyak masih diberi tumpuan.

Selain itu, pelbagai Memorandum Persefahaman (MOU) dan perjanjian juga ditandatangani. Antaranya ialah Perjanjian Perdagangan Bebas antara Singapura dengan GCC (GSFTA) yang melambangkan kemuncak hubungan perdagangan yang erat antara kedua-dua pihak.

Misi Perdagangan antara Singapura dengan GCC

Perbadanan yang menjalankan misi perdagangan ke GCC sejak era Lee Kuan Yew masih menjalankan misi semasa era Lee Hsien Loong. Antaranya ialah *International Enterprise (IE) Singapore* (nama asal ialah *Trade Development Board (TDB)*) dan *Singapore Malay Chamber of Commerce and Industry (SMCCI)* (nama asal ialah *Singapore Malay Chamber of Commerce (SMCC)*).

Pada April tahun 2007, sebagai langkah untuk membantu syarikat Singapura berniaga di GCC, IE telah membuat perancangan untuk membuka dua lagi pejabat perdagangan di Jeddah dan Abu Dhabi serta mengadakan Program Pengurusan Eksekutif Timur Tengah yang kedua. IE akan mempunyai pejabat perdagangan di Dubai, Doha, Jeddah dan Abu Dhabi selepas pembukaan dua buah pejabat ini. Program pengurusan tersebut bertujuan untuk meningkatkan pemahaman mengenai Asia Barat dari segi persekitaran perniagaan, ekonomi dan budaya. Peserta juga berpeluang untuk melawat syarikat-syarikat di Asia Barat untuk menjalinkan rangkaian hubungan dengan pedagang di Asia Barat.¹

Singapore Chinese Chamber of Commerce and Industry (SCCCI) mula beralih fokus kepada wilayah bukan tumpuan orang Cina seperti Asia Barat. SCCCI ditubuhkan pada tahun 1906 sebagai badan tertinggi komuniti Cina di Singapura di samping mempromosikan perkembangan industri dan perdagangan Singapura.² SCCCI dan IE telah bekerjasama dengan mengetuai misi perdagangan bersama ke UAE dan Qatar pada Mac tahun 2007. Misi yang menumpukan perhatian pada peluang dalam sektor prasarana bandar ini dijadualkan untuk bertemu dengan wakil perniagaan dari *Dubai Chamber of Commerce and Industry (DCCI)*, *Abu Dhabi Chamber of Commerce and*

¹ "IE Rancang Buka Dua Lagi Pejabat di Timur Tengah", *Berita Harian*, 14 Apr. 2007, hlm. 10.

² *Singapore Chinese Chamber of Commerce and Industry*, diakses pada 3 Mei 2015, daripada <http://chinese.sccci.org.sg>. SCCCI merupakan sebuah organisasi perniagaan yang ditubuhkan pada tahun 1906. SCCCI menerajui komuniti perniagaan Cina di Singapura dan memainkan peranan yang penting dalam menyuarakan kepentingan komuniti peniaga tempatan.

Industry (ADCCI), Jabatan Ekonomi dan Perancangan Abu Dhabi, Bank Pembangunan Qatar serta Syarikat Pembangunan dan Pelaburan Pelancongan Abu Dhabi. Misi ini diharapkan dapat mengenal pasti projek yang sedia ada dan projek baru yang boleh dilaburkan.³

Singapore Business Federation (SBF) yang baru ditubuhkan pada tahun 2002 juga menunjukkan minat untuk mendapatkan peluang perniagaan di GCC. SBF menjaga kepentingan komuniti peniaga dalam perdagangan, pelaburan dan hubungan industri.⁴ Bagi memudahkan kemasukan syarikat Singapura ke Arab Saudi dan meningkatkan kerjasama dengan Arab Saudi, SBF telah mengadakan misi perdagangan ke Riyadh dan Jeddah yang terdiri daripada 35 wakil daripada 24 syarikat yang terlibat dalam bidang sektor minyak dan gas, pembinaan, Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), percetakan, air, pendidikan dan seni bina. Pertemuan delegasi ini dengan organisasi awam dan swasta, Syarikat Berkaitan Kerajaan dan konglomerat perniagaan keluarga telah membuahkan hasil. Kemuncak misi ini adalah forum perniagaan “Singapore Day” yang diadakan untuk membolehkan agensi Singapura menunjukkan keistimewaan Singapura dan juga mendedahkan keadaan ekonomi di Singapura kepada komuniti perniagaan di Arab Saudi.⁵

SBF bersama-sama dengan IE dan SMCCI menganjurkan lawatan ke Abu Dhabi, Dubai, Sharjah dan Doha. Lawatan yang disertai oleh 16 syarikat ini bertujuan untuk mendedahkan delegasi kepada sektor yang sedang berkembang di UAE dan Qatar di samping mendedahkan peluang perdagangan kepada mereka. SBF juga bertujuan untuk memeterai perjanjian dengan Dubai Chamber of Commerce (DCC) dan juga Qatar Chamber of Commerce (QCC) dalam misi ini.⁶

³ “Misi Dagang ke UAE dan Qatar”, *Berita Harian*, 23 Mac 2007, hlm. 11.

⁴ *Singapore Business Federation*, diakses pada 3 Mei 2015, daripada <http://www.sbf.org.sg>.

⁵ “SBF Mission to Saudi Arabia Addresses Business Challenges and Helps Singapore Businessmen Gain Market Insights”, *Singapore Business Federation*, 22 Jan. 2010, diakses pada 2 Nov. 2014, daripada <http://www.sbf.org.sg/public/newsroom/details/20100122pr.jsp>.

⁶ “S’pore Business Mission Goes to Mid-East Today”, *The Straits Times*, 25 Sept. 2004, hlm. 52.

Middle East Business Group (MEBG) daripada SBF juga mengadakan misi perdagangan yang terdiri daripada wakil syarikat minyak dan gas, peralatan proses, ICT, logistik, bekalan dan penghantaran angkutan, kewangan, hartanah dan kesihatan ke Abu Dhabi dan Kuwait pada Mei tahun 2012. Delegasi ini dapat mengetahui keadaan pasaran dinamik, landskap ekonomi dan peluang perniagaan di kedua-dua negara GCC ini melalui taklimat perniagaan yang diadakan untuk mereka. Misi ini menunjukkan hubungan yang erat antara dewan perdagangan di Singapura dan GCC kerana taklimat tersebut diwujudkan atas kerjasama dengan ADCCI, *Kuwait Chamber of Commerce and Industry* (KCCI) dan KPMG. Delegasi ini juga dijangka dapat menyertai pelbagai rangkaian dan platform yang membolehkan mereka menjalinkan hubungan perniagaan dengan pedagang di Asia Barat.⁷

Kerajaan Singapura juga mementingkan hubungan dengan GCC kerana pemimpin Singapura terutamanya Menteri Kanan (MK) Goh Chok Tong giat melawat GCC dan bertemu dengan pihak atasan dari GCC. Selain MK Goh Chok Tong, Menteri Mentor (MM) Lee Kuan Yew, Perdana Menteri (PM) Lee Hsien Loong dan Presiden Nathan juga memandang berat hubungan perdagangan dengan GCC.

MK Goh Chok Tong dilaporkan melawat Qatar dan Kuwait pada April tahun 2005 sebagai usaha berterusan Singapura untuk mengukuhkan hubungan dua hala dengan GCC. MK Goh Chok Tong yang akan diiringi oleh Menteri Perdagangan, Menteri Luar Negeri, pegawai atasan dari Pejabat Perdana Menteri, pegawai dari IE dan *Monetary Authority of Singapore* (MAS) akan bertemu dengan Amir Qatar dan PM Kuwait.⁸ MK Goh Chok Tong telah pun mengadakan lawatan rasmi ke Arab Saudi pada Februari tahun 2005 untuk menghadiri “Jeddah Economic Forum”, serta bertemu

⁷ “SBF Leads Business Mission to United Arab Emirates and Inaugural Visit to Kuwait”, *Singapore Business Federation*, 4 Mei 2012, diakses pada 2 Nov. 2014, daripada <http://www.sbf.org.sg/public/newsroom/details/20120504pr.jsp>.

⁸ ND 20050409997, Prime Minister Office Press Release, Official Visit by Senior Minister Goh Chok Tong to State of Qatar and State of Kuwait 9-12 April 2005, 8 Apr. 2005.

dengan Putera Mahkota Arab Saudi dan menandatangani Perjanjian Kerjasama Am dengan Arab Saudi.⁹

MK Goh Chok Tong juga menasihatkan pedagang Singapura tentang peluang perdagangan di Asia Barat. Pihak Asia Barat yang mempunyai keuntungan lebih untuk memodenkan dan mempelbagai aktiviti ekonomi memerlukan bantuan daripada Singapura untuk mencapai tujuan tersebut. Perkhidmatan kesihatan, pelancongan, seni bina dan perancangan, pengurusan pelabuhan, e-Kerajaan, Sistem Kadar Bayaran Elektronik (ERP) dan sistem pengurusan jalan serta logistik merupakan antara bidang yang boleh diceburi oleh pelabur Singapura. Tambahan pula, Singapura mempunyai reputasi yang baik di Asia Barat.¹⁰

MK Goh Chok Tong melawat Qatar pada awal tahun 2008 lagi untuk berbincang tentang bidang yang boleh diusahakan bersama oleh kedua-dua buah negara. Beliau telah menerokai aspek yang boleh diterokai dalam bidang pendidikan, penyelidikan dan pembangunan dengan Amir Qatar. Mereka juga berbincang tentang kerjasama dalam teknologi alam sekitar dan kemungkinan untuk bekerjasama dalam menerokai peluang di negara ketiga.¹¹ Qatar telah pun bekerjasama dengan Singapura dalam pelaburan di *Tianjin Eco-City* dengan menjadi rakan pertama kepada konsortium Singapura yang melabur di sana. Singapura juga berminat untuk bekerjasama dengan Qatar untuk menembusi pasaran Asia Barat. Perusahaan kecil dan sederhana Singapura telah menunjukkan minat untuk melabur di Asia Barat.¹²

MM Lee Kuan Yew melawat Dubai dan Qatar pada November 2005. Beliau bertemu dengan Putera Mahkota Dubai, Amir Qatar dan peniaga di sana.¹³ MM Lee Kuan Yew seterusnya melawat Kuwait dan UAE pada November 2006. Beliau juga

⁹ ND 20050220999, Prime Minister Office Press Release, Official Visit to Kingdom of Saudi Arabia by Senior Minister Goh Chok Tong (20-25 February 2005), 20 Feb. 2005.

¹⁰ "Look More to M-E, SM Goh Tells Local Firms", *The Business Times*, 11 Jun 2005, hlm. 7.

¹¹ "SM Goh Meets Qatar Top Brass", *The Business Times*, 31 Jan. 2008, hlm. 11.

¹² "SM Goh and Qatari Minister See Bright Business Prospects", *The Straits Times*, 2 Feb. 2008, hlm. 27.

¹³ ND 20051114994, Prime Minister Office Press Statement, Visit of Minister Mentor Lee Kuan Yew to the Middle East and India 14 to 23 November 2005, 14 Nov. 2005.

bertemu dengan Amir Kuwait, PM Kuwait, pemimpin lain dan juga peniaga di Kuwait. Ketika lawatan ke Abu Dhabi, beliau bertemu dengan Putera Mahkota Abu Dhabi, pemimpin dan peniaga di sana.¹⁴

MM Lee Kuan Yew kemudian melawat Dubai, Arab Saudi dan Bahrain pada Mac 2008. Lawatan beliau ke Dubai adalah atas undangan PM Sheikh Mohammed bin Rashid al-Maktoum manakala lawatan beliau ke Bahrain adalah atas undangan Putera Mahkota Sheikh Salman bin Hamad al-Khalifa. Undangan tersebut menunjukkan pihak UAE dan Bahrain menitikberatkan hubungan dengan Singapura. Di Arab Saudi, beliau memberi ucapan dalam “Riyadh Economic Forum” yang dianjurkan oleh *Riyadh Chamber of Commerce and Industry* (RCCI). Beliau juga bertemu dengan peniaga di ketiga-tiga kawasan ini.¹⁵ Lawatan beliau ke Bahrain merupakan lawatan kedua oleh kerajaan Singapura selepas lawatan pertama oleh MK Goh Chok Tong yang masih merupakan Perdana Menteri Singapura pada Februari tahun 2004.¹⁶ MM Lee Kuan Yew dilihat mementingkan hubungan dengan UAE kerana lawatan ke UAE dimasukkan dalam jadual lawatan beliau ke GCC dalam ketiga-tiga lawatan ini.

PM Lee Hsien Loong telah mengadakan lawatan yang pertama ke Arab Saudi pada November tahun 2006. Singapura dan GCC menunjukkan kesungguhan untuk bekerjasama antara satu sama lain apabila kedua-dua pihak menyenaraikan peluang yang sedia ada kepada pelabur. Gua Batu Jurong, Singapura yang sedang dalam proses pembinaan juga dipromosikan kepada Arab Saudi. Gua yang digunakan untuk penyimpanan produk petroleum ini dilihat sebagai peluang untuk mengukuhkan lagi kerjasama dengan Arab Saudi memandangkan syarikat petrokimia terbesar Arab Saudi menjadikan Singapura sebagai pusat pengagihan minyak dan produk kimia. Syarikat Arab Saudi juga boleh menggunakan kemudahan di Jurong untuk mendirikan kilang

¹⁴ ND 20061114997, Prime Minister Office Press Statement, Visit by Minister Mentor Lee Kuan Yew to France (14 to 17 November 2006), Kuwait (17 to 19 November 2006) and United Arab Emirates (19 to 23 November 2006), 13 Nov. 2006.

¹⁵ “MM Lee Begins Three-nation Trip to Middle East”, *The Straits Times*, 1 Mac 2008, hlm. 37.

¹⁶ “MM Lee Meets Bahrain PM and Crown Prince”, *The Straits Times*, 7 Mac 2008, hlm. 30.

penapisan minyak. Singapura juga boleh dijadikan pusat serantau bagi sektor perdagangan dan kewangan, selain menjadi pusat penyelidikan dalam bidang yang berkaitan dengan minyak dan gas.¹⁷

Pemimpin dari sektor perniagaan Arab Saudi menyatakan bahawa Singapura boleh menceburi bidang yang merupakan kepakaran Singapura seperti teknologi maklumat, telekomunikasi, kewangan dan pendidikan. *Saudi Chamber of Commerce and Industry* (SCCI) pula menyenaraikan kemudahan, petrokimia, tenaga elektrik dan pelancongan sebagai bidang yang boleh diceburi oleh pelabur Singapura. Pelaburan Singapura di Asia Barat telah meningkat sebanyak tiga kali ganda dalam masa lima tahun, manakala pelaburan Asia Barat di Singapura telah meningkat hampir lapan kali ganda. Projek air dan kawalan pencemaran merupakan antara bidang kerjasama kedua-dua pihak selain menjadikan suatu pihak sebagai rakan untuk memasuki pasaran negara ketiga. Langkah-langkah telah pun diambil sebagai persediaan untuk kerjasama yang lebih rapat. Antaranya ialah Perjanjian Jaminan Pelaburan (IGA) dan MOU tentang kerjasama perdagangan serta majlis bersama yang ditubuhkan oleh SCCI dan SBF.¹⁸

Presiden Singapura, Nathan telah memulakan lawatan pertama beliau ke GCC pada November tahun 2008. Beliau melawat Kuwait dan telah bertemu dengan Amir Kuwait. Pertemuan mereka telah mengukuhkan lagi hubungan antara Singapura dengan Kuwait dan memberi keyakinan bahawa kerjasama dua hala akan terus berkembang. Presiden Nathan juga menyaksikan proses menandatangani tiga perjanjian dalam lawatan beliau ke Kuwait, iaitu perjanjian untuk menubuhkan jawatankuasa bersama, MOU berkenaan e-Kerajaan, dan MOU berkenaan perkhidmatan udara.¹⁹

¹⁷ "PM Eyes S'pore-Saudi Logistics Tie-ups", *The Straits Times*, 26 Nov. 2006, hlm. 16.

¹⁸ "Saudis Keen on Business with S'pore", *The Business Times*, 28 Nov. 2006, hlm. 2.

¹⁹ Perjanjian yang ditandatangani ialah *Agreement on Establishing a Joint Committee for Co-operation, Memorandum of Understanding on Co-operation in E-Government* dan *Memorandum of Understanding on Air Services* yang akan berkembang kepada Perjanjian Udara Terbuka (OSA). Lihat ND 20081110005, Ministry of Foreign Affairs Press Release, State Visit by President S R Nathan to the State of Kuwait, 3-6 November 2008, 4 Nov. 2008.

Timbalan Perdana Menteri (TPM) Singapura, Jayakumar turut melawat GCC. TPM Jayakumar melawat Arab Saudi pada Mei tahun 2005. Dalam perjumpaan dengan Gabenor *Saudi Arabia General Investment Authority*, Gabenor Dabbagh menyatakan keinginan untuk mempromosikan pelaburan antara Singapura dengan Arab Saudi, di samping menjadikan kedua-dua negara ini sebagai pintu masuk ke Asia dan Asia Barat. Jayakumar juga bertemu dengan Menteri Kesihatan Arab Saudi bagi membincangkan kemungkinan kerjasama dalam perkhidmatan kesihatan.²⁰

Selain pegawai tinggi kerajaan, menteri-menteri Singapura juga sering melawat GCC. Antaranya ialah Menteri Alam Sekitar dan Sumber Air, Menteri Pengangkutan, Menteri Perumahan, Menteri Perdagangan dan Perindustrian serta Menteri Luar Negeri. Misalnya, Menteri Alam Sekitar dan Sumber Air, Yaacob Ibrahim melawat Qatar, UAE dan Bahrain pada Mac tahun 2008 untuk mengekalkan dan memperkukuh hubungan rapat dengan negara-negara Asia Barat.²¹ Menteri Perdagangan dan Industri, Lee Yi Shyan misalnya mengetuai rombongan ke Oman pada November tahun 2007 untuk berbincang tentang bagaimana hubungan dua hala dengan Oman boleh dikukuhkan lagi.²² Menteri Luar Negeri Singapura kedua, Lui Tuck Yew menyatakan bahawa kedua-dua Singapura dan Oman adalah negara kecil dan adalah penting untuk memberi sokongan antara satu sama lain.²³

Singapore Management University (SMU) juga mengadakan lawatan sambil belajar yang pertama ke GCC pada Mei tahun 2007 bagi mendedahkan pelajar terhadap persekitaran perniagaan di Asia Barat. Hal ini menunjukkan universiti di Singapura sedar tentang kepentingan GCC sebagai salah satu rakan perdagangan Singapura yang

²⁰ ND 2005050401, Ministry of Foreign Affairs Press Release, DPM S Jayakumar's Visit To Saudi Arabia, 4 Mei 2005.

²¹ "Yaacob Visits Middle East", *The Straits Times*, 22 Mac 2008, hlm. H6.

²² ND 20071113999, Ministry of Trade and Industry Press Release, Minister of State for Trade and Industry Lee Yi Shyan to Visit Muscat, Oman and Abu Dhabi, UAE from 13 to 16 November 2007, 13 Nov. 2007.

²³ "Singapore Visa Facility May Be Available in Muscat This Year-End", *Muscat*, 9 Jul. 2012, diakses pada 5 Nov. 2014, daripada <http://www.muscatdaily.com/Archive/Oman/Singapore-visa-facility-may-be-available-in-Muscat-this-year-end>.

utama. Lawatan ini merupakan sebahagian daripada kursus pelajar yang merangkumi kuliah dan bengkel yang mendedahkan pelajar terhadap perniagaan di Asia Barat. Pelajar yang mengikuti misi ini berpeluang untuk melawat *Dubailand* dan *Dubai Logistics City* serta bertemu dengan pegawai kerajaan dan diplomat di UAE.²⁴

Pihak GCC juga sering mengadakan lawatan ke Singapura. Antaranya ialah Putera Mahkota, Amir, Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan menteri dari GCC. Putera Saud dari Arab Saudi membuat lawatan rasmi pertama beliau ke Singapura pada Jun tahun 2011. Delegasi beliau berbincang tentang peluang yang ada di *Ha'il Province* dengan Menteri Perdagangan dan Perindustrian Singapura, Lee Yi Shyan serta membincangkan isu ini dalam perbincangan yang dianjurkan oleh IE. Beliau juga melawat *Institute of Technical Education College East*, *Urban Redevelopment Authority* (URA) dan *Jurong Island* bagi mempelajari kemampuan Singapura dalam bidang pendidikan, logistik dan perkembangan kemudahan.²⁵

Perdana Menteri Kuwait, Sheikh Nasser al-Mohammed al-Ahmed al-Jaber al-Sabah pula membuat lawatan rasmi beliau yang pertama ke Singapura pada Jun tahun 2007. Lawatan beliau diharap dapat mengeratkan hubungan antara Singapura dengan Kuwait. Dua MOU iaitu memorandum tentang pelancongan dan memorandum tentang ikatan ekonomi juga ditandatangani dalam lawatan beliau.²⁶

Amir Qatar melawat Singapura pada Jun tahun 2005 dengan diiringi oleh pegawai atasan Qatar seperti Timbalan Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri, Menteri Kewangan serta Menteri Ekonomi dan Perdagangan. Beliau bertemu dengan Pemangku Presiden, Perdana Menteri, Menteri Kanan dan Menteri Mentor Singapura. Selain memberi ucapan dalam “Qatar-Singapore Business Forum (QSBF)” yang dianjurkan

²⁴ SMU Students Head for the Middle East to Study Business Opportunities, 14 Mei 2007, diakses pada 1 Mei 2015, daripada <http://www.smu.edu.sg/news/2007/05/14/smu-students-head-middle-east-study-business-opportunities>.

²⁵ ND 20110624003, Ministry of Trade and Industry Press Release, Minister of State Lee Yi Shyan Hosts His Royal Highness Prince Saud bin Abdul Mohsen bin Abdul Aziz al-Saud, Governor of Ha'il Province, Kingdom of Saudi Arabia, 17 Jun 2011.

²⁶ “Kuwaiti PM on First Official Visit to S'pore”, *The Straits Times*, 4 Jun 2007, hlm. 27.

oleh IE, beliau juga melawat *Economic Development Board (EDB)*, *Maritime and Port Authority of Singapore (MPA)* dan URA.²⁷

Selain itu, Menteri Luar Negeri Bahrain juga telah melawat Singapura pada tahun 2008 atas undangan Menteri Luar Negeri Singapura. Beliau bertemu dengan MM Lee Kuan Yew dan menteri-menteri lain semasa berada di Singapura.²⁸

Pelbagai majlis kerjasama dan forum telah ditubuhkan sebagai platform perbincangan antara Singapura dengan Asia Barat. Antaranya ialah *Asia Middle East Dialogue (AMED)*²⁹, *Middle East Business Group (MEBG)*, *Qatar-Singapore Business Forum (QSBF)*³⁰, *Saudi-Singapore Business Council (SSBC)*³¹, *Singapore-Oman Business Council (SOBC)*³² dan *Abu Dhabi-Singapore Joint Forum (ADSJF)*³³. Antara

²⁷ ND 2005060702, Ministry of Foreign Affairs Press Statement, State Visit of His Highness Sheikh Hamad bin Khalifa al-Thani, Amir of the State of Qatar, 9-11 June 2005, 7 Jun 2005.

²⁸ ND 20080209997, *Ministry of Foreign Affairs Press Statement*, Visit to Singapore by the Minister of Foreign Affairs of the Kingdom of Bahrain His Excellency Shaikh Khalid bin Ahmed bin Mohammed al-Khalifa, 10-14 February 2008, 9 Feb. 2008.

²⁹ AMED yang dirasmikan secara rasmi pada Jun tahun 2005 merupakan hasil inovasi MK Goh Chok Tong. Objektif penubuhan AMED adalah untuk menambahkan persefahaman antara kerajaan dan penduduk kawasan Asia dengan Asia Barat, menggalakkan kerjasama antara kedua-dua kawasan, mewujudkan platform untuk menyuarakan pendapat, dan mempromosikan toleransi antara kawasan yang berlainan kepercayaan. Lihat "Remarks by Prof Tommy Koh at Opening Session of AMED", diakses pada 7 Mei 2015, daripada http://lkyspp.nus.edu.sg/wp-content/uploads/2013/04/sp_tommy_AMED_Opening-remarks_20-220605.pdf.

³⁰ MEBG merupakan hasil inovasi SBF. MEBG yang ditubuhkan pada tahun 2007 oleh MK Goh Chok Tong bersama-sama dengan Putera Mahkota Bahrain, Sheikh Salman merupakan platform perniagaan bagi membantu peniaga Singapura memasuki pasaran Asia Barat dan Afrika Utara. QSBF pula ditubuhkan sebagai kerjasama antara kerajaan dan komuniti perniagaan Singapura dengan Qatar. QSBF diketuai oleh SBF dan *Qatari Businessmen Association*. QSBF ditubuhkan bertujuan untuk mempamerkan daya saing perniagaan Singapura dan polisi Singapura yang mengalu-alukan kerjasama dengan Qatar. Lihat "SBF Leads Business Mission to Qatar and United Arab Emirates to Explore Opportunities", *Singapore Business Federation*, Jan. 29, 2008, diakses pada 7 Mei 2015, daripada <http://www.sbf.org.sg/public/newsroom/details/20080129pr.jsp>.

³¹ SSBC ditubuhkan pada tahun 2006. Idea penubuhan majlis ini dicetuskan sewaktu penandatanganan MOU antara SBF dengan SCCI bagi tujuan penubuhan *Joint Business Council*. SSBC ditubuhkan untuk mengembangkan perdagangan dua hala dan hubungan pelaburan. Tambahan pula, SSBC merupakan pertubuhan sedemikian yang pertama ditubuhkan. Lihat "Saudi-Singapore Business Council Resolves to Enhance Bilateral Ties between Their Business Communities", *Singapore Business Federation*, 21 Nov. 2007, diakses pada 8 Mei 2015, daripada <http://www.sbf.org.sg/public/newsroom/details/20071121pr.jsp>.

³² SOBC ditubuhkan pada tahun 2009 oleh SBF dan *Oman Chamber of Commerce and Industry (OCCI)* sebagai platform antara sektor swasta di Singapura dengan Oman. Lihat "Saudi-Singapore Business Council Resolves to Enhance Bilateral Ties between Their Business Communities", *Singapore Business Federation*, 21 Nov. 2007, diakses pada 8 Mei 2015, daripada <http://www.sbf.org.sg/public/newsroom/details/20071121pr.jsp>.

³³ ADSJF ditubuhkan pada tahun 2007 sebagai kerjasama antara *Executive Affairs Authority of Abu Dhabi* dengan IE bagi mengembangkan kerjasama dua hala antara Singapura dengan Abu Dhabi. Objektif penubuhan forum ini adalah untuk menentukan keutamaan kerjasama dalam bidang perniagaan, tenaga dan pelaburan serta memberikan bantuan dalam bidang ini apabila perlu. Antara objektif lain adalah

tujuan penubuhan majlis kerjasama dan forum ini adalah untuk menambahkan persefahaman antara kerajaan dan penduduk kawasan Asia dengan Asia Barat, membantu peniaga Singapura memasuki pasaran Asia Barat, mengembangkan perdagangan dua hala dan menyediakan saluran untuk penukaran maklumat antara komuniti perniagaan Asia Barat dan Singapura.

Statistik Perdagangan antara Singapura dengan Asia Barat

Nilai dagangan semasa era pentadbiran Lee Hsien Loong menunjukkan peningkatan yang mendadak berbanding era Goh Chok Tong. Walaupun nilai dagangan ini terjejas oleh Krisis Kewangan Dunia yang berlaku pada tahun 2008, namun nilai dagangan ini terus meningkat selepas pemulihan daripada krisis kewangan.

Jadual 4.1

Nilai eksport Singapura mengikut kawasan bagi tahun 2004-2013
(dalam unit juta Dolar Singapura)

| Tahun | Asia | Asia Barat | Kawasan Lain | Jumlah |
|-------|---------|------------|--------------|----------------|
| 2004 | 218,402 | 5,240 | 101,773 | 325,415 |
| 2005 | 251,403 | 8,988 | 109,222 | 369,613 |
| 2006 | 287,814 | 8,379 | 119,321 | 415,514 |
| 2007 | 304,684 | 9,880 | 118,157 | 432,721 |
| 2008 | 322,939 | 11,228 | 116,093 | 450,260 |
| 2009 | 268,707 | 9,615 | 90,897 | 369,219 |
| 2010 | 334,347 | 9,221 | 107,548 | 451,116 |
| 2011 | 356,901 | 9,797 | 110,449 | 477,147 |
| 2012 | 354,327 | 10,879 | 108,291 | 473,497 |
| 2013 | 362,642 | 11,842 | 102,192 | 476,676 |

Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada “External Trade by Region/Country”, Jabatan Statistik Singapura, diakses pada 21 Apr. 2015, daripada <http://www.tablebuilder.singstat.gov.sg/publicfacing/createDataTable.action?refId=2357>. Nilai eksport ke Asia Barat tidak dimasukkan ke dalam jumlah nilai eksport ke Asia.

untuk mempromosikan jalinan antara pemimpin perniagaan, di samping mengenal pasti peluang kerjasama. Objektif ketiga adalah untuk menyediakan saluran untuk penukaran maklumat antara komuniti perniagaan Abu Dhabi dan Singapura. Lihat *Abu Dhabi-Singapore Joint Forum*, diakses pada 8 Mei 2015, daripada <http://www.adsjf.com/en/about/introduction>.

Jadual 4.2

Nilai import Singapura mengikut kawasan bagi tahun 2004-2013
(dalam unit juta Dolar Singapura)

| Tahun | Asia | Asia Barat | Kawasan Lain | Jumlah |
|-------|---------|------------|--------------|---------|
| 2004 | 178,580 | 23,463 | 84,852 | 286,895 |
| 2005 | 201,199 | 30,716 | 92,074 | 323,989 |
| 2006 | 229,306 | 34,230 | 106,656 | 370,192 |
| 2007 | 237,060 | 38,153 | 114,233 | 389,446 |
| 2008 | 255,287 | 54,233 | 131,894 | 441,414 |
| 2009 | 201,631 | 33,084 | 113,491 | 348,206 |
| 2010 | 247,439 | 40,620 | 125,127 | 413,186 |
| 2011 | 255,733 | 60,168 | 134,375 | 450,276 |
| 2012 | 262,039 | 63,712 | 137,254 | 463,005 |
| 2013 | 259,597 | 55,502 | 136,732 | 451,831 |

Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada “External Trade by Region/Country”, Jabatan Statistik Singapura, diakses pada 21 Apr. 2015, daripada <http://www.tablebuilder.singstat.gov.sg/publicfacing/createDataTable.action?refId=2352>. Nilai import dari Asia Barat tidak dimasukkan ke dalam jumlah nilai import dari Asia.

Secara keseluruhannya, nilai eksport dan import Singapura dari kawasan Asia meningkat setiap tahun. Nilai dagangan dengan kawasan lain adalah tidak konsisten. Nilai dagangan dengan semua kawasan menurun pada tahun 2009 disebabkan Krisis Kewangan Dunia. Cara pelaburan yang berisiko tinggi dan cara pengurusan bank yang bermasalah di Amerika Syarikat mendatangkan masalah apabila *Lehman Brothers*, sebuah bank global, ditutup pada September tahun 2008. Kesan keruntuhan ekonomi di Amerika Syarikat merebak ke kawasan lain dan menjejaskan ekonomi dunia.³⁴

Walaupun nilai eksport Singapura ke Asia Barat adalah paling kurang terjejas, iaitu penurunan sebanyak 14 peratus sahaja, namun nilai import dari Asia Barat ke Singapura adalah paling terjejas iaitu penurunan sebanyak 39 peratus pada tahun 2009

³⁴ Hal ini terjadi kerana bank memberi pinjaman kepada peminjam secara meluas. Pinjaman digabungkan dalam bentuk pakej untuk dijual sebagai pelaburan. Pelaburan ini dianggap sebagai cara untuk mendapatkan keuntungan tetapi mendatangkan masalah apabila harga rumah di Amerika Syarikat menurun secara mendadak pada tahun 2006 dan faedah pinjaman yang semakin tinggi menyebabkan peminjam berhenti membayar pinjaman. Bank terpaksa mengambil alih rumah yang rendah harganya. Penutupan bank *Lehman Brothers* dan masalah yang berpunca daripada pinjaman dan pelaburan hartanah menyebabkan pelabur hilang keyakinan dan pelaburan menurun. Lihat “The Origins of the Financial Crisis, Crash Course”, *The Economist*, 7 Sept. 2013, diakses pada 9 Mei 2015, daripada <http://www.economist.com/news/schoolsbrief/21584534-effects-financial-crisis-are-still-being-felt-five-years-article>.

berbanding tahun 2008. Hal ini disebabkan penurunan permintaan dunia terhadap bekalan minyak pada waktu krisis. Tambahan pula, harga minyak telah menurun sebanyak 359 peratus pada Disember tahun 2008 berbanding Julai tahun tersebut.³⁵

Jadual 4.3
 Nilai eksport Singapura ke GCC bagi tahun 2004-2013
 (dalam unit juta Dolar Singapura)

| Tahun | Bahrain | Kuwait | Oman | Qatar | Arab Saudi | UAE | Jumlah |
|--------------|----------------|---------------|-------------|--------------|-------------------|------------|---------------|
| 2004 | 65 | 129 | 147 | 153 | 545 | 3,211 | 4,251 |
| 2005 | 286 | 169 | 149 | 194 | 708 | 6,155 | 7,660 |
| 2006 | 88 | 192 | 158 | 288 | 1,178 | 5,048 | 6,952 |
| 2007 | 81 | 374 | 188 | 378 | 1,265 | 5,256 | 7,542 |
| 2008 | 130 | 366 | 259 | 407 | 1,315 | 5,858 | 8,335 |
| 2009 | 120 | 255 | 232 | 360 | 1,081 | 5,389 | 7,436 |
| 2010 | 124 | 245 | 180 | 279 | 1,110 | 5,183 | 7,120 |
| 2011 | 98 | 185 | 208 | 287 | 1,100 | 5,830 | 7,708 |
| 2012 | 128 | 223 | 503 | 244 | 1,508 | 5,889 | 8,495 |
| 2013 | 126 | 399 | 342 | 328 | 1,545 | 7,021 | 9,760 |

Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada “External Trade by Region/Country”, Jabatan Statistik Singapura, diakses pada 21 Apr. 2015, daripada <http://www.tablebuilder.singstat.gov.sg/publicfacing/createDataTable.action?refId=2357>.

Jadual 4.4
 Nilai import Singapura dari GCC bagi tahun 2004-2013
 (dalam unit juta Dolar Singapura)

| Tahun | Bahrain | Kuwait | Oman | Qatar | Arab Saudi | UAE | Jumlah |
|--------------|----------------|---------------|-------------|--------------|-------------------|------------|---------------|
| 2004 | 126 | 5,338 | 326 | 3,424 | 9,373 | 3,340 | 21,928 |
| 2005 | 245 | 6,138 | 412 | 3,946 | 14,894 | 4,242 | 29,878 |
| 2006 | 565 | 7,163 | 362 | 3,866 | 14,767 | 6,636 | 33,360 |
| 2007 | 380 | 7,635 | 388 | 6,291 | 13,241 | 6,910 | 34,846 |
| 2008 | 341 | 9,222 | 689 | 10,848 | 20,692 | 8,908 | 50,701 |
| 2009 | 437 | 4,006 | 839 | 6,703 | 11,752 | 6,206 | 29,943 |
| 2010 | 300 | 3,607 | 1,107 | 7,504 | 15,297 | 8,693 | 36,508 |
| 2011 | 239 | 4,515 | 1,619 | 9,344 | 22,163 | 14,545 | 52,426 |
| 2012 | 468 | 5,991 | 2,936 | 9,588 | 21,509 | 19,604 | 60,096 |
| 2013 | 571 | 4,325 | 2,268 | 9,878 | 16,095 | 20,686 | 53,823 |

Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada “External Trade by Region/Country”, Jabatan Statistik Singapura, diakses pada 21 Apr. 2015, daripada <http://www.tablebuilder.singstat.gov.sg/publicfacing/createDataTable.action?refId=2352>.

³⁵ “Oil Ministers See Demand Rising, Price May Exceed \$85 (Update2)”, *Bloomberg*, 10 Mei 2010, diakses pada 9 Mei 2015, daripada <http://www.bloomberg.com/apps/news?pid=newsarchive&sid=aqjfU59OuXbA>.

Nilai eksport Singapura dengan setiap anggota GCC pada tahun 2009 menunjukkan penurunan. Pada masa yang sama, nilai import dari GCC ke Singapura menurun kecuali Bahrain dan Oman kerana masing-masing menunjukkan peningkatan sebanyak 28 peratus dan 22 peratus. Nilai import Kuwait ke Singapura paling terjejas diikuti dengan Arab Saudi. Nilai import Kuwait ke Singapura menurun sebanyak 57 peratus, manakala nilai import Arab Saudi menurun sebanyak 43 peratus.

Walaupun nilai dagangan antara Singapura dengan GCC terjejas pada tahun 2009, namun nilai dagangan adalah meningkat secara keseluruhannya. Nilai eksport Singapura ke Kuwait telah bertambah sebanyak 208 peratus daripada S\$129 juta pada tahun 2004 ke S\$299 juta pada tahun 2013, manakala nilai eksport Singapura ke Arab Saudi meningkat sebanyak 183 peratus. Nilai import dari Oman ke Singapura telah bertambah sebanyak 800 peratus daripada S\$326 juta pada tahun 2004 ke S\$2,936 juta pada tahun 2012, manakala nilai import dari UAE ke Singapura menunjukkan peningkatan sebanyak 487 peratus.

Nilai import dari GCC ke Singapura pada tahun 2013 terjejas disebabkan pengurangan pengeluaran di GCC. Penambahan pengeluaran di Amerika Utara menyebabkan negara-negara pengeluar minyak di GCC mengurangkan pengeluaran bagi mengekalkan harga minyak.³⁶ Nilai import dari Kuwait ke Singapura menunjukkan penurunan yang paling ketara iaitu sebanyak 28 peratus daripada S\$5,991 juta pada tahun 2012 kepada S\$4,325 juta pada tahun 2013. Nilai import dari Arab Saudi ke Singapura pula menurun sebanyak 25 peratus, diikuti dengan Oman sebanyak 23 peratus.

³⁶ “GCC: Oil Prices and Regional Stability”, *Global Finance*, 3 Sept. 2013, diakses pada 9 Mei 2015, daripada <https://www.gfmag.com/magazine/september-2013/gcc-oil-prices-and-regional-stability>.

Kerjasama Perdagangan antara Singapura dengan GCC

Sektor Kewangan dan Perbankan

Pada Disember tahun 2009, *Central Bank of Bahrain* dan *Money Authority of Singapore* (MAS) menandatangani sebuah memorandum yang merupakan asas kepada kerjasama penyeliaan dan sokongan mutual dalam bidang perbankan antara kedua-dua pihak.³⁷ MAS juga telah menandatangani memorandum demikian dengan *Central Bank of the UAE* pada Mac tahun 2009 bagi perkongsian maklumat antara kedua-dua bank pusat, di samping menguatkan penyeliaan terhadap institut kewangan yang merentas sempadan dan berada di bawah kuasa mereka.³⁸ MOU juga ditandatangani dengan bank pusat Qatar. MOU dengan Qatar mewujudkan kerjasama dalam pengawalan dan bantuan teknikal. Berikutan dengan perjanjian ini, kedua-dua pihak dapat berkongsi maklumat dalam pengawalan operasi institut kewangan yang merentas sempadan dan berada di bawah pengawalan mereka.³⁹

Bursa Singapura dan bursa Abu Dhabi juga telah menandatangani memorandum pada Januari tahun 2007. Memorandum ini membolehkan kedua-dua pihak berkongsi maklumat, bekerjasama dalam program pertukaran pekerja dan meneroka perdagangan yang merentas sempadan. Perjanjian ini selaras dengan niat kerajaan Singapura dan UAE untuk meneroka ikatan dalam industri seperti pasaran modal. Memorandum ini bukan sahaja memudahkan kemasukan bursa Abu Dhabi ke Asia, tetapi juga mencerminkan Singapura sebagai pilihan pasaran Asia Barat.⁴⁰ Selain itu, MOU juga

³⁷ ND 20091214003, Monetary Authority of Singapore-Central Bank of Bahrain Joint Press Release, Central Bank of Bahrain and the Monetary Authority of Singapore Sign MOU, 7 Dis. 2009.

³⁸ ND 20090331006, Monetary Authority of Singapore Press Release, MAS Signs MOU with the Central Bank of the United Arab Emirates, 24 Mac 2009.

³⁹ ND 20090514007, Monetary Authority of Singapore Press Release, Monetary Authority of Singapore Signs MOU with Qatar Central Bank, 6 Mei 2009.

⁴⁰ "SGX, Abu Dhabi Exchange Tie Up", *The Business Times*, 31 Jan. 2007, hlm. 8.

telah ditandatangani dengan bursa Bahrain untuk mewujudkan saluran pertukaran maklumat dalam operasi, struktur pengawalan dan ekuiti produk.⁴¹

Singapura juga menunjukkan minat dalam perbankan Islam apabila menghantar rombongan ke Kuwait untuk mempelajari operasi bank Islam.⁴² Penceburan Singapura dalam bidang ini menjadikan kedudukan Singapura sebagai pusat kewangan antarabangsa lebih sempurna. Walaupun aset perbankan Islam masih kurang daripada 20 peratus berbanding jumlah aset perbankan konvensional, namun bidang ini terus berkembang, dan lapan bank Asia Barat telah pun beroperasi di Singapura sejak akhir tahun 2005.⁴³

Perjanjian Cukai Dua Kali (DTA) juga telah ditandatangani dengan Qatar dan Arab Saudi. DTA meringankan beban pelabur Singapura di Qatar dan Arab Saudi kerana pencucuaian hanya dikenakan oleh satu pihak sahaja dengan syarat-syarat tertentu. Begitu juga dengan beban cukai pelabur Qatar dan Arab Saudi yang melabur di Singapura. Qatar dan Arab Saudi mengizinkan rakyat mereka yang memperoleh pendapatan dari Singapura agar dikecualikan cukai sama seperti jumlah cukai yang dibayar kepada kerajaan Singapura. Pihak Singapura juga mengambil polisi yang sama tetapi mengizinkan pengecualian terhadap cukai dividen yang dibayar kepada kerajaan Qatar atau Arab Saudi dengan syarat syarikat Singapura memiliki lebih daripada 10 peratus pemilikan di Qatar atau Arab Saudi.⁴⁴

Singapura juga telah menandatangani Perjanjian Jaminan Pelaburan (IGA) dengan Oman dan Arab Saudi. Perjanjian ini memberi pelabur lebih keyakinan dan

⁴¹ "Singapore Exchange and Bahrain Stock Exchange Sign MOU to Foster Closer Relationship", *Albawa*, 16 Okt. 2008, diakses pada 18 Sept. 2014, daripada <http://www.albawaba.com/business/singapore-exchange-and-bahrain-stock-exchange-sign-mou-foster-closer-relationship>.

⁴² "SM Goh: Team to Study Kuwait Islamic Banking", *The Business Times*, 13 Apr. 2005, hlm. 4.

⁴³ "M-E Funds Managed in S'pore Hit \$28b", *The Business Times*, 7 Mac 2007, hlm. 1.

⁴⁴ Agreement between the Government of the Republic of Singapore and the Government of the State of Qatar for the Avoidance of Double Taxation and the Prevention of Fiscal Evasion with Respect to Taxes on Income, 28 Nov. 2006; Agreement between the Government of the Republic of Singapore and the Government of the Kingdom of Saudi Arabia for the Avoidance of Double Taxation and the Prevention of Tax Evasion with Respect to Taxes on Income, 3 Mei 2010.

perlindungan apabila melabur di negara yang terlibat dalam perjanjian. Arab Saudi merupakan negara anggota GCC kedua yang menandatangani IGA dengan Singapura diikuti dengan Oman.⁴⁵ IGA yang ditandatangani ini merupakan salah satu syarat dalam Perjanjian Perdagangan Bebas antara Singapura dengan GCC (GSFTA). Semua anggota GCC dikehendaki untuk menandatangani IGA dengan Singapura dalam masa dua tahun dari tahun penguatkuasaan GSFTA.

Singapura juga menandatangani MOU dengan Arab Saudi berkenaan kerjasama dalam bidang perdagangan. MOU ini membolehkan kerajaan kedua-dua negara bekerjasama dalam bidang seperti perkembangan dan promosi eksport serta perkembangan syarikat kecil dan sederhana.⁴⁶

Sektor Teknologi

Singapura juga giat bekerjasama dengan GCC dalam bidang teknologi air. IE, Menteri Alam Sekitar dan Sumber Air bersama-sama dengan syarikat yang terlibat dalam perkhidmatan alam sekitar telah melawat Arab Saudi pada Jun tahun 2007. Delegasi dari Arab Saudi, Oman, Bahrain dan Qatar juga telah melawat Singapura. Delegasi ini menunjukkan minat mereka untuk mempelajari pengalaman Singapura dalam pengurusan air, selain turut menunjukkan minat untuk bekerjasama dengan syarikat Singapura dalam projek berkenaan. Bagi memasuki pasaran Asia Barat dengan lebih mudah dan lebih berkesan, *Singapore Water Solutions Alliance* yang menggabungkan syarikat-syarikat air di Singapura telah ditubuhkan.⁴⁷

⁴⁵ "Singapore Signs Investment, Trade Deals with Saudi Arabia", *The Straits Times*, 11 Apr. 2006, hlm. 8; ND 20071210996, Ministry of Trade and Industry Press Release, Singapore and Oman Sign Investment Guarantee Agreement, 10 Dis. 2007.

⁴⁶ "Singapore Signs Investment, Trade Deals with Saudi Arabia", *The Straits Times*, 11 Apr. 2006, hlm. 4.

⁴⁷ "Water Companies Make Headway in Middle East", *The Business Times*, 12 Jul. 2007, hlm. 12.

Sembcorp merupakan antara syarikat yang berjaya memasuki pasaran GCC. *Sembcorp* berjaya mendapatkan kontrak untuk membina *Salalah Independent Water and Power Plant* di Oman. Salalah merupakan bandar kedua terbesar Oman. Loji air yang dibina akan dapat menghasilkan 57 juta liter air setiap hari, manakala loji tenaga dapat meningkatkan pengeluaran tenaga daripada 321MW kepada 766MW. *Sembcorp* juga telah mendapatkan syer sebanyak 40 peratus dalam projek *Fujairah 1 Independent Water and Power Plant* yang merupakan loji penyahgaraman hibrid yang terbesar di dunia. Projek demikian bukan sahaja menambah portfolio *Sembcorp* di Asia Barat, malah dapat mengukuhkan kedudukannya.⁴⁸

Infocomm Development Authority (IDA) Singapura dan *Information Technology Authority* (ITA) Oman menandatangani MOU berkenaan kerjasama dalam mengembangkan sektor ICT kedua-dua negara. IDA dan ITA bekerjasama dalam sektor kerajaan dan ekonomi yang memerlukan penggunaan ICT seperti pendidikan, kesihatan, kewangan dan pelancongan. Perkongsian maklumat dan pengalaman dalam bidang ini bukan sahaja mempercepat perkembangan ICT kedua-dua negara malah dapat mengeratkan hubungan antara mereka.⁴⁹

Kuwait dan Singapura juga giat dalam kerjasama dalam bidang e-Kerajaan. IDA telah menghasilkan Cetak Biru Pelaksanaan (*Implementation Blueprint*) berkenaan dengan penubuhan *IT Entity* baru dan Cetak Biru e-Kerajaan bagi kerajaan Kuwait berikutan memorandum yang ditandatangani pada tahun 2004. Singapura dan Kuwait telah membuat perjanjian memorandum kedua tentang kerjasama dalam e-Kerajaan pada tahun 2005. Berikutan perjanjian ini, Singapura menjadi penasihat Kuwait dalam urusan yang berkaitan dengan teknologi maklumat dan e-Kerajaan. Kedua-dua pihak

⁴⁸ “Sembcorp to Build \$1.4b Plant in Oman”, *The Straits Times*, 24 Nov. 2009, hlm. 49.

⁴⁹ Infocomm Development Authority of Singapore Press Release, Singapore and Oman Seal Co-operation in Infocomm Technology, 5 Nov. 2007.

juga bekerjasama dalam memilih sektor swasta yang sesuai untuk melaksanakan projek yang disenaraikan dalam Cetak Biru.⁵⁰

Dua buah syarikat teknologi Singapura iaitu NCS dan *Ecquaria* telah bekerjasama dengan *ictQATAR* dalam membina laman web “Hukoomi” untuk kerajaan Qatar. Laman web tersebut menggabungkan 48 entiti kerajaan serta memberi maklumat dan perkhidmatan dalam talian kepada warga Qatar dan pelawat. Selain itu, *Ecquaria* telah membina e-Perkhidmatan yang membolehkan pengguna untuk mendaftar peniagaan, memperbaharui pendaftaran peniagaan dan membuat bayaran dalam talian.⁵¹ Projek demikian menunjukkan keyakinan kerajaan Qatar terhadap syarikat Singapura.

IDA bekerjasama dengan *Central Agency for Information Technology* (CAIT) Kuwait dalam mempercepat pelaksanaan e-Kerajaan di Kuwait. IDA juga selaku penasihat kepada CAIT dalam perkara berkaitan dengan teknologi maklumat dan e-Kerajaan. Tiga MOU berkaitan telah ditandatangani. MOU pertama adalah untuk membantu penubuhan CAIT dan mewujudkan Cetak Biru (*Blueprint*) e-Kerajaan. MOU kedua melancarkan dua projek e-Kerajaan yang utama, manakala MOU ketiga memperkukuh lagi kerjasama dalam e-Kerajaan.⁵² IDA juga telah menandatangani MOU dengan *ictQATAR* yang bertujuan untuk mempercepat perkembangan ICT Qatar dalam sektor awam dan swasta, di samping mempromosikan pertukaran maklumat dan pengalaman.⁵³

⁵⁰ ND 20050913999, Minister of Information, Communications and the Arts Press Release, Singapore and Kuwait Further Collaborate on E-Government – The Signing of the Second MOU between Singapore and Kuwait, 13 Sept. 2005.

⁵¹ The Singapore Connection in Qatar, 1 Apr. 2008, diakses pada 8 Nov. 2014, daripada <http://www.ida.gov.sg/blog/insg/ict-enterprises/the-singapore-connection-in-qatar>.

⁵² “Singapore and Kuwait Strengthen e-Government Partnership”, *Infocomm News*, 1 Dis. 2008, diakses pada 6 Nov. 2014, daripada <http://www.ida.gov.sg/blog/insg/egov-sectors/singapore-and-kuwait-strengthen-e-government-partnership>.

⁵³ Press Release Issued by Infocomm Development Authority of Singapore and *ictQATAR*, Singapore Strengthens Strategic Relationship with Qatar, 28 Nov. 2006.

Singapore Cooperation Enterprise (SCE) juga menandatangani MOU dengan Kementerian Ekonomi Nasional untuk Perkembangan Hal Ehwal Oman bagi mempromosi kerjasama yang lebih erat dan bertukar maklumat dalam bidang ICT. SCE juga bekerjasama dengan sektor awam dan syarikat Singapura untuk melaksanakan projek ICT untuk kementerian Oman ini.⁵⁴

Sebuah MOU telah ditandatangani dengan UAE berkenaan kerjasama dalam bidang alam sekitar dan air. Berikutan MOU tersebut, Singapura dan UAE bakal bekerjasama dalam bidang perlindungan dan pelestarian alam semula jadi, penyelidikan air, pembinaan keupayaan dalam pengurusan air dan alam serta peningkatan kesedaran terhadap alam.⁵⁵

Sektor Perkhidmatan Kesihatan

Selain itu, Singapura dan GCC juga bekerjasama dalam bidang perkhidmatan penjagaan kesihatan. Satu perjanjian tentang perkhidmatan pengurusan telah ditandatangani antara pakar penjagaan kesihatan Singapura, *Asiamedic Limited* dengan pakar penjagaan kesihatan Abu Dhabi, *Mubadala Healthcare* untuk menubuhkan pusat diagnosis di Arzanah. *Asiamedic* diberi tanggungjawab untuk menguruskan sebuah pusat pemeriksaan yang memberikan perkhidmatan kepada ekspatriat yang perlu menjalankan pemeriksaan badan, iaitu salah satu syarat dalam permohonan visa.⁵⁶

Hospital Singapura juga mempunyai potensi untuk melabur di *Dubai Healthcare City*. *Dubai Healthcare City* yang memuatkan kumpulan perubatan mempunyai

⁵⁴ “Singapore Cooperation Enterprise Signs MOU with Oman Ministry of National Economy for Development Affairs”, 31 Jul. 2007, diakses pada 5 Nov. 2014, daripada <http://www.sce.gov.sg/pdf/newsroom/2007/July-2007/Oman-News-Release-31-Jul-07.pdf>.

⁵⁵ ND 20080625978, Ministry of the Environment and Water Resources Press Release, Singapore Signs Memorandum of Understanding on Water and Environmental Cooperation with the UAE, 25 Jun 2008.

⁵⁶ ND 20110127006, IE Singapore’s Media Release – Joint Media Release, Singapore and Abu Dhabi Explore Collaboration in Semi-Conductors, and Water and Wastewater Management at 5th Abu Dhabi-Singapore Joint Forum, 20 Jan. 2011. Menurut *Kamus Dewan*, ekspatriat merupakan orang yang tinggal di negara asing. Lihat *Kamus Dewan*, Edisi Ketiga, hlm. 329.

kemudahan yang bernilai sebanyak S\$3.5 bilion. Sebahagian pesakit dari Oman telah pun melawat hospital di Singapura. Jika hospital di Singapura bekerjasama dengan *Dubai Healthcare City*, maka pesakit di Oman boleh berkunjung ke hospital Singapura yang berada di Dubai. Tambahan pula, kerjasama ini juga membolehkan Singapura untuk memasuki pasaran perubatan Dubai.⁵⁷

Sektor Pendidikan

Bidang pendidikan juga merupakan salah satu bidang kerjasama yang diberikan perhatian ketika era pentadbiran Lee Hsien Loong. Sebuah delegasi yang terdiri daripada *APMI Kaplan*, *NTUC Childcare Cooperative*, *Republic Polytechnic*, *Singapore Institute of Management* dan *Singapore Management University* (SMU) telah melawat UAE pada tahun 2007 untuk meneroka peluang di sana. Delegasi ini juga cuba mendapatkan rakan kerjasama untuk mendirikan sekolah dan pusat latihan. *National Institute of Education* (NIE), *Nanyang Technological University* dan *Abu Dhabi Educational Council* telah menandatangani sebuah perjanjian pada tahun 2006 untuk memberi perkhidmatan khidmat nasihat berkaitan latihan dalam bidang pendidikan kepada pendidik di Abu Dhabi.⁵⁸

Sektor Penerbangan

Perjanjian Ruang Udara Terbuka (OSA) telah ditandatangani dengan Bahrain, Kuwait dan Oman. OSA membolehkan syarikat penerbangan pihak yang terlibat dalam perjanjian untuk memilih mana-mana laluan antara kedua-dua pihak tanpa sekatan had kekerapan penerbangan. Misalnya, syarikat penerbangan Singapura dan Bahrain dibenarkan menggunakan lapangan terbang pihak yang terlibat dalam perjanjian sebagai

⁵⁷ "Rival? S'pore, Dubai Don't See It That Way", *The Business Times*, 4 Feb. 2008, hlm. 2.

⁵⁸ "S'pore Education Players Look to UAE", *Today*, 7 Feb. 2007, hlm. 31.

hab untuk penerbangan ke negara ketiga.⁵⁹ Perjanjian ini akan dapat menambah kekerapan penerbangan antara Singapura dengan Bahrain, Kuwait dan Oman seterusnya memudahkan perjumpaan pedagang.

Sektor Pembuatan Makanan

Usaha Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) dalam mendapatkan pengiktirafan antarabangsa berkenaan dengan sijil halal telah mendatangkan hasil apabila UAE mengiktirafkan sijil halal MUIS pada September tahun 2006. UAE merupakan negara Asia Barat pertama yang mengiktirafkan sijil MUIS. Pengiktirafan ini adalah penting kerana UAE merupakan pintu gerbang untuk memasuki pasaran makanan halal Asia Barat yang bernilai lebih daripada \$19 bilion.⁶⁰ Berikutan pengiktirafan ini, jumlah nilai eksport makanan dan minuman ke UAE meningkat sebanyak 67 peratus pada tahun 2007,⁶¹ manakala nilai eksport ke GCC meningkat 10 peratus setiap tahun dari tahun 2006 hingga tahun 2009, dan nilai pada tahun 2009 mencapai S\$291 juta. 25 Syarikat pembuatan makanan Singapura mengambil kesempatan ini untuk menyertai pameran makanan yang terbesar di Asia Barat, iaitu “Gulfood” pada Februari tahun 2010. Penyertaan ini mendapat sokongan daripada IE.⁶²

Sektor Industri Minyak dan Bahan Kimia

Pada Jun tahun 2007, Singapura telah bekerjasama dengan Kuwait dan India untuk mendirikan sebuah loji petrokimia di Jurong Island, Singapura untuk menghasilkan

⁵⁹ Civil Aviation Authority of Singapore Media Release, Singapore and Bahrain Sign Open Skies Agreement, 7 Apr. 2005; Civil Aviation Authority of Singapore Media Release, Singapore Concludes Open Skies Agreement with Kuwait, 4 Nov. 2008; Civil Aviation Authority of Singapore Media Release, Singapore Concludes Open Skies Agreement with Oman, 11 Feb. 2009.

⁶⁰ “Sijil Halal MUIS Kini Diiktiraf di UAE”, *Berita Harian*, 14 Okt. 2006, hlm. 1.

⁶¹ “S’pore F&B Exports to UAE Up 67% to \$171m”, *The Business Times*, 25 Feb. 2008, hlm. 9.

⁶² ND 20100228001, Singapore IE Media Release, Big Appetite Among Singapore Food Players for Opportunities in the Middle East, 21 Feb. 2010.

minyak parafin biasa berikutan penggunaan produk pencuci yang dijangkakan meningkat.⁶³ Selain kerjasama dengan Kuwait, Singapura juga menyatakan keinginannya untuk melabur dalam bidang petrokimia dan pengawalan pencemaran di Arab Saudi. Pihak Arab Saudi juga menyatakan keinginannya untuk menjalankan pelaburan asing dalam bidang petrokimia selain bidang infrastruktur, tenaga dan pelancongan.⁶⁴ Hal ini menunjukkan kerjasama dua hala antara Singapura dengan negara-negara anggota GCC dan kerjasama dalam sektor minyak tidak terhad kepada pemrosesan minyak mentah sahaja.

Sektor Awam

SCE dan Kementerian Kewangan Bahrain telah menandatangani MOU berkenaan kerjasama dalam sektor perkhidmatan awam. Singapura akan berkongsi kepakaran dan pengalaman dengan Kementerian Kewangan Bahrain bagi membantu Bahrain dalam bidang seperti pengurusan tanah dan perkembangan tenaga pekerja.⁶⁵ Anggota-anggota GCC memerlukan bantuan kepakaran dari Singapura bagi mengembangkan tenaga pekerja supaya polisi mempelbagaikan ekonomi dapat dijalankan.

Selain itu, SCE turut menandatangani perjanjian dengan Kementerian Kewangan Qatar untuk membantu penstrukturan semula polisi dan sistem kementerian ini.⁶⁶ Singapura dan UAE juga telah menandatangani MOU berkenaan kerjasama antara

⁶³ "S'pore Inks US\$110m Petrochemical Plant Deal", *The Business Times*, 5 Jun 2007, hlm. 2. Menurut *Kamus Dewan*, parafin merupakan hidrokarbon cecair mudah terbakar yang didapati dengan menyuling petroleum dan digunakan terutamanya sebagai bahan api. Lihat *Kamus Dewan*, Edisi Ketiga, hlm. 979.

⁶⁴ Singapore to Invest in Saudi Industries, 4 Dis. 2006, diakses pada 17 Sept. 2014, daripada <http://www.icis.com/Articles/2006/12/02/2017795/Singapore-to-invest-in-Saudi-industries.html>.

⁶⁵ "Singapore Cooperation Enterprise Signs Memorandum of Understanding with the Ministry of Finance of the Kingdom of Bahrain for Public Sector Collaboration", *Singapore Cooperation Enterprise*, 19 Feb. 2008, diakses pada 6 Nov. 2014, daripada <http://www.sce.gov.sg/pdf/newsroom/2008/February-2008/Bahrain-MOU-News-Release-19-Feb-08.pdf>.

⁶⁶ Press Release Issued by Singapore Cooperation Enterprise and Qatar Ministry of Finance, Singapore Cooperation Enterprise Signs Agreement with Qatar Ministry of Finance for Singapore Ministry of Finance to Share Its Expertise, 10 Mei 2007.

Kementerian Kewangan kedua-dua negara bagi berkongsi pengalaman dalam pengurusan kewangan awam.⁶⁷

Sebuah MOU untuk mewujudkan *Qatar-Singapore High-Level Joint Committee* telah ditubuhkan untuk mempromosikan dan mengembangkan hubungan dua hala dalam semua sektor. Antara bidang kerjasama yang dikenal pasti ialah perdagangan dan pelaburan, alam sekitar, tenaga, teknologi maklumat dan komunikasi, kewangan, keselamatan, pendidikan dan kesihatan.⁶⁸

Perjanjian Perdagangan Bebas antara Singapura dengan GCC (GSFTA)

Singapura dan GCC telah mengumunkan pelancaran perbincangan Perjanjian Perdagangan Bebas antara Singapura dengan GCC (GSFTA) pada 25 November 2006 ketika lawatan PM Lee Hsien Loong ke Arab Saudi. Perbincangan pertama telah berlangsung pada Januari tahun 2007. GSFTA akhirnya dipersetujui pada 31 Januari 2008 selepas empat perbincangan dijalankan.⁶⁹

GSFTA telah dikuatkuasakan secara rasmi pada 1 September 2013. Perjanjian ini melambangkan kemuncak hubungan ekonomi antara Singapura dengan GCC. Perjanjian ini merupakan perjanjian pertama Singapura dengan GCC, dan juga perjanjian pertama GCC dengan negara bukan Asia Barat. Perjanjian ini meningkatkan daya saing Singapura di GCC kerana 99 peratus daripada barangan Singapura akan dikecualikan daripada pengenaan tarif berbanding 10 peratus sebelum berkuatkuasanya perjanjian ini. Sektor utama yang mendapat manfaat termasuk telekomunikasi, peralatan

⁶⁷ ND 20090317003, Minister of Foreign Affairs Press Release, Visit by Deputy Prime Minister of the United Arab Emirates His Highness Sheikh Hamdan Bin Zayed Al Nahyan, 7 To 11 March 2009, 9 Mac 2009.

⁶⁸ "Singapore and Qatar Ink MOU for Closer Bilateral Ties" *The Straits Times*, 11 Okt. 2006, hlm. 16.

⁶⁹ ND 20130908002, Press Release Issued by Ministry of Trade and Industry and Ministry of Foreign Affairs, Gulf Cooperation Council-Singapore Free Trade Agreement Enters into Force, 1 Sept. 2013.

elektrik dan elektronik, petrokimia, mesin dan industri besi. Singapura pula akan memberi pengecualian tarif kepada semua barangan daripada anggota GCC.⁷⁰

Melalui perjanjian ini, Singapura akan diberi keutamaan akses ke perkhidmatan profesional seperti guaman, perakaunan dan kejuruteraan serta perkhidmatan perniagaan seperti pembinaan, pengagihan dan perkhidmatan di hospital. GCC juga akan diberikan keutamaan demikian.⁷¹

Negara anggota GCC juga melonggarkan syarat pemilikan ekuiti oleh warga asing berikutan perjanjian ini. Misalnya, Oman membenarkan pemilikan 100 peratus kepada warga asing dalam sektor pembinaan. Kuwait pula membenarkan pemilikan 100 peratus dalam sektor pembinaan, perbankan, insurans, teknologi maklumat dan perkembangan perisian, hospital dan perkhidmatan kesihatan lain, pelancongan serta hotel, budaya, maklumat dan pemasaran.⁷²

Pensijilan halal oleh MUIS juga dimasukkan sebagai salah satu perkara dalam perjanjian ini. Kuwait, Qatar dan UAE telah bersetuju untuk mengiktiraf sijil halal MUIS manakala Bahrain, Oman dan Arab Saudi bersetuju untuk berbincang tentang pengiktirafan sijil ini.⁷³ Pengiktirafan ini akan memudahkan lagi pengeksportan makanan dan minuman dari Singapura ke Asia Barat. Asia Barat mempunyai pasaran makanan halal yang besar, terutamanya Arab Saudi. Pengiktirafan ini akan meningkatkan nilai eksport makanan Singapura ke Asia Barat dan lebih ramai warga Asia Barat akan melancong ke Singapura kerana tidak perlu risau tentang makanan yang dibeli di Singapura.

⁷⁰ "Singapore and the Gulf Cooperation Council (GCC) Sign Free Trade Agreement", *IE Singapore*, 15 Dis. 2008, diakses pada 10 Mei 2015, daripada http://www.fta.gov.sg/fta_C_gsfta.asp?hl=49.

⁷¹ Ibid.

⁷² Ibid.

⁷³ Ibid.

Kesimpulan

Pemimpin kerajaan Singapura yang terdiri daripada MM Lee Kuan Yew, MK Goh Chok Tong, PM Lee Hsien Loong, Presiden Nathan dan TPM Jayakumar telah giat menjalankan lawatan ke GCC. Wakil dari GCC yang terdiri daripada Putera Mahkota, Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Amir juga melawat Singapura. Lawatan oleh pemimpin Singapura bukan sahaja menunjukkan pihak kerajaan Singapura menitikberatkan hubungan antara Singapura dengan GCC malah dapat memperkukuh hubungan dan membuka jalan kepada pedagang yang ingin melabur di Singapura atau GCC.

Pelbagai forum dan panel kerjasama ditubuhkan hasil daripada hubungan perdagangan yang erat antara Singapura dengan GCC. Forum antara Singapura dengan anggota GCC bukan sahaja dapat meningkatkan persefahaman dan pergaulan antara pedagang kedua-dua negara, malah dapat mengeratkan hubungan dan mewujudkan kerjasama antara kedua-dua pihak. Kerjasama erat antara kedua-dua pihak telah menyebabkan universiti di Singapura memasukkan sukatan pelajaran yang berkaitan dengan Asia Barat dalam sukatan pelajaran dan kursus. Sukatan ini bukan sahaja mendedahkan pelajar dengan suasana di Asia Barat secara teori, malah pelajar diberi peluang untuk melawat Asia Barat.

GCC yakin dengan kepakaran Singapura dalam bidang kewangan, teknologi maklumat dan teknologi air. Misalnya, bursa dan bank pusat negara anggota GCC menandatangani MOU dengan pihak Singapura bagi berkongsi maklumat. Kuwait dan Qatar pula mendapat bantuan daripada Singapura untuk mewujudkan e-Kerajaan. Syarikat *SembCorp* yang berjaya mendapatkan kontrak pembinaan loji tenaga dan loji penyahgaraman di Oman menunjukkan keyakinan GCC terhadap kepakaran syarikat Singapura dalam teknologi air.

Pelbagai memorandum persefahaman dan perjanjian yang melibatkan pengecualian cukai, jaminan pelaburan, teknologi maklumat, perkhidmatan udara dan sebagainya juga telah ditandatangani. Antara perjanjian yang memberi impak positif yang besar terhadap perdagangan ialah GSFTA yang melibatkan pelbagai aspek perdagangan dan memberi manfaat yang ketara kepada pelabur Singapura dan GCC.

University of Malaya

KESIMPULAN

Hubungan perdagangan awal antara Singapura dengan Asia Barat terjalin sejak abad ke-9 lagi apabila masyarakat Hadrami mula berdagang ke Alam Melayu. Kedatangan masyarakat Hadrami pada abad ke-19 dialu-alukan oleh Stamford Raffles. Hubungan antara Singapura dengan Asia Barat dari tahun 1819 hingga tahun 1965 memperlihatkan penglibatan masyarakat Hadrami dalam ibadah haji serta sektor barangan pengguna dan hartanah. Peranan masyarakat Hadrami dalam kegiatan ekonomi Singapura semakin berkurangan disebabkan oleh polisi kerajaan Singapura dan juga kedatangan orang Cina yang mengambil alih peranan mereka.

Hubungan perdagangan antara Singapura dengan Asia Barat selepas tahun 1981 dapat dilihat melalui misi perdagangan Singapura ke Asia Barat dan misi perdagangan Asia Barat ke Singapura, kerjasama dalam bidang kewangan, pengangkutan, pembuatan dan teknologi, serta melalui perjanjian yang dimeterai antara kedua-dua pihak dan juga nilai statistik perdagangan antara Singapura dengan Asia Barat.

Misi perdagangan dari Singapura terdiri daripada misi yang dijalankan oleh agensi kerajaan dan dewan perniagaan. Antara agensi kerajaan Singapura yang terlibat ialah *Economic Development Board (EDB)*, *Trade Development Board (TDB)* dan *International Enterprise (IE) Singapore* (nama asal ialah TDB). Dewan perniagaan yang terlibat pula terdiri daripada *Singapore Manufacturers' Association (SMA)*, *Singapore Malay Chamber of Commerce (SMCC)*, *Singapore Malay Chamber of Commerce and Industry (SMCCI)* (nama asal ialah SMCC), *Singapore Chinese Chamber of Commerce and Industry (SCCCI)* dan *Singapore Business Federation (SBF)*.

Misi perdagangan juga dijalankan oleh pemimpin dan Menteri Singapura. Antara pemimpin Singapura yang melawat GCC ialah Menteri Mentor (MM) Lee Kuan Yew, Menteri Kanan (MK) Goh Chok Tong, Perdana Menteri (PM) Lee Hsien Loong,

Presiden Nathan dan Timbalan Perdana Menteri (TPM) Jayakumar. Lawatan oleh menteri pula dijalankan oleh Menteri Luar Negeri, Menteri Perdagangan dan Industri, Menteri Alam Sekitar dan Sumber Air, Menteri Pengangkutan serta Menteri Perumahan.

Hubungan dua hala ditunjukkan apabila pihak GCC juga melawat Singapura. *Council of Saudi Chambers of Commerce and Industry (CSCCI)* dan *Abu Dhabi Chamber of Commerce and Industry (ADCCI)* merupakan antara dewan perniagaan dari GCC yang melawat Singapura. Pemimpin Asia Barat yang terdiri daripada Putera Mahkota, Amir, Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri anggota GCC turut melawat Singapura. Menteri dari negara anggota GCC yang melawat Singapura pula terdiri daripada Menteri Luar Negeri serta Menteri Perdagangan dan Industri.

Antara bidang kerjasama utama ialah kerjasama dalam sektor perbankan, kewangan, penerbangan, perkapalan, pembuatan, kejuruteraan, teknologi maklumat dan teknologi air. Sektor pembuatan merangkumi pembuatan makanan, perabot, bahan binaan, komputer, aksesori elektrik, peralatan pejabat dan perniagaan serta farmaseutikal dan peralatan perubatan.

Perjanjian yang dimeterai secara umumnya dapat dibahagikan kepada beberapa jenis iaitu perjanjian berkaitan dengan perkhidmatan udara, pencukaian dua kali dan perjanjian tentang perdagangan. Perjanjian Perkhidmatan Udara telah ditandatangani dengan Oman (1987), manakala Perjanjian Ruang Udara Terbuka (OSA) telah ditandatangani dengan UAE (2004), Bahrain (2005), Kuwait (2008) dan Oman (2009). Perjanjian Perkhidmatan Udara bagi mengelakkan pencukaian dua kali telah ditandatangani dengan UAE (1989), Arab Saudi (1991), Bahrain (1993) dan Oman (1998).

Perjanjian Cukai Dua Kali (DTA) yang tidak terhad kepada perkhidmatan udara sahaja telah ditandatangani dengan UAE (1995), Oman (2004), Bahrain (2004), Qatar

(2006) dan Arab Saudi (2010). Perjanjian Jaminan Pelaburan (IGA) telah ditandatangani dengan Oman (2007). Perjanjian Perdagangan Bebas antara Singapura dengan GCC (GSFTA) pula telah dimeterai antara Singapura dengan GCC pada tahun 2013.

Nilai eksport ke GCC dan juga nilai import dari GCC ke Singapura menunjukkan pertambahan terutamanya ketika era Lee Hsien Loong yang menunjukkan peningkatan secara mendadak. Secara puratanya, nilai eksport dari Singapura ke GCC setiap tahun semasa era Lee Kuan Yew ialah S\$1,699 juta, era Goh Chok Tong ialah S\$2,444 juta, dan era Lee Hsien Loong ialah S\$7,526 juta. Secara puratanya, nilai import dari GCC ke Singapura setiap tahun semasa era Lee Kuan Yew ialah S\$7,396 juta, era Goh Chok Tong S\$11,959 juta, dan era Lee Hsien Loong S\$40,351 juta.

Nilai import dari GCC ke Singapura dipengaruhi oleh harga minyak dunia disebabkan minyak petroleum merupakan barangan utama diimport dari GCC. Nilai import dari GCC menunjukkan penurunan apabila krisis minyak berlaku pada tahun 1986 dan 1998. Nilai import ini juga dipengaruhi oleh Krisis Kewangan Asia tahun 1997, dan Krisis Kewangan Dunia tahun 2009. Krisis minyak mengurangkan daya beli GCC seterusnya mengurangkan import dari Singapura. Krisis Kewangan Asia yang mengurangkan daya beli kawasan Asia dan Krisis Kewangan Dunia yang mengurangkan daya beli sedunia menyebabkan pengimportan minyak ke Singapura berkurangan berikutan permintaan terhadap minyak semakin berkurangan.

Ketiga-tiga era pentadbiran Lee Kuan Yew, Goh Chok Tong dan Lee Hsien Loong menunjukkan persamaan dalam mewujudkan dan mengeratkan hubungan dengan Asia Barat. Agensi-agensi kerajaan Singapura telah memainkan peranan bagi ketiga-tiga era pentadbiran ini. EDB telah berusaha mempromosikan Singapura kepada GCC apabila menjalankan lawatan ke sana. TDB juga mengadakan lawatan ke GCC. Hal ini menunjukkan TDB menitikberatkan hubungan perdagangan dengan GCC. TDB juga

terlibat dengan pameran di GCC dan mengadakan seminar untuk membolehkan pedagang yang telah menceburi pasaran Asia Barat berkongsi pengalaman dengan peniaga Singapura. TDB juga cekap merebut peluang perniagaan yang ada di Kawasan Perdagangan Bebas Jebel Ali dan peluang yang wujud ekoran pemulihan ekonomi Kuwait.

Dewan perniagaan Singapura juga memainkan peranan dalam menjalinkan hubungan perdagangan dengan GCC. SMA, SMCC, SCCCI dan SBF telah membawa misi perdagangan yang terdiri daripada syarikat daripada pelbagai bidang untuk meneroka peluang perdagangan di GCC. SMA dan SMCC telah menganjurkan pameran bagi mempromosikan barangan Singapura. Dewan perniagaan Singapura juga menubuhkan pusat atau organisasi yang dapat membantu kemasukan peniaga Singapura ke pasaran Asia Barat. Antaranya ialah *Arab Business Centre* (ABC) yang ditubuhkan oleh SMA dan *Middle East Business Group* (MEBG) yang ditubuhkan oleh SBF. Hal ini menunjukkan dewan perniagaan Singapura menyedari peluang perniagaan yang lumayan di Asia Barat dan kepentingan Asia Barat sebagai rakan perdagangan Singapura yang penting sehinggalah organisasi ditubuhkan khas untuk urusan perniagaan dengan GCC.

Ketiga-tiga era memperlihatkan lawatan Menteri Singapura ke GCC terutamanya Menteri Luar Negeri serta Menteri Perdagangan dan Industri yang memulakan lawatan sejak era Lee Kuan Yew lagi. Lawatan Menteri Singapura secara amnya mewujudkan pertemuan antara Menteri Singapura dengan rakan sejawat mereka di GCC bagi membincangkan cara untuk mengeratkan hubungan ekonomi dan mengembangkan hubungan ekonomi dengan GCC. Selain itu, menteri dari GCC juga melawat Singapura. Menteri Luar Negeri dari GCC juga pernah melawat Singapura sejak era Lee Kuan Yew lagi.

Singapura dan GCC menunjukkan kerjasama berterusan dalam bidang penerbangan, pembuatan makanan, kewangan, teknologi dan pemprosesan minyak. Pelbagai perjanjian berkaitan dengan perkhidmatan udara telah ditandatangani. OSA ditandatangani dengan anggota GCC semasa era Goh Chok Tong dan era Lee Hsien Loong, manakala perjanjian perkhidmatan udara bagi mengelakkan pencukaian dua kali telah ditandatangani dengan anggota GCC semasa era Lee Kuan Yew dan era Goh Chok Tong.

Bidang pembuatan makanan halal merupakan salah satu bidang yang diberikan tumpuan disebabkan populasi Islam yang besar di GCC. Misi telah dihantar ke GCC untuk mempromosikan dan mendapatkan tempahan bagi makanan yang dihasilkan di Singapura. Pameran turut diadakan untuk mempromosikan produk makanan Singapura. Pameran makanan di GCC juga disertai oleh syarikat dari Singapura.

Selain persamaan, terdapat perbezaan dalam hubungan perdagangan dengan GCC di bawah ketiga-tiga Perdana Menteri Singapura. Dasar atau tumpuan Singapura dalam suatu bidang dalam satu jangka masa mempengaruhi bidang kerjasama antara Singapura dengan GCC. Sejak tahun 1970-an, Singapura beralih tumpuan kepada aktiviti ekonomi yang mempunyai nilai yang lebih tinggi seperti sektor kewangan, telekomunikasi dan bidang pembuatan komputer. Justeru, sektor kewangan, telekomunikasi dan bidang pembuatan komputer merupakan antara bidang kerjasama antara Singapura dengan GCC semasa era Lee Kuan Yew.

Kestabilan politik dan ekonomi Singapura serta ketidakstabilan di Hong Kong telah mengalih tumpuan pihak GCC untuk menubuhkan cawangan bank di sana. Status Singapura sebagai pusat kewangan juga menarik perhatian pelabur GCC untuk menubuhkan bank Islam di Singapura. Kerjasama dalam bidang telekomunikasi pula dapat dilihat apabila Singapura menjadi salah satu stesen satelit yang bertujuan untuk

mempercepat penghantaran maklumat penerbangan jarak jauh antara Asia dengan Asia Barat.

Kerjasama dalam bidang komputer dilihat apabila UAE mengundang Singapura untuk menyertai pameran komputer di *Dubai World Trade Centre*. Syarikat komputer dari Singapura juga menyertai pameran “Saudi Business ’85” dan pameran “Saudi Computer ’89”. Misi perdagangan yang terdiri daripada syarikat yang menceburi bidang perkakasan dan perisian komputer juga melawat GCC bagi mendapatkan tempahan barangan berkenaan.

Era Goh Chok Tong mula memberi lebih tumpuan kepada industri teknologi. Kerjasama antara Singapura dengan GCC dapat dilihat melalui kerjasama dalam teknologi air. Kejayaan projek *NEWater* Singapura menyebabkan GCC berkunjung ke Singapura untuk mendapatkan maklumat tentang pengurusan air di Singapura.

Sektor kewangan masih menjadi bidang kerjasama antara Singapura dengan GCC. Kerjasama dalam bidang kewangan bertambah erat apabila DTA ditandatangani antara Singapura dengan UAE, Bahrain dan Oman. Pelaksanaan perjanjian ini mengurangkan beban cukai yang perlu dibayar seterusnya menarik lebih banyak pelabur asing.

Era Lee Hsien Loong lebih menumpukan kepada industri berasaskan pengetahuan. Teknologi air yang telah pun mendapat perhatian GCC sejak era Goh Chok Tong menjadi bidang kerjasama yang tidak kurang peranannya semasa era Lee Hsien Loong. Delegasi dari GCC menunjukkan minat untuk mempelajari pengalaman Singapura dalam pengurusan air serta berminat untuk bekerjasama dengan Singapura dalam projek yang berkaitan. Syarikat Singapura telah berjaya mendapatkan kontrak untuk membina loji air di GCC.

Singapura dan GCC juga bekerjasama dalam bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). Perbadanan teknologi maklumat Singapura dan GCC turut

menandatangani MOU yang membolehkan kerjasama kedua-dua pihak dalam mengembangkan sektor ICT kedua-dua pihak. Negara-negara dari GCC juga mendapatkan kepakaran Singapura dalam mewujudkan sistem e-Kerajaan di negara mereka.

Sektor perkhidmatan kesihatan dan pendidikan juga diberi perhatian. Hospital di Singapura telah bekerjasama dengan hospital di Abu Dhabi untuk menubuhkan pusat diagnosis di sana, manakala institut pendidikan di Singapura pula menandatangani perjanjian dengan perbadanan pendidikan di UAE untuk memberi khidmat nasihat berkenaan pendidikan.

Kepakaran Singapura dalam bidang ICT dan pendidikan penting kepada GCC kerana GCC kurang memiliki kepakaran dalam bidang tersebut. Pendidikan penting bagi GCC untuk melahirkan penduduk yang berupaya untuk mempelbagaikan ekonomi di negara masing-masing disebabkan kekayaan hasil mineral yang dimiliki merupakan sumber yang tidak dapat diperbaharui.

Sektor pembuatan makanan merupakan bidang yang diceburi sejak era Lee Kuan Yew lagi. Era Lee Kuan Yew dan era Goh Chok Tong memperlihatkan penghantaran misi ke GCC bagi mendapatkan tempahan makanan dari Singapura. Era Lee Hsien Loong memperlihatkan kejayaan usaha ini apabila sijil halal yang dikeluarkan oleh Singapura diiktiraf oleh UAE pada tahun 2006. Sijil halal ini juga diakui dalam perjanjian GSFTA yang ditandatangani pada tahun 2013.

Kerjasama dalam sektor kewangan bertambah erat lagi semasa era pentadbiran Lee Hsien Loong. *Monetary Authority of Singapore* (MAS) telah menandatangani MOU dengan bank pusat Bahrain, UAE dan Qatar bagi mewujudkan kerjasama antara bank pusat. MOU juga telah ditandatangani antara bursa Singapura dengan bursa Bahrain dan bursa Abu Dhabi.

Singapura wujud sebagai salah satu pusat penapisan minyak yang terbesar di dunia sejak tahun 1970-an lagi. *Bahrain National Oil Co* (BANOCO) dan *Kuwait Petroleum Corp* (KPC) telah menghantar minyak mentah untuk diproses di Singapura pada tahun 1990-an. Berikutan perkembangan dalam bidang ini hasil daripada kerjasama antara Singapura dengan GCC, Gua Batu Jurong telah dibina semasa era pentadbiran Lee Hsien Loong untuk dijadikan sebagai pusat penyimpanan produk petroleum.

Hubungan perdagangan antara Singapura dengan GCC semasa era Goh Chok Tong boleh dilihat sebagai usaha berterusan Singapura dalam mengukuhkan dan mengeratkan lagi hubungan dengan Asia Barat. Hubungan perdagangan antara kedua-dua pihak ini semakin erat semasa era Goh Chok Tong. Hal ini dapat dilihat melalui lawatan yang dijalankan oleh pemimpin negara kedua-dua pihak, perjanjian yang ditandatangani dan statistik perdagangan.

Lawatan oleh pihak kerajaan Singapura semasa era Lee Kuan Yew cuma memperlihatkan lawatan yang dijalankan oleh Menteri Singapura, tetapi era Goh Chok Tong memperlihatkan lawatan yang dijalankan oleh pemimpin negara Singapura iaitu Perdana Menteri Goh Chok Tong. Perhatian yang lebih serius juga diberikan oleh pihak GCC apabila Putera Mahkota Bahrain dan Perdana Menteri Bahrain turut melawat Singapura. Pemimpin negara Bahrain juga bertemu dengan rakan sejawat mereka di Singapura. Putera Mahkota Bahrain juga melawat EDB dan TDB, manakala Perdana Menteri Bahrain pula melawat *PSA Corporation*, *Urban Redevelopment Authority* (URA) dan *NEWater Visitors' Centre*.

Banyak perjanjian ditandatangani semasa era Goh Chok Tong berbanding era Lee Kuan Yew. Perjanjian yang dimeterai semasa era Goh Chok Tong tidak terhad kepada perjanjian berkenaan perkhidmatan udara sahaja. Hanya dua perjanjian berkenaan perkhidmatan udara sahaja ditandatangani semasa era Lee Kuan Yew. Era

Goh Chok Tong pula memperlihatkan tiga perjanjian berkenaan pengelakan pencukaian dua kali dalam perkhidmatan udara, tiga perjanjian berkenaan pengelakan pencukaian dua kali secara umum, dan satu perjanjian jaminan pelaburan ditandatangani antara Singapura dengan anggota-anggota GCC.

Nilai eksport telah meningkat sebanyak dua kali ganda semasa era Goh Chok Tong. Nilai eksport dari Singapura ke GCC pada tahun 1990 ialah S\$1,651 juta. Nilai eksport ini bertambah kepada S\$3,578 juta pada tahun 2003. Nilai import dari GCC ke Singapura pula meningkat daripada S\$7,704 juta pada tahun 1990 kepada S\$16,640 juta pada tahun 2003. Walaupun nilai perdagangan antara Singapura dan GCC dipengaruhi krisis minyak dan krisis ekonomi Asia, nilai perdagangan semasa era Goh Chok Tong adalah lebih tinggi secara keseluruhannya.

Hubungan perdagangan antara Singapura dengan GCC semasa era Lee Hsien Loong merupakan puncak hubungan perdagangan kedua-dua pihak tersebut. Hubungan perdagangan yang semakin erat dilihat melalui kekerapan lawatan pemimpin dan Menteri Singapura, panel kerjasama dan forum yang ditubuhkan, jumlah perjanjian dan MOU yang ditandatangani serta statistik perdagangan.

Lawatan ke GCC oleh pemimpin negara Singapura semasa era Lee Hsien Loong tidak terhad kepada Perdana Menteri sahaja, malah MM Lee Kuan Yew, MK Goh Chok Tong, Presiden Nathan dan TPM Jayakumar turut menjalankan lawatan ke GCC. Secara amnya, pemimpin Singapura bertemu dengan rakan sejawat mereka di GCC untuk berbincang tentang bidang kerjasama yang boleh diusahakan bersama, di samping mengeratkan hubungan antara kedua-dua negara melalui lawatan tersebut.

MK Goh Chok Tong merupakan pemimpin negara Singapura yang paling giat menjalankan lawatan ke GCC. Selain bertemu dengan rakan sejawat beliau, beliau juga bertemu dengan peniaga di GCC. Beliau juga menasihatkan pedagang Singapura

tentang peluang perniagaan yang ada di Asia Barat. PM Lee Hsien Loong dan Presiden Nathan pula memulakan lawatan pertama mereka ke GCC.

Lawatan oleh Menteri Singapura ke Asia Barat juga tidak terhad kepada lawatan oleh Menteri Luar Negeri serta Menteri Perdagangan dan Industri lagi. Menteri Alam Sekitar dan Sumber Air, Menteri Pengangkutan serta Menteri Perumahan juga telah melawat GCC bagi mengekalkan dan memperkukuh hubungan dengan GCC.

Pelbagai panel kerjasama dan forum ditubuhkan semasa era Lee Hsien Loong. Antaranya ialah *Asia Middle East Dialogue* (AMED) yang ditubuhkan hasil inovasi MK Gok Chok Tong sebagai platform untuk menyuarakan pendapat dan mempromosikan toleransi antara kawasan yang berlainan kepercayaan. MEBG pula ditubuhkan hasil inovasi SBF.

Terdapat juga beberapa panel dan forum yang ditubuhkan khusus untuk kerjasama dan perbincangan antara Singapura dengan salah sebuah negara anggota GCC. Antaranya ialah *Qatar-Singapore Business Forum* (QSBF), *Saudi-Singapore Business Council* (SSBC), *Singapore-Oman Business Council* (SOBC) dan *Abu Dhabi-Singapore Joint Forum* (ADSJF).

Selain perjanjian berkenaan perkhidmatan udara, pengelakan pencukaian dua kali dan jaminan pelaburan yang merupakan antara perjanjian yang ditandatangani semasa era Goh Chok Tong, terdapat juga perjanjian dan MOU berkenaan bidang lain yang ditandatangani. Antaranya ialah perjanjian untuk menubuhkan jawatankuasa bersama dan GSFTA. MOU yang ditandatangani melibatkan kerjasama dalam e-Kerajaan, sektor awam, perkembangan hal ehwal luar dan kewangan. MOU juga telah ditandatangani antara MAS dengan Bahrain dan UAE.

Nilai eksport dari Singapura ke GCC dan nilai import dari GCC ke Singapura telah meningkat secara mendadak berbanding dengan era Goh Chok Tong. Nilai eksport dari Singapura ke GCC telah meningkat sebanyak 173 peratus kepada S\$9,760 juta pada

tahun 2013 berbanding tahun 2003, manakala nilai import dari GCC ke Singapura pula telah meningkat sebanyak 69 peratus kepada S\$53,823 juta pada tahun 2013 berbanding tahun 2003.

Pelbagai langkah telah diambil oleh Singapura bagi menarik pelabur dari Asia Barat khususnya GCC. Antaranya ialah mengadakan misi perdagangan, mempamerkan barangan buatan Singapura di GCC, mempromosikan status halal makanan yang dihasilkan di Singapura serta menunjukkan kepakaran Singapura dalam bidang seperti teknologi air, perkapalan dan kejuruteraan. Pejabat konsul dan pejabat dagang telah diwujudkan di GCC. Pelbagai panel kerjasama juga telah diwujudkan bagi mengeratkan kerjasama antara Singapura dengan GCC.

Persamaan antara Singapura dengan GCC juga menarik perhatian pelabur Asia Barat untuk bekerjasama dengan Singapura. Misalnya, kedua-dua Singapura dan Bahrain bersaiz kecil dan menghadapi masalah kekurangan air minuman bekerjasama dalam bidang teknologi air. Status Singapura sebagai hab kewangan serantau juga menarik perhatian negara seperti Bahrain dan Dubai yang merupakan hab kewangan di Asia Barat untuk melabur di Singapura.

Walaupun kejatuhan harga minyak dan konflik di Asia Barat menjejaskan nilai eksport ke Asia Barat, namun begitu, misi perdagangan dari Singapura ke Asia Barat masih dijalankan. Nilai dagangan antara Singapura dengan Asia Barat pulih dan semakin meningkat selepas mengharungi krisis kejatuhan harga minyak dan konflik di Asia Barat.

Kajian terhadap misi perdagangan antara Singapura dengan GCC dan juga bidang kerjasama antara kedua-dua pihak telah menunjukkan bahawa hubungan perdagangan dua hala antara Singapura dengan GCC adalah erat. Pembabitan Singapura dalam sektor perbankan Islam dan sektor pembuatan makanan halal menunjukkan bahawa Singapura menitikberatkan GCC sebagai rakan perdagangan yang penting.

BIBLIOGRAFI

Perjanjian

Agreement between the Government of the Republic of Singapore and the Government of the Kingdom of Bahrain for the Avoidance of Double Taxation and the Prevention of Fiscal Evasion With Respect To Taxes on Income, 18 Feb. 2004.

Agreement between the Government of the Republic of Singapore and the Government of the Kingdom of Saudi Arabia for the Avoidance of Double Taxation and the Prevention of Tax Evasion with Respect to Taxes on Income, 3 Mei 2010.

Agreement between the Government of the Republic of Singapore and the Government of the State of Bahrain for Reciprocal Exemption With Respect To Taxes on Income Arising from the Business of International Air Transport, 25 Jun 1993.

Agreement between the Government of the Republic of Singapore and the Government of the State of Qatar for the Avoidance of Double Taxation and the Prevention of Fiscal Evasion with Respect to Taxes on Income, 28 Nov. 2006.

Agreement between the Government of the Republic of Singapore and the Government of the Sultanate of Oman for the Avoidance of Double Taxation of Income Derived from International Air Transport, 29 Jun 1998.

Agreement between the Government of the Republic of Singapore and the Government of the United Arab Emirates for Reciprocal Exemption With Respect To Taxes on Income Arising from the Business of International Air Transport, 27 Okt. 1989.

Agreement between the Government of the Republic of Singapore and the Government of the United Arab Emirates for the Avoidance of Double Taxation and the Prevention of Fiscal Evasion With Respect To Taxes on Income, 1 Dis. 1995.

Agreement between the Government of the Republic of Singapore and the Sultanate of Oman for the Avoidance of Double Taxation and the Prevention of Fiscal Evasion With Respect To Taxes on Income, 6 Okt. 2003.

Agreement between the Republic of Singapore and the Kingdom of Saudi Arabia for Reciprocal Exemption With Respect To Taxes on Income of Air Transport Enterprises of the Two Countries, 6 Ogos 1991.

Oman and Singapore: Agreement for Air Services Between and Beyond Their Respective Territories (with Annex), 18 Apr. 1987.

Akhbar

Berita Harian, 1974-2007.

Eastern Daily Mail and Straits Morning Advertiser, 1906.

New Nation, 1974.

Singapore Monitor, 1982-1985.

The Business Times, 1981-2008.
The Singapore Free Press, 1959.
The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser (1884-1942), 1937.
The Straits Times, 1970-2009.
Today, 2004-2015.

Kenyataan Akhbar dari Arkib Negara Singapura

- ND 1997050902, Singapore Trade Development Board Press Release, TDB Opens Dubai Office to Boost Trade between Singapore and the Middle East, 9 Mei 1997.
- ND 2000022702, Prime Minister's Office Press Release, Official Visit by Prime Minister Goh Chok Tong to the United Arab Emirates (28-29 February 2000) and Oman (1-2 March 2000), 27 Feb. 2000.
- ND 2000032702, Ministry of Foreign Affairs Press Statement, Official Visit of the Crown Prince of Bahrain, Shaikh Salman bin Hamad Al Khalifa, 27-29 March 2000, 25 Mac 2000.
- ND 2000063006, Ministry of Foreign Affairs Press Release, Working Visit of Mr Yusuf bin Alawi bin Abdullah, Minister Responsible for Foreign Affairs of the Sultanate of Oman from 3 to 5 July 2000, 30 Jun 2000.
- ND 2003102313, Minister of Foreign Affairs Press Release, Official Visit of His Excellency Shaikh Khalifa bin Salman Al Khalifa of the Kingdom of Bahrain to Singapore, 26-28 October 2003, 23 Okt. 2003.
- ND 2004021804, Ministry of Finance Media Release, Signing of The Agreement Between Singapore And Bahrain For The Avoidance of Double Taxation And The Prevention Of Fiscal Evasion With Respect To Taxes On Income, 18 Feb. 2004.
- ND 2004022607, Ministry of Transport News Releases, Singapore and UAE Formalise Open Skies, 26 Feb. 2004.
- ND 2004033102, Minister of Trade and Industry Press Release, Minister George Yeo to Visit Qatar, Iran and the UAE from 1 April to 8 April 2004, 31 Mac 2004.
- ND 20050220999, Prime Minister Office Press Release, Official Visit to Kingdom of Saudi Arabia by Senior Minister Goh Chok Tong (20-25 February 2005), 20 Feb. 2005.
- ND 20050409997, Prime Minister Office Press Release, Official Visit by Senior Minister Goh Chok Tong to State of Qatar and State of Kuwait 9-12 April 2005, 8 Apr. 2005.
- ND 2005050401, Ministry of Foreign Affairs Press Release, DPM S Jayakumar's Visit To Saudi Arabia, 4 Mei 2005.

- ND 2005060702, Ministry of Foreign Affairs Press Statement, State Visit of His Highness Sheikh Hamad bin Khalifa al-Thani, Amir of the State of Qatar, 9-11 June 2005, 7 Jun 2005.
- ND 20050913999, Minister of Information, Communications and the Arts Press Release, Singapore and Kuwait Further Collaborate on E-Government – The Signing of the Second MOU between Singapore and Kuwait, 13 Sept. 2005.
- ND 20051114994, Prime Minister Office Press Statement, Visit of Minister Mentor Lee Kuan Yew to the Middle East and India 14 to 23 November 2005, 14 Nov. 2005.
- ND 20061114997, Prime Minister Office Press Statement, Visit by Minister Mentor Lee Kuan Yew to France (14 to 17 November 2006), Kuwait (17 to 19 November 2006) and United Arab Emirates (19 to 23 November 2006), 13 Nov. 2006.
- ND 20071113999, Singapore Government Media Release, Minister of State for Trade and Industry Lee Yi Shyan to Visit Muscat, Oman and Abu Dhabi, UAE from 13 to 16 November 2007, 13 Nov. 2007.
- ND 20071210996, Ministry of Trade and Industry Press Release, Singapore and Oman Sign Investment Guarantee Agreement, 10 Dis. 2007.
- ND 20080209997, Ministry of Foreign Affairs Press Statement, Visit to Singapore by the Minister of Foreign Affairs of the Kingdom of Bahrain His Excellency Shaikh Khalid bin Ahmed bin Mohammed al-Khalifa, 10-14 February 2008, 9 Feb. 2008.
- ND 20080625978, Ministry of the Environment and Water Resources Press Release, Singapore Signs Memorandum of Understanding on Water and Environmental Cooperation with the UAE, 25 Jun 2008.
- ND 20081110005, Ministry of Foreign Affairs Press Release, State Visit by President S R Nathan to the State of Kuwait, 3-6 November 2008, 4 Nov. 2008.
- ND 20081222005, Ministry of Trade and Industry Press Release, Singapore and the Gulf Cooperation Council (GCC) Sign Free Trade Agreement, 15 Dis. 2008.
- ND 20090317003, Ministry of Foreign Affairs Press Release, Visit by Deputy Prime Minister of the United Arab Emirates His Highness Sheikh Hamdan Bin Zayed Al Nahyan, 7 To 11 March 2009, 9 Mac 2009.
- ND 20090331006, Monetary Authority of Singapore Press Release, MAS Signs MOU with the Central Bank of the United Arab Emirates, 24 Mac 2009.
- ND 20090514007, Monetary Authority of Singapore Press Release, Monetary Authority of Singapore Signs MOU with Qatar Central Bank, 6 Mei 2009.
- ND 20091214003, Monetary Authority of Singapore-Central Bank of Bahrain Joint Press Release, Central Bank of Bahrain and the Monetary Authority of Singapore Sign MOU, 7 Dis. 2009.

- ND 20100228001, Singapore IE Media Release, Big Appetite Among Singapore Food Players for Opportunities in the Middle East, 21 Feb. 2010.
- ND 20110127006, IE Singapore's Media Release – Joint Media Release, Singapore and Abu Dhabi Explore Collaboration in Semi-Conductors, and Water and Wastewater Management at 5th Abu Dhabi-Singapore Joint Forum, 20 Jan. 2011.
- ND 20110624003, Ministry of Trade and Industry Press Release, Minister of State Lee Yi Shyan Hosts His Royal Highness Prince Saud bin Abdul Mohsen bin Abdul Aziz al-Saud, Governor of Ha'il Province, Kingdom of Saudi Arabia, 17 Jun 2011.
- ND 20130908002, Press Release Issued by Ministry of Trade and Industry and Ministry of Foreign Affairs, Gulf Cooperation Council-Singapore Free Trade Agreement Enters into Force, 1 Sept. 2013.
- ND 369-1985-06-30, Ministry of Foreign Affairs Press Release, Establishment of Diplomatic Relations between Bahrain and Singapore, 30 Jun 1985.
- ND 371-1985-11-18, Ministry of Foreign Affairs Press Release, Establishment of Diplomatic Relations between the Republic of Singapore and the State of Kuwait, 18 Nov. 1985.
- ND 868-1987-04-09, Ministry of Communications and Information Press Release, Visit of Minister For Communications and Information, Dr Yeo Ning Hong, To Saudi Arabia and Oman, 9 Apr. 1987.
- DN 982-1981-04-13, Ministry of Trade and Industry Press Release, Signing of Trade Agreement, 13 Apr. 1981.
- ND 1312-1977-05-05, Singapore Government Press Release – Joint Press Statement, Official Visit of the Minister for Foreign Affairs of Bahrain, His Excellency Shaikh Mahamed bin Mubarak al-Khalifa, 2-5 May 1977, 5 Mei 1977.
- ND 1464-1980-09-20, Singapore Government Press Release – Kuwait-Singapore Joint Statement, Issued on the Occasion of the State Visit of the Amir of Kuwait to the Republic of Singapore, 20 Sept. 1980.
- ND STPB19910520, Singapore Tourism Promotion Board Press Release, Singapore Promotion to Attract More Middle East Tourist, 20 Mei 1991.

Kenyataan Akhbar dari Laman Web

- Civil Aviation Authority of Singapore Media Release, Singapore and Bahrain Sign Open Skies Agreement, 7 Apr. 2005.
- Civil Aviation Authority of Singapore Media Release, Singapore Concludes Open Skies Agreement with Kuwait, 4 Nov. 2008.

Civil Aviation Authority of Singapore Media Release, Singapore Concludes Open Skies Agreement with Oman, 11 Feb. 2009.

Infocomm Development Authority of Singapore Press Release, Singapore and Oman Seal Co-operation in Infocomm Technology, 5 Nov. 2007.

Press Release Issued by Infocomm Development Authority of Singapore and ictQATAR, Singapore Strengthens Strategic Relationship with Qatar, 28 Nov. 2006.

Press Release Issued by Singapore Cooperation Enterprise and Qatar Ministry of Finance, Singapore Cooperation Enterprise Signs Agreement with Qatar Ministry of Finance for Singapore Ministry of Finance to Share Its Expertise, 10 Mei 2007.

Laporan Berkala

American Society for Testing Materials Committee D-2, Regina Gray dan C. J. Martin, "Burner, Heating and Lighting Fuels", dalam Salvatore J. Rand (ed.), *Significance of Tests for Petroleum Products*, edisi ketujuh, 2003.

Sturm, Michael, Jan Strasky, Petra Adolf dan Dominik Peschel, "The Gulf Cooperation Countries: Economic Structures, Recent Developments and Role in the Global Economy." *European Central Bank Occasional Paper Series*, No. 92, 2008.

United Nations Environment Programme Fifth Global Environment Outlook (GEO-5) Assessment Report, Malta: Progress Press Ltd, 2012.

Buku dan Artikel

Ameen Ali Talib, "Hadramis in Singapore", *Journal of Muslim Minority Affairs*, Vol. 17, No. 1, 1997, hlm. 89-96.

Barr, Michael D., "Beyond Technocracy: The Culture of Elite Governance in Lee Hsien Loong's Singapore", *The Griffith Asia Institute's Regional Outlook*, No. 6, 2005.

Beeson, Mark (ed.), *Contemporary Southeast Asia*, London: Palgrave Macmillan, 2008.

Chan, Heng Chee, "Singapore's Foreign Policy, 1965-1968", *Journal of Southeast Asian History*, Vol. 10, No. 1, 1969, hlm. 177-191.

Daquila, Teofilo C. dan Le Huu Huy, "Singapore and ASEAN in the Global Economy: The Case of Free Trade Agreements", *Asian Survey*, Vol. 43, No. 6, 2003, hlm. 908-928.

Davison, Roderic H., "Where is the Middle East?" *Foreign Affairs*, Vol. 38, No. 4, 1960, hlm. 665-675.

Dent, Christopher M., *The Foreign Economic Policies of Singapore, South Korea and Taiwan*, Gloucestershire: Edward Elgar Publishing Limited, 2002.

- Department of Statistics Singapore, *Census of Population 1990: Advance Data Release*, 1991.
- Department of Statistics Singapore, *Census of Population 2010 Statistical Release 1: Demographic Characteristics, Education, Language and Religion*, 2010.
- Fletcher, Max E., "The Suez Canal and World Shipping, 1869-1914", *The Journal of Economic History*, Vol. 18, No. 4, 1958, hlm. 556-573.
- Friedman, Saul S., *A History of the Middle East*, United States of America: Mc Farland & Company, 2006.
- Gately, Dermot, "Lessons from the 1986 Oil Price Collapse", *Brookings Papers on Economic Activity*, Vol. 1986, No. 2, 1986, hlm. 237-284.
- Hamid Ansari, "West Asia: The Imperative to Comprehend the Direction of Change" dalam Rajendra Madhukar Abhyankar (ed.), *West Asia and the Region: Defining India's Role*, New Delhi: Academic Foundation, 2008.
- Hasan-Askari Rizvi, "Gulf Cooperation Council", *Pakistan Horizon*, Vol. 35, No. 2, 1982, hlm. 29-38.
- Head, John W., "The Asian Financial Crisis in Retrospect – Observations on Legal and Institutional Lessons Learned after a Dozen Years", *East Asia Law Review*, Vol. 5, No. 31., 2009, hlm. 31-102.
- How, Wilfred Pow Ngee, Caroline Yeoh dan Joses Wong, "Singapore Venture into the Gulf: Undiscovered Treasure or Empty Pot?" *Journal of Economics and Behavioral Studies*, Vol. 3, No. 5, 2011, hlm. 317-325.
- How, Wilfred Pow Ngee, Caroline Yeoh dan Sharmaine Neo Si Min, "Asia in the Middle East: The Internationalization of Singapore Private Firms into the GCC", *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, Vol. 2, No. 10, 2012, hlm. 542-553.
- Huff, W. G., *The Economic Growth of Singapore: Trade and Development in the Twentieth Century*, Great Britain: Cambridge University Press, 1995.
- Hussin Mutalib, "Constitutional-Electoral Reforms and Politics in Singapore", *Legislative Studies Quarterly*, Vol. 27, No. 4, 2002, hlm. 659-672.
- HVIDT, Martin, "Economic Diversification in GCC Countries: Past Record and Future Trends", *Kuwait Programme on Development, Governance and Globalisation in the Gulf States*, No. 27, 2013, hlm. 1-49.
- Kamus Dewan*, Edisi Ketiga, Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.
- Lau, Teik Soon, "Singapore and ASEAN" dalam Peter Chen S. J. (ed.), *Singapore Development Policies and Trends*, Selangor: Oxford University Press, 1983, hlm. 285-300.

- Lee, Tai To, "Singapore and East Asia" dalam Peter Chen S. J. (ed.), *Singapore Development Policies and Trends*, Selangor: Oxford University Press, 1983, hlm. 335-359.
- Low, L., "A Case Study of Singapore's Bilateral and Cross-Regional Free Trade Agreements" dalam Saori N. Katada dan Mireya Solis (ed.), *Cross Regional Trade Agreements: Understanding Permeated Regionalism in East Asia*, New York: Springer Berlin Heidelberg, 2008, hlm. 47-69.
- Nandini Gooptu, "Neoliberal Subjectivity, Enterprise Culture and New Workplaces: Organised Retail and Shopping Malls in India", *Economic and Political Weekly*, Vol. 44, No. 22, 2009, hlm. 45-54.
- Nathan, K. S., "Malaysia-Singapore Relations: Retrospect and Prospect", *Contemporary Southeast Asia*, Vol. 24, No. 2, 2002, hlm. 385-410.
- Rodan, Garry, "Long-Awaited Leadership Transition", *Asian Survey*, Vol. 45, No. 1, 2005, hlm. 140-145.
- Roff, William R., "The Malayo-Muslim World of Singapore at the Close of the Nineteenth Century", *The Journal of Asian Studies*, Vol. 24, No. 1, 1964, hlm. 75-90.
- Ryan, N. R., *A History of Malaysia and Singapore*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1976.
- Shellabear, W. G. (ed.), *Sejarah Melayu*, Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1977.
- Shin Min Daily News (ed.), *From Lee Kuan Yew to Goh Chok Tong*, Singapore: The Print House Pte. Ltd., 1991, hlm. 139.
- Teo, Thompson S. H. dan James S. K. Ang, "Singapore's Manufacturing Sector as Engine for Economic Growth: Past, Present and Future", *Science and Public Policy*, Vol. 28, No. 5, 2001, hlm. 361-370.
- The Oxford English Reference Dictionary*, Edisi Kedua, New York: Oxford University Press, 1996.
- Tsiao, Hsu Yun, "Singapore in the Remote Past", *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. 45, No. 1, 1972, hlm. 1-9.
- Turnbull, C. M., *A History of Singapore 1819-1975*, Singapore: Oxford University Press, 1985.
- Wong, Lin Ken, *The Trade of Singapore 1819-1869*, Selangor: Academe Art & Printing Services Sdn. Bhd., 2003.

Yasser Mattar, "Arab Ethnic Enterprises in Colonial Singapore: Market Entry and Exit Mechanisms 1819-1965", *Asia Pacific Viewpoint*, Vol. 45, No. 2, 2004, hlm. 165-179.

Disertasi

Mazlan Zulkifly, "Dasar Luar Singapura (1965-1992)", Disertasi M. A., Universiti Malaya, 1999.

Mohd Shukri Hj Mohd Ghazali, "Hubungan Pertahanan Singapura-Israel", Disertasi M. A., Universiti Malaya, 2012.

Kertas Kerja Persidangan

Oweiss, Ibrahim M., "Petrodollars: Problems and Prospects", kertas kerja dibentangkan dalam "The World Monetary Crisis", di Arden House, Harriman Campus, Columbia University, 1-3 Mac, 1974.

Sumber Internet

"9 Dekad Bersama Lee Kuan Yew", *Berita Harian*, 30 Mac 2015, diakses pada 20 Sept. 2015, daripada <http://beritaharian.sg/setempat/9-dekad-bersama-lee-kuan-yew>.

Abu Dhabi-Singapore Joint Forum, diakses pada 8 Mei 2015, daripada <http://www.adsjf.com/en/about/introduction>.

Economic Development Board, diakses pada 11 Mac 2015, daripada <http://www.edb.gov.sg/content/edb/en/about-edb.html>.

European Parliament, *The 2000 Oil Crisis and Its Consequences in the EU Energy Sector*, diakses pada 1 Mei 2015, daripada <http://www.sustainable-design.ie/arch/2000OilCrisisEnergy.pdf>.

"GCC: Oil Prices and Regional Stability", *Global Finance*, 3 Sept. 2013, diakses pada 9 Mei 2015, daripada <https://www.gfmag.com/magazine/september-2013/gcc-oil-prices-and-regional-stability>.

"External Trade by Region/Country", Jabatan Statistik Singapura, diakses pada 21 Apr. 2015, daripada <http://www.tablebuilder.singstat.gov.sg/publicfacing/createDataTable.action?refId=2352>.

"External Trade by Region/Country", Jabatan Statistik Singapura, diakses pada 21 Apr. 2015, daripada <http://www.tablebuilder.singstat.gov.sg/publicfacing/createDataTable.action?refId=2357>.

How, Wilfred Pow Ngee dan Caroline Yeoh, "A New Frontier in Internationalization: Singapore's Gambits in the Middle East", *Research Collection Lee Kong Chian School of Business*, 2008, diakses pada 22 November 2014, daripada http://ink.library.smu.edu.sg/lkcsb_research/1125.

- How, Wilfred Pow Ngee, Caroline Yeoh dan Chong Hong Hao, “Internationalization into the GCC: Singapore in Retrospect”, *Research Collection Lee Kong Chian School of Business*, 2012, diakses pada 22 Nov. 2014, daripada http://ink.library.smu.edu.sg/lkcsb_research/3271.
- Majlis Ugama Islam Singapura*, diakses pada 15 Mac 2015, daripada <http://www.muis.gov.sg/cms/services/hal.aspx?id=458>.
- Ministry of Trade and Industry Singapore*, diakses pada 8 Mac 2015, daripada [http://www.mti.gov.sg/AboutMTI/Pages/International%20Enterprise%20Singapore%20\(IE%20Singapore\).aspx](http://www.mti.gov.sg/AboutMTI/Pages/International%20Enterprise%20Singapore%20(IE%20Singapore).aspx).
- “Oil Ministers See Demand Rising, Price May Exceed \$85 (Update2)”, *Bloomberg*, 10 Mei 2010, diakses pada 9 Mei 2015, daripada <http://www.bloomberg.com/apps/news?pid=newsarchive&sid=aqjfU59OuXbA>.
- Organization of the Petroleum Exporting Countries*, diakses pada 1 Mei 2015, daripada http://www.opec.org/opec_web/en/about_us/24.htm.
- QAF Limited*, diakses pada 15 Mac 2015, daripada <http://www.qaf.com.sg/launch.asp>.
- “Remarks by Prof Tommy Koh at Opening Session of AMED”, diakses pada 7 Mei 2015, daripada http://lkyspp.nus.edu.sg/wp-content/uploads/2013/04/sp_tommy_AMED_Opening-remarks_20-220605.pdf.
- “Saudi-Singapore Business Council Resolves to Enhance Bilateral Ties between Their Business Communities”, *Singapore Business Federation*, 21 Nov. 2007, diakses pada 8 Mei 2015, daripada <http://www.sbf.org.sg/public/newsroom/details/20071121pr.jsp>.
- “SBF Leads Business Mission to Qatar and United Arab Emirates to Explore Opportunities”, *Singapore Business Federation*, Jan. 29, 2008, diakses pada 7 Mei 2015, daripada <http://www.sbf.org.sg/public/newsroom/details/20080129pr.jsp>.
- “SBF Leads Business Mission to United Arab Emirates and Inaugural Visit to Kuwait”, *Singapore Business Federation*, 4 Mei 2012, diakses pada 2 Nov. 2014, daripada <http://www.sbf.org.sg/public/newsroom/details/20120504pr.jsp>.
- “SBF Mission to Saudi Arabia Addresses Business Challenges and Helps Singapore Businessmen Gain Market Insights”, *Singapore Business Federation*, 22 Jan. 2010, diakses pada 2 Nov. 2014, daripada <http://www.sbf.org.sg/public/newsroom/details/20100122pr.jsp>.
- “Singapore and Kuwait Strengthen e-Government Partnership”, *Infocomm News*, 1 Dis. 2008, diakses pada 6 Nov. 2014, daripada <http://www.ida.gov.sg/blog/insg/egov-sectors/singapore-and-kuwait-strengthen-e-government-partnership>.
- “Singapore and the Gulf Cooperation Council (GCC) Sign Free Trade Agreement”, *IE Singapore*, 15 Dis. 2008, diakses pada 10 Mei 2015, daripada http://www.fta.gov.sg/fta_C_gsfta.asp?hl=49.

Singapore Business Federation, diakses pada 3 Mei 2015, daripada <http://www.sbf.org.sg>.

Singapore Chinese Chamber of Commerce and Industry, diakses pada 3 Mei 2015, daripada <http://chinese.sccci.org.sg>.

“Singapore-Oman Commercial Ties at a High on the Anniversary of 25 Years of Bilateral Relations”, *Singapore Business Federation*, 15 Jun 2010, diakses pada 5 Mei 2015, daripada <http://www.sbf.org.sg/public/newsroom/details/20100614pr.jsp>.

“Singapore Cooperation Enterprise Signs Memorandum of Understanding with the Ministry of Finance of the Kingdom of Bahrain for Public Sector Collaboration”, *Singapore Cooperation Enterprise*, 19 Feb. 2008, diakses pada 6 Nov. 2014, daripada <http://www.sce.gov.sg/pdf/newsroom/2008/February-2008/Bahrain-MOU-News-Release-19-Feb-08.pdf>.

“Singapore Cooperation Enterprise Signs MOU with Oman Ministry of National Economy for Development Affairs”, 31 Jul. 2007, diakses pada 5 Nov. 2014, daripada <http://www.sce.gov.sg/pdf/newsroom/2007/July-2007/Oman-News-Release-31-Jul-07.pdf>.

“Singapore Exchange and Bahrain Stock Exchange Sign MOU to Foster Closer Relationship”, *Albawa*, 16 Okt. 2008, diakses pada 18 Sept. 2014, daripada <http://www.albawaba.com/business/singapore-exchange-and-bahrain-stock-exchange-sign-mou-foster-closer-relationship>.

Singapore Malay Chamber of Commerce & Industry, diakses pada 10 Mac 2015, daripada <https://smcci.wordpress.com/about/>.

Singapore Manufacturing Federation, diakses pada 24 Feb. 2015, daripada <http://www.smfederation.org.sg/index.php/profile>.

Singapore to Invest in Saudi Industries, 4 Dis. 2006, diakses pada 17 Sept. 2014, daripada <http://www.icis.com/Articles/2006/12/02/2017795/Singapore-to-invest-in-Saudi-industries.html>.

“Singapore Visa Facility May Be Available in Muscat This Year-End”, *Muscat*, 9 Jul. 2012, diakses pada 5 Nov. 2014, daripada <http://www.muscatdaily.com/Archive/Oman/Singapore-visa-facility-may-be-available-in-Muscat-this-year-end>.

SMU Students Head for the Middle East to Study Business Opportunities, 14 Mei 2007, diakses pada 1 Mei 2015, daripada <http://www.smu.edu.sg/news/2007/05/14/smu-students-head-middle-east-study-business-opportunities>.

“The Origins of the Financial Crisis, Crash Course”, *The Economist*, 7 Sept. 2013, diakses pada 9 Mei 2015, daripada

<http://www.economist.com/news/schoolsbrief/21584534-effects-financial-crisis-are-still-being-felt-five-years-article>.

The Singapore Connection in Qatar, 1 Apr. 2008, diakses pada 8 Nov. 2014, daripada <http://www.ida.gov.sg/blog/insg/ict-enterprises/the-singapore-connection-in-qatar>.

University of Malaya